Pemikiran Dan Tamadun Islam

AL-IHTIJAJ

-DIALOG IMAMAH -

AL- 'ALLAMAH AL-TABARSI

WAFAT PADA 620 H

14

AL-IHTIJAJ -DIALOG IMAMAH - AL- 'ALLAMAH AL-TABARSI WAFAT PADA 620 H

AL-IHTIJAJ

-DIALOG IMAMAH -

AL- 'ALLAMAH AL-TABARSI

WAFAT PADA 620 H

Diterjemahkan dari buku aslinya *Al-Ihtijaj*
Karya Abu Mansur Ahmad Bin Ali
Bin Abu Talib al-Tabarsi

Cetakan Bahasa Arab: Mu'assasah al-A'alami
Beirut, 1983
Tahqiq al-Sayyid Muhammad al-Baqir al-Musawi

Penterjemah: Profesor Dr.Lutpi Bin Ibrahim

Cetakan Pertama: Mac 1995

Diterbitkan oleh al-Wahdah Publications
Petaling Jaya
Selangor D.E

Edisi Bahasa Arab
Al-Ihtijaj

Edisi Bahasa Melayu

KATA-KATA PILIHAN

1.ΨΨ"Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu.Dan jika tidak kamu kerjakan(apa yang diperintahkan itu bererti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari gangguan manusia.Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir " ΨΨ
(Surah al-Maidah (5) :67)

2.ΨΨ "Wahai Tuhanku!Aku bersaksikan Engkau dan cukuplah Engkau sebagai saksi sesungguhnya aku telah menyampaikannya. Wahai manusia! Sesungguhnya Allah A.W. telah menyempurnakan agama kalian dengan *imamah*nya('Ali a.s).Siapa yang tidak berimamkannya dan orang yang menggantikan tempatnya yang terdiri daripada anak cucuku dari keturunannya sehingga hari kiamat, maka mereka itulah akan terbatal amalan-amalan mereka dan dalam nerakalah mereka kekal di dalamnya. Seksaan mereka tidak akan diringankan dan mereka pula tidak akan dilayani" ΨΨ
(Rasulullah S.a.w)

3.ΨΨ "Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Wilayah anda sepertilah wilayahku, satu janji yang telah dijanjikan oleh Allah kepadaku dan Dia memerintahkanku supaya menyampaikannya kepada anda*" selain daripadaku? ΨΨ
(Imama Ali a.s)

4.ΨΨ "Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah kalian mengetahui bahawa Rasulullah (s.'a.w.) ketika hampir wafat, Ahl al-Baitnya berkumpul dan beliau bersabda: "Sesungguhnya Ahl al-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang meninggalkannya tenggelam".ΨΨ
(Imam al-Hasan bin Ali a.s)

PRAKATA DAN KOMENTAR

Bismillahi r –Rahmani r- Rahim

Al-Hamdulillahi Rabbi l-'Alamin, kerana dapat menyiapkan terjemahan Khutbah atau Hadis Ghadir Khum, dialog Amir al-Mukminin Ali a.s dengan Abu Bakr, dialog Amir al-Mukiminin Ali a.s dengan Ahli Majlis Syura, dan dialog Imam Hasan b. Ali a.s dengan Mu'awiyah dan rakan-rakannya mengenai *Imamah* dan *khilafah* daripada buku *al-Ihtijaj* yang mengandungi 526 halaman, dua jilid di dalam satu, cetakan Beirut 1983.Diedit oleh al-Sayyid Muhammad al-Baqir al-Musawi al-Khurasan.

Al-Ihtijaj adalah karangan al-'Allamah Abu Mansur Ahmad bin Ali bin Abu Talib al-Tabarsi, mati pada tahun 620 hijrah.Beliau mempunyai beberapa buah karangan, antaranya:

Al-Ihtijaj, al-Kafi fi al-Fiqh, Tarikh al-Aimmah, Fadhl al-Zahra' a.s, *Mufakharah al-Talibiyyah, Kitab al-Salat, Taj al-Mawalid,* dan lain-lain.

Pemilihan empat tajuk tentang *imamah* daripada buku *al-Ihtijaj* yang bererti hujah atau dialog adalah penting kerana ia merupakan punca pertelingkahan umat Islam semenjak kewafatan Rasulullah (S. 'a.w).Ia perlu dikaji dari berbagai-bagi sudut; al-Qur'an, hadis, dan sejarah dengan hati yang jujur dan minda yang terbuka.Adalah diharapkan agar buku *al-Ihtijaj* yang mengandungi ribuan hujah Ahl al-Bait a.s dapat diterjemahkan kedalam bahasa Melayu secara keseluruhannya pada masa akan datang.

Di dalam penterjemahan ini saya telah menjadikannya empat bahagian menurut tajuk asal, dan ia khusus untuk pengikut-pengikut mazhab Ahlu l-Bait a.s atau mazhab Ja'fari atau mazhabh Syi'ah Imam Dua Belas sahaja.

Semoga ia dapat menambahkan lagi keilmuan mereka dan menjadikanya bahan pemikiran sebelum ajal menjemput mereka, amin.

Penterjemah dan Komentar,
Profesor Dr.Lutpi bin Ibrahim,
Jabatan Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
25hb Mac, 1995.

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA

KHUTBAH RASULULLAH S.A.W. DI GHADIR KHUM

Pengenalan

Khutbah atau Hadis Nabi (s.a.w.) di Ghadir Khum yang terletak sejauh tiga batu dari Juhfah berhampiran Rabigh selepas beliau kembali mengerjakan haji terakhir pada 18hb.Dhul-Hijjah tahun 10 Hijrah, telah diriwayatkan oleh para ulama Islam di setiap peringkat, kerana ia merupakan khutbah Nabi (s.`a.w.) terakhir yang memusatkan kepada konsep *imamah* (kepemimpinan) selepas beliau, di hadapan lebih seratus ribu para sahabat-nya[1].

Di hari itu Jibrail a.s memerintahkan Nabi(s.a.w.)supaya mengisytiharkan kepada para sahabatnya bahawa `Ali adalah imam atau khalifah selepas beliau. Pada mulanya beliau keberatan untuk mengisytiharkannya kerana khuatir kebanyakan para sahabatnya akan menentangnya.

Beliau sendiri menerangkan kedudukan umatnya pada masa itu sebagaimana beliau bersabda: Aku telah memohon maaf kepada Jibrail lantaran aku tidak menyampaikannya kepada kalian, kerana aku mengetahui betapa sedikitnya orang yang bertakwa[2], betapa ramainya orang yang munafik[3], bersandarkan Islam yang disifatkan oleh Allah A.W di dalam kitab-Nya "*Mereka mengucap dengan lidah mereka apa yang tidak ada dalam hati mereka*" (Surah al-Fath 48: 11)[4]. Malah mereka melontar kata-kata kesat terhadap Rasulullah (s.`a.w.) dan menyakiti hati beliau. Peristiwa tersebut masih segar di dalam ingatan Rasulullah (s.`a.w.).

Justeru itu beliau bersabda:"*Jika aku mahu, aku akan menyebutkan nama-nama mereka atau menunjukkan mereka kepada kalian*"[5]Ini menunjukkan bahawa orang-orang yang dimaksudkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) masih ada di hadapannya, tetapi beliau tidak mahu

---

[1] Lihat umpamanya al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, Baghdad 1950, VIII, hlm. 290; al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, Cairo 1340 H, hlm. 130; al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo 1963, hlm. 114; Ibn Hajr, *al-Isabah*, Baghdad 1345 H, III, hlm. 408; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, 1349 H, III, hlm. 307 dan lain-lain.

[2] Maksud Surah al-Saba' 34 : 13 "*Dan sedikit sekali dari hamba-hambaku yang bersyukur*".

[3] Lihat umpamanya Surah Ali `Imran, al-Ahzab, Muhammad, al-Fath, al-Munafikin, al-Hadid, al-Mujadalah dan al-Hasyr.

[4] Al-`Allamah al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, Beirut 1403 H, I, hlm. 59.

[5] Ibid.

melakukannya kerana ia tidak diizinkan oleh Allah A.W. Di hari itu cuaca panas terik, sekiranya daging dicampak ke tanah nescaya ia akan masak. Nabi (s.`a.w.) memerintahkan mereka supaya menyusun batu seperti mimbar.

Kemudian diteduhi kain di atasnya.Manakala mereka berhimpun, beliau memberi khutbahnya yang paling bersejarah dengan menguatkan suaranya supaya dapat didengari oleh lebih seratus ribu kaum muslimin. Selepas memuji Allah A.W., beliau mengisytiharkan kepada umatnya ketika itu tentang kematiannya seraya bersabda: "Aku telah dipanggil dan hampir aku menyahutinya dan denyutan jantung hatiku kian memuncak di hadapan kalian". Kemudian beliau mengangkat tangan `Ali `a.s sehingga orang ramai melihat keputihan ketiak Rasulullah(s.`a.w.) sambil bersabda: "Wahai manusia! Tidakkah aku lebih *aula* daripada diri kalian?

Mereka menjawab: Ya! wahai Rasulullah. Beliau bersabda: Wahai Tuhanku, siapa yang aku telah menjadi *maulanya*, maka ini `Ali *maulanya*. Wahai Tuhanku, cintailah orang yang mewalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya"[6].

Justeru itu, khutbah atau hadis Rasulullah (s.`a.w.) di Ghadir Khum dan lain-lain merupakan penjelasan kepada konsep *imamah* di dalam al-Qur'an itu sendiri. Di dalam al-Qur'an konsep *imamah*[7] terbahagi kepada dua. Pertama,konsep *imamah* yang membawa manusia ke syurga di mana *imamah*nya (kepemimpinannya) adalah sejajar dengan al-Qur'an.Di antaranya telah diterangkan di dalam surah al-Anbiya' 21: 73 "*Kami telah menjadikan mereka para imam (pemimpin-pemimpin) yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, mendirikan solat, menunaikan zakat dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah*".

Firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah 2: 124 "*Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia. Dan Ibrahim berkata:(Dan saya mohon jawatan imam itu) dari keturunanku.Dia berfirman: Janjiku (ini) tidak termasuk orang yang zalim*".Justeru itu orang yang zalim tidak sah menjadi imam (pemimpin) menurut al-Qur'an, dan firman-Nya di dalam Surah Yunus 10: 35 "*Maka apakah orang yang menunjuki kepada kebenaran itu lebih berhak diikuti ataukah orang yang tidak dapat memberi petunjuk kecuali apabila diberi*

---

[6] Al-Khawarizmi ,*al-Manaqib*, hlm. 1301; al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 290;
Ibn Hajr, *al-Isabah*, III, hlm. 408; al- Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114.

[7] Untuk mengeahui konsep Imamah menurut Ahl al-Sunnah,lihat buku *Konsep Imamah dan khilafah Serta implikasinya menurut Ahl al-Sunnah wa l-Jama'ah*,Hizbi,Shah Alam,1993.

petunjuk? Mengapa kamu berbuat demikian? Bagaimanakah kamu mengambil keputusan? Ini bererti para pemimpin selepas Rasulullah (s.'a.w.) mestilah terdiri dari mereka yang tidak melampaui perintah Allah dan Rasul-Nya, kerana mereka merupakan *Uli l-Amr* yang wajib ditaati oleh umat sebagaimana firmanNya Surah al-Nisa' 4: 59 "*Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan Uli l-Amr di kalangan kamu*". Kedua: *Imamah* yang menyeru manusia kepada neraka.Di antaranya sebagaimana diterangkan di dalam surah al-Qasas 28: 41 "*Dan Kami jadikan mereka para imam (pemimpin-pemimpin) yang menyeru(manusia) ke neraka dan pada hari kiamat mereka tidak akan dibantu*".

Dan firman-Nya Surah al-Ahzab 33: 67 "*Dan mereka berkata: Ya,Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mentaati pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar*".Kedua-dua konsep *imamah* tersebut telah dijelaskan oleh Rasulullah(s.'a.w.) di dalam khutbahnya di Ghadir Khum dan ditempat-tempat lain.Justeru itu beliau tidak mengabaikannya[8] kerana kepemimpinan (*imamah*) adalah asas bagi kesempurnaan agama Islam.

Terjemahan Teks

Di sini akan dikemukakan teks khutbah atau hadis Ghadir Khum sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Mansur Ahmad b. 'Ali b. Abi Talib al-Tabarsi[9], ulama Mazhab Ja'fari abad keenam hijrah di mana sanadnya bersambung dengan Imam Muhammad al-Baqir b. Imam 'Ali Zain al-'Abidin b. Imam Husain b. Imam 'Ali b. Abi Talib 'a.s.

Untuk membuktikan kesahihannya, penulis membuat rujukan kepada buku-buku karangan para ulama Ahl al-Sunnah seperti *Sahih al-Bukhari, Sunan al-Nasa'i, Musnad Ibn Hanbal, Tarikh al-Tabari,Yanabi' al-Mawaddah, Kanz al-'Ummal, Tarikh al-Khulafa', al-Durral-Manthur, al-Isabah, Tarikh Baghdad, Kifayah al-Talib, Manaqibal-Khawarizmi, Tafsir al-Kabir, Ruh al-Ma'ani, Nur al-Absar, Usdal-Ghabah,* al-Isti'ab dan lain-lain.

Justeru itu khutbah atau hadis al-Ghadir telah dicatat oleh para ulama Ahl al-Sunnah di dalam buku-buku mereka walaupun kadangkala terdapat sedikit perbezaan dari segi lafaz, tetapi ia memberi pengertian yang sama. Kebanyakan mereka mencatatnya secara terputus, panjang, pendek dan dimasukkan di dalam bab-bab yang berasingan sehingga ia dilihat sebagai tiada kaitan dengan

---

[8] Lihat *Antologi Pemikiran Islam*, Hizbi, Shah Alam , 1993, hlm. 206-239.

[9] Al-'Allamah al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I, hlm. 55-56,58-67.

khutbah al-Ghadir. Ini berkemungkinan kuasa politik semasa tidak membenarkan mereka berbuat demikian[10].

Lantaran itu, bahagian-bahagian hadis yang dipisahkan itu, kelihatan seolah-olah tiada kaitan dengan khutbah di Ghadir Khum tentang perlantikan `Ali `a.s sebagai imam atau khalifah selepas Rasulullah (s.`a.w.) Walaubagaimanapun teks penuh khutbah al-Ghadir yang dikemukakan oleh al-`Allamah al-Tabarsi, akan memberi wawasan baru kepada pengkaji-pengkaji tanpa prejudis dan irihati.
Al-Tabarsi menulis:

Al-Sayyid Abu Ja`far Mahdi b. Abi Harb al-Husaini al-Mar`asyi r.a telah memberitahu kami dia berkata: al-Syaikh Abu `Ali al-Hasan b. al-Syaikh al-Sa`id Abi Ja`far Muhammad b. al-Hasan al-Tusi r.a, telah memberitahuku dia berkata: al-Syaikh al-Sa`id al-Walid Abu Ja`far q.r telah memberitahuku dia berkata: Jama`ah daripada Abi Muhammad Harun b. Musa al-Tala`kbari telah memberitahu kami, dia berkata: Abu `Ali Muhammad b. Hammam telah memberitahu kami, dan berkata: `Ali al-Suri telah memberitahu kami, dia berkata: Abu Muhammad al-`Alawi daripada anak lelaki al-Aftas di kalangan hamba Allah yang salih telah memberitahu kami dia berkata: Muhammad b. Musa al-Hamdani telah memberitahu kami, dia berkata: Muhammad b. Khalid al-Tayalasi telah memberitahu kami, dia berkata: Saif b. `Umairah dan Salih b. Uqbah telah memberitahu kami daripada Qais b. Sam`an daripada `Alqamah b. Muhammad al-Hadrami daripada Abu Ja`far b. Muhammad b. `Ali Zain al-`Abidin b. Husain b. `Ali b. Abi Talib daripada Rasulullah s.`a.w.

Beliau bersabda: "Segala puji bagi Allah, Yang Maha Tinggi dalam kesatuan-Nya, berdekatan dalam keesaan-Nya,mulia dalam pemerintahan-Nya, besar dalam kekuasaan-Nya, keilmuan-Nya yang menyeluruh sedangkan Dia "berada" di `Arasy-Nya. Menundukkan seluruh makhluk dengan kekuasaan dan hujah-Nya yang mulia sehingga Dia sentiasa dipuji,Dialah pencipta langit, penjadi sesuatu dengan rapi. Dialah Penguasa bumi dan langit, Maha Tinggi Maha suci Tuhan para malaikat dan ruh, Maha Pemurah kepada semua orang yang tidak mensyukuriNya,Maha Mengetahui di atas segala yang dijadikan-Nya.Memerhati setiap mata, tetapi mata (mata) tidak dapat melihatNya. Mulia, Pemaaf dan menyenangkan, rahmat-Nya meliputi setiap sesuatu, mengurniakan nikmat-Nya ke atas mereka.Tidak cepat membalas dendam dan tidak segera mengenakan azab ke atas mereka.

---

10 Lihat umpamanya al-Dhahabi, *Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad 1958,I, hlm. 3; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, Baghdad 1958, V, hlm. 237.

Dia memahami segala rahsia, Dia mengetahui segala bisikan hati, tidak dapat diselindungi oleh perkara-perkara yang tersembunyi.

Tidak dikelirukan oleh perkara yang halus, mengetahui setiap sesuatu, memenangi setiap sesuatu, menguasai di atas segala-galanya. Tidak sesuatu pun menyerupai-Nya, Dia mencipta sesuatu ketika ia (sesuatu) tidak ada. Sentiasa melakukan keadilan, tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Mulia lagi bijaksana, sekali-kali penglihatan tidak mencapai-Nya, sedangkan Dia mencapai penglihatan.

Dia bertimbang rasa dan bijaksana, tiada seorang pun dapat mengaitkan sifat-Nya secara "penentuan" dan tiada seorang pun mendapati bagaimanakah Dia secara rahsia atau terang-terangan melainkan mengikut apa yang telah ditunjuk oleh Dia ke atas diri-Nya. Aku naik saksi sesungguhnya Allah memenuhi masa dengan segala kekudusan-Nya, Dialah yang menutupi cahaya-Nya selama-lama, Dia melaksanakan urusan-Nya tanpa mesyuarat. Tanpa bersama-Nya sekutu di dalam sesuatu nilaian dan tidak ada kecacatan di dalam pentadbiran-Nya. Dia telah menggambarkan apa yang direkakan-Nya tanpa contoh, Dia telah mencipta apa yang diciptakan-Nya dengan mudah tanpa pertolongan orang lain dan bersih dari tipudaya

Dia menciptanya kemudian ia terus "jadi", Dialah Tuhan yang tiada Tuhan melainkan Dia yang rapi dan elok pembuatan-Nya. Keadilan-Nya adalah lebih mulia dan tidak pernah dizalimi di mana segala perkara kembali kepada-Nya. Aku naik saksi bahawa segalanya tunduk kepada kekuasaan-Nya serta mentaati-Nya kerana kehebatan-Nya memiliki segala milik. Dialah yang membuat cakerawala bergerak, Dialah yang menundukkan bulan dan matahari, semuanya berjalan menurut masa yang ditentukan. "*Dialah yang menutupkan malam ke atas siang dan menutupkan siang ke atas malam*" (Surah az-Zumar 39:5)"*yang mengikutinya dengan cepat*".(Surah al-A'raf 7:54) Penentang setiap penguasa yang degil dan pembinasa setiap syaitan yang menceroboh, tiada bersama-Nya lawan dan teman, satu (ahad) menjadi tempat tumpuan.

Tidak beranak dan diperanakkan dan tidak ada sesuatu pun menyerupai-Nya, Tuhan yang satu dan Tuhan yang mulia, melakukan sesuatu yang dikehendaki-Nya. Dia mengetahui lantas menghitung sesuatu, mematikan dan menghidupkan, pemberi dan pencegah rezeki, "ketawa" dan "menangis", menghalang dan memberi. Bagi-Nya kekuasaan dan baginya kepujian, di tangan-Nya segala kebaikan, Dia berkuasa di atas setiap sesuatu. Memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang dan memasukkan siang ke dalam waktu malam.

Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Mengetahui lagi pengampun, Dialah penerima doa, pengurnia segala pemberian dan penghitung segala jiwa. Tuhan syurga dan manusia, Dia tidak menghadapi sebarang kesulitan, tidak menolak laungan orang yang

memohon pertolongan, tidak dimetrikan oleh keluhan orang yang berhajat. Pelindung bagi orang-orang yang salih, pemberi taufiq kepada orang-orang yang bahagia.

Dialah *maula* kepada segala alam yang berhak dari setiap makhlukNya bersyukur dan memuji-Nya. Aku memuji-Nya di dalam kesenangan dan kesusahan, kesulitan dan kelapangan. Aku beriman dengan-Nya, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya. Aku mendengar suruhan-Nya, aku mematuhi dan bersegera menurut keridaan-Nya. Aku menyerahkan diriku kepada qada'-Nya kerana cintakan ketaatan-Nya dan takutkan balasan-Nya, kerana Dialah Allah yang tidak menjamin keselamatan jika dilakukan apa yang dibenci-Nya. Dan Dia pula tidak teragak-agak mengenakan balasan-Nya. Aku berikrar dengan diriku sendiri untuk beribadah kepada-Nya dan aku naik saksi tentang ketuhanan-Nya. Aku akan melaksanakan apa yang diwahyukan kepadaku dengan penuh waspada

Jika aku tidak melaksanakannya lantas aku akan binasa sehingga tiada seorangpun dapat mempertahankanku dari azab-Nya sekalipun besar ujian-Nya, tiada Tuhan melainkan Dia.Kerana Dia telah memberitahuku sesungguhnya jika aku tidak menyampaikan apa yang diturunkan kepadaku nescaya aku tidak menyampaikan risalahNya. Lantaran itu Dia memberi jaminan melindungiku dengan *`ismah*, Dia Allah adalah mencukupi (bagiku). Kemudian Dia menurunkan wahyu kepadaku[11].

*Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani. Wahai Rasul ! sampailah apa yang telah diturunkan kepada kamu mengenai `Ali* - [jawatan Khalifah adalah untuk `Ali bin Abi Talib]. *Dan jika kamu tidak menyampaikannya bererti kamu tidak menyampaikan risalah-Nya, "Dan Allah menjaga kamu dari manusia"*. (Surah al-Maidah 5:67)Wahai manusia!Aku tidak mengabaikan tanggungjawabku di dalam menyampaikan apa yang telah diturunkan oleh Allah kepadaku. Akulah orang yang menerangkan kepada kalian. Sebab turunnya ayat *"Wahai Rasul,sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu. Dan jika kamu tidak kerjakan, bererti kamu tidak menyampaikan amanat-Nya"* (Surah al-Maidah 5:67).

Sesungguhnya Jibra'il telah turun kepadaku sebanyak tiga kali memerintahkanku supaya menyampaikan perintah Tuhanku; supaya aku terus melaksanakannya. Aku pun mengisytiharkannya kepada semu peringkat; sama ada yang berkulit putih dan yang berkulit hitam bahawa sesungguhnya `Ali bin Abi Talib a.s adalah saudaraku, wasiku,

---

[11] Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, Cairo 1957, hlm. 150; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, Beirut 1960, II, hlm. 298; Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Baghdad 1963, IV, hlm. 637.

khalifahku dan imam selepasku di mana kedudukannya di sisiku samalah kedudukan Harun di sisi Musa selain dari kenabian kerana tiada nabi selepasku[12].Beliaulah wali kalian di sisi Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menurunkan ke atasku satu ayat mengenai wilayah `Ali "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya dan orang-orang yangberiman yang mendirikan solat, menunaikan zakat dalam keadaan rukuk*" (Surah al-Maidah 5:55).

`Ali bin Abi Talib telah mendirikan solat dan menunaikan zakat di dalam keadaan rukuk, kerana melakukan ibadat kepada Allah pada setiap masa[13]. Aku telah memohon maaf kepada Jibra'il lantaran aku tidak menyampaikannya kepada kalian. Wahai manusia, kerana aku mengetahui betapa sedikitnya orang yang bertakwa, betapa ramainya orang yang munafik, pengkhianat dan tipudaya orang bersandarkan Islam yang disifatkan oleh Allah di dalam kitabNya "*Mereka mengucap dengan lidah mereka apa yang tidak ada dalam hati mereka*"(Surah al-Fath 48:11).

Dan betapa banyak mereka telah menyakiti hatiku sehingga mereka menamakan aku *uzunun* (iaitu mendengar atau mempercayai apa saja yang diperkatakan kepadanya).Mereka menyangka aku sedemikian rupa kerana selalu "bergaul" dengan-Nya dan sehingga Allah menurunkannya di dalam al-Qur'an "*Di antara mereka ada yang menyakiti Nabi dan menyatakan: Nabi mempercayai semua yang didengarnya. Katakanlah: Ia mempercayai semua yang baik bagi kamu, ia beriman kepada Allah, mempercayai orang-orang mukmin*" (Surah al-Taubah 9:61).

Jika aku mahu, aku akan menyebutkan nama-nama mereka atau menunjukkan mereka kepada kalian.Tetapi aku tidak mahu melakukannya,kerana Allah tidak merestuiku melainkan menyampaikan apa yang diturunkan kepadaku. Kemudian beliau (s.`a.w.) membaca "*Wahai Rasul sampaikanlah apa yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu - tentang `Ali - dan jika kamu tidak melakukan bererti kamu tidak menyampaikan risalah-Nya. Dan Allah menjaga kamu dari manusia*" (Surah al-Maidah 5: 67).

Ketahuilah wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah melantik `Ali untuk kalian sebagai wali, dan imam yang wajib ditaati ke atas Muhajirin, Ansar dan Tabi`in; sebagaimana wajib ditaati oleh penghuni padang pasir, bandar, Arab bukan Arab, merdeka, hamba kecil besar, berkulit putih dan hitam.Malah ke atas setiap orang yang mentauhidkan

[12] Al-Bukhari, *Sahih*, Cairo 1348 H, III, hlm. 54 dalam "Kitab al-Maghazi" bab peperangan Tabuk; Muslim, *Sahih*, Cairo 1311 H, II ,hlm. 236 dan 237 dalam bab "Fadl al-Sahabah", bab Fadl `Ali A.S.; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 98, 118 dan 119; Ibn Hajr al-`Asqalani, *al-Isabah*, II, hlm. 507.

[13] Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 293.

Allah S.W.T. Terkutuk bagi orang yang menentangnya. Dirahmati orang yang mengikutinya, mukmin orang yang membenarkannya. Allah mengampuninya dan orang yang mengambil ilmu daripadanya dan mentaatinya[14].

Wahai manusia! Ini merupakan tempat yang terakhir aku berdiri di hadapan kalian.Lantaran itu dengarlah, taatilah dan ikutilah perintah Tuhan kalian. Sesungguhnya Allah `Azza wa Jalla adalah *maula* kalian dan Tuhan kalian kemudian selepas-Nya Muhammad (s.`a.w.) adalah wali kalian yang sedang berpidato di hadapan kalian. Kemudian selepasku `Ali adalah wali kalian dan imam kalian dengan perintah Tuhan kalian.

Kemudian *imamah* adalah pada zuriatku daripada anaknya sehingga di hari kalian berjumpa Allah dan Rasul-Nya. Tidak ada suatu perkara pun yang halal melainkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah dan tidak ada suatu perkara pun yang haram melainkan apa yang telah diharamkan oleh Allah. Dialah yang menerangkan kepadaku halal dan haram di dalamkitab-Nya. Kemudian aku menerangkan halal dan haramnya kepada `Ali[15]. Wahai manusia! Tidak ada suatu ilmu pun melainkan Allah telah menyampaikanya kepadaku.Dan setiap ilmu yang aku mengetahuinya, aku menyimpannya pada imam mubin (`Ali a.s) dan tidak ada suatu ilmu pun melainkan aku mengajarnya kepada `Ali. Dan beliaulah imam mubin.

Wahai manusia!Janganlah kalian menyimpang daripadanya, janganlah kalian lari daripadanya, janganlah kalian angkuh dengan menentang wilayahnya. Kerana beliaulah yang menunjuk kepada kebenaran dan beramal dengannya. Beliaulah yang menghilangkan kebatilan dan melarangnya.Janganlah kalian menghiraukan celaan orang yang mencela. Beliaulah orang pertama beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.Beliaulah yang mengorbankan dirinya sendiri untuk Rasulnya.Beliaulah bersama Rasulullah.Dan tidak ada seorang pun menyembah Allah bersama Rasul-Nya di kalangan lelaki selain daripadanya[16].

Wahai manusia!Hormatilah beliau kerana Allah telah mengurniakan kelebihan kepadanya. Terimalah beliau kerana Allah telah melantiknya untuk kalian.Wahai manusia!Sesungguhnya beliau adalah imam daripada Allah. Allah sekali-kali tidak akan menerima taubat seorang

---

[14] Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 150; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298; al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, Cairo 1958, V, hlm. 172; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, Tehran 1385 H, hlm. 128.

[15] Abu Nu`aim alAsfahani, *Hilyah al-Auliya'*, I, hlm. 65; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 92.

[16] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 91.Ahmad b.Hanbal, *al-Musnad*, II, hlm. 102; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III,hlm. 5.

yang mengingkari wilayahnya.Dan Allah sekali-kali tidak akan mengampuninya. Sudah pasti Allah akan melakukan hal demikian ini terhadap orang yang menyalahi perintah-Nya mengenainya.Dan Dia akan menyeksanya dengan seksaan pedih yang berpanjangan.Lantaran itu kalian berhati-hatilah supaya kalian tidak menyalahinya. Justeru itu kalian akan dibakar di neraka di mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu disediakan kepada orang-orang yang ingkar[17].

Dengan kamilah Allah telah menurunkan rezeki dan mengekalkan makhluk (buat seketika).Terkutuk, terkutuk.Dimurkai-, dimurkai Wahai manusia! Dengan akulah demi Allah, para nabi dan rasul yang terdahulu diberi khabar gembira.Aku adalah penamat para nabi dan Rasul.Akulah juga hujah ke atas semua makhluk di bumi dan di langit. Sesiapa yang mengsyakinya dia adalah kafir sebagaimana kafir jahiliyah.Dan sesiapa yang mengsyaki sabdaku ini, bererti dia mengsyaki kesemuanya.Orang yang mengsyakinya adalah neraka sebagai balasannya[18].

Wahai manusia!Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kelebihan ini ke atasku sebagai ihsan-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia. Segala puji untuk-Nya daripadaku buat selama-lamanya.Wahai manusia! Hormatilah `Ali kerana beliau sebaik-baik manusia selepasku di kalangan lelaki dan perempuan. orang yang menolak sabdaku ini dan tidak mempersetujuinya.Sesungguh-nya Jibra'il telah memberitahuku mengenainya daripada Allah S.W.T. dan berkata:Sesiapa yang memusuhi `Ali dan tidak menjadikannya wali, maka laknat dan kemurkaan-Ku ke atasnya.Seseorang itu hendaklah memikirkan apa yang telah dikemukakan untuk hari esok dan bertakwalah kepada Allah supaya beliau tidak menyalahi-Nya kerana dikhuatiri kaki akan tergelincir selepas ia tegak. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang dilakukan oleh kalian[19].

Wahai manusia!Sesungguhnya beliaulah *janb*-Allah yang disebutkan di dalam kitab-Nya "*Supaya jangan ada orang yang mengatakan amat besar penyesalan atas kelalaianku terhadap janb-Allah*"(Surah al-Zumar 39:56).Wahai manusia!Pelajarilah al-Qur'an dan fahamilah ayat-ayatnya.Perhatikanlah ayat-ayat *Muhkamah*nya dan janganlah kalian mengikuti ayat-ayat *Mutasyabihah*nya.Demi Tuhan,

---

17 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 251; al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 43; Ibn Hajr, *Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad 1327 H, I, hlm. 343.

18 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 91; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 128.

19 Ahmad b Hanbal, *al-Musnad*, II, hlm. 102; al-Muttaqi al-Hindi , *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 159; Ibn Hajr, *Tahdhib al-Tahdhib*, V , hlm. 379.

tidak akan menerangkan kepada kalian tentang halangan-halangannya dan tidak akan menerangkan kepada kalian penafsiran-penafsirannya melainkan orang yang aku memegang tangannya sekarang.

Dan aku memberitahu kalian sesungguhnya sesiapa yang aku *maulanya*, maka ini `Ali adalah *maulanya*, iaitu `Ali bin Abi Talib A.S, saudaraku, wasiku. Dan wilayahnya adalah daripada Allah S.W.T. yang telah menurunkannya ke atasku[20].

Wahai manusia! Sesungguhnya `Ali dan orang yang baik daripada anak cucuku merupakan thiqal al-Asghar (harta paling kecil yang bernilai) dan al-Qur'an adalah thiqal al-Akbar (harta paling besar yang bernilai).Setiap orang menceritakan tentang sahabatnya dan bersatu dengannya.Kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga dikembalikan Haud kepadaku.Mereka itulah pemegang amanah Allah pada makhluk dan para bijak pandai di bumi-Nya.Sesungguhnya aku telah menunaikannya. Sesungguhnya aku telah menyampaikannya dan aku memperdengarkannya kepada kalian. S.W.T. telah berfirman dan sabdaku itu adalah daripada Allah.

Sesungguhnya tidak ada Amiru l-Mukminin selain daripada saudaraku ini. Dan tidak seorang pun layak untuk melaksanakannya selepasku selain daripadanya. Kemudian beliau meletakkan tangannya ke bahu `Ali kemudian mengangkatnya[21]. Wahai manusia! Ini adalah `Ali saudaraku, wasiku, penjaga ilmuku, khalifahku ke atas umatku dan di atas tafsir kitab Allah Azza Wa Jalla. Penyeru kepadanya dan beramal dengan apa yang diredaiNya, memerangi musuh-musuhNya, setia mentaatiNya dan pencegah dari mendurhakaiNya.

Beliaulah khalifah Rasulullah, Amiru l-Mukminin,Imam petunjuk, penentang Nakithin (Ashab Jamal), Qasitin (Ashab al-Siffin) dan Mariqin (Ashab al-Nahrawan)[22]. Aku berkata: Sabdaku tidak boleh ditukar ganti kerana ia adalah perintah Tuhanku. Aku berkata: Wahai Tuhanku! Hormatilah orang yang mewalikan `Ali.Musuhilah orang yang memusuhinyaLaknatilah orang yang mengingkarinya, murkailah orang yang mengingkari haknya.Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkaulah yang telah menurunkan ke atasku bahawa Imamah selepasku adalah

---

[20] Al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, VI, hlm. 172; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298,al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 120; al-Khatib, *Tarikh* Baghdad, VIII, hlm. 290; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, Tehran 1404 H, hlm. 113.

[21] Al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, VI, hlm. 172. al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 120; al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 290; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 113.

[22] Al-Turmudhi al-Hanafi, *al-Kaukab al-Durriy*, Damascus 1958,Hlm.143; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 251; *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 154.

untuk 'Ali sebagai wali Engkau sebaik saja peneranganku mengenainya dan perlantikanku terhadapnya[23].

Dengan itu Engkau telah menyempurnakan untuk hamba-hamba-Mu agama mereka. Dan engkau telah menyempurnakan ke atas mereka nikmat-Mu dan Engkau telah meredai bagi mereka Islam sebagai agama.Maka Engkau berfirman: "*Barangsiapa mencari agama lain selain agama Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima agama itu daripadanya dan di akhirat termasuk* orang-orang *yang rugi*" (Surah Ali 'Imran 3:85).

Wahai Tuhanku!Aku mempersaksikan Engkau dan cukuplah Engkau sebagai saksi sesungguhnya aku telah menyampaikannya. Wahai manusia! Sesungguhnya Allah A.W. telah menyempurnakan agama kalian dengan imamahnya('Ali a.s).Siapa yang tidak berimamkannya dan orang yang menggantikan tempatnya yang terdiri daripada anak cucuku dari keturunannya sehingga hari kiamat, maka mereka itulah akan terbatal amalan-amalan mereka dan dalam nerakalah mereka kekal [24]di dalamnya. Seksaan mereka tidak akan diringankan dan mereka pula tidak akan dilayani[25].

Wahai manusia! Ini ialah 'Ali orang yang paling kuat di kalangan kalian yang membantuku, orang yang paling berhak di kalangan kalian denganku. Beliau adalah orang yang paling akrab di kalangan kalian kepadaku dan orang yang paling mulia di sisiku dan Allah A.W. Kami meredhainya.Tidak terdapat ayat mengenai keredhaan melainkan ia turun pada 'Ali. Allah tidak berfirman dengan "*Wahai orang-orang yang beriman*" melainkan Dia memulakan dengan 'Ali.Tidak terdapat ayat pujian di dalam al-Qur'an melainkan padanya. Dan Dia tidak memberi penyaksian syurga tentang *Hal Ata* (Surah al-Insan 76:1) melainkan untuknya.Dia tidak menurunkannya selain daripadanya. Dan Dia tidak memuji dengannya (ayat) selain daripadanya ('Ali a.s)[26].

Wahai manusia!Beliau adalah pembantu agama Allah, penyokong Rasulullah.Beliau adalah seorang yang bertakwa, bersih dan petunjuk. Nabi kalian adalah sebaik-baik nabi dan wasi kalian adalah sebaik-baik wasi dan anak-anaknya sebaik-baik para wasi.Wahai manusia! Zuriat setiap nabi adalah dari salbinya, tetapi zuriatku dari salbi 'Ali[27].

---

[23] Al-Tabari, *Tarikh*, Cairo 1956, II,hlm. 216; Abu l-Fida, *Tarikh*, Cairo 1957, I, hlm. 116.

[24] Maksud "kekal" (*al-Khulud*) adalah sama dengan Surah al-Nisa' 4: 14 di mana al-Baidawi menyatakan al-Khulud adalah al-Makth al-Tawil, bukan kekal selama-lamanya, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Cairo t.t., I, hlm. 150.

[25] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 343; al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 90-93.

[26] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 17; al-Dhahabi, *Mizan al-I'ti-dal*, Cairo 1348 H, III,hlm. 311; *Kifayah al-Talib*, hlm. 139-141.

[27] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 56.

Wahai manusia! Sesungguhnya Iblis telah mengeluarkan Adam dari syurga disebabkan hasad dengkinya.Lantaran itu janganlah kalian melakukan hasad dengki terhadapnya (`Ali) nescaya amalan-amalan kalian akan terbatal.

Dan kaki-kaki kalian akan tergelincir.Sesungguhnya Adam diturunkan ke dunia disebabkan "satu kesalahan" sahaja sedangkan beliau adalah pilihan Allah A.W. Bagaimana dengan kalian, sedangkan di kalangan kalian adalah musuh-musuh Allah. Sesungguhnya orang yang celaka sahaja yang memarahi `Ali. Dan orang yang bertakwa sahaja yang mewalikan `Ali. Hanya orang mukmin sahaja yang beriman dengan `Ali. Dan pada `Alilah diturunkan Surah wa l-Asr[28].

Wahai manusia! Sesungguhnya aku memohon kepada Allah menjadi saksi bahawa aku telah menyampaikan risalahku kepada kalian. Rasul hanya menyampaikan risalah-Nya yang terang. Wahai manusia! Bertakwalah kalian kepada Allah dengan sepenuhnya. Dan janganlah kalian mati melainkan kalian muslimun. Wahai manusia! Berimanlah kalian dengan Allah, Rasul-Nya dan al-Nur (cahaya) yang diturunkan bersamanya sebelum kebenaran dipadamkan. Justeru itu kita menolaknya ke belakang.

Wahai manusia! *al-Nur* (cahaya) daripada Allah A.W.,adalah padaku kemudian pada `Ali kemudian pada keturunannya sehinggalah datangnya al-Qa'im al-Mahdi yang akan menuntut hak Allah dan hak kami (Ahl al-Bait A.S) kerana Allah A.W. telah menjadikan kami hujah ke atas orang-orang yang cuai, ingkar, penentang, pengkhianat, pelaku dosa dan orang yang zalim dari sekalian alam[29].

Wahai manusia! Aku memberi peringatan kepada kalian, sesungguhnya aku adalah Rasulullah sebagaimana telah berlalu para rasul sebelumku. Sekiranya aku mati atau dibunuh "*kamu kembali ke belakang (murtad)? Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun, dan Allah akan memberi balasan kepada orang*-orang *yang bersyukur*" (Surah Ali `Imran 3:144). Sesungguhnya `Alilah yang disifatkan dengan kesabaran dan kesyukuran kemudian selepasnya cucu cicitku dan zuriatnya. Wahai manusia!Janganlah kalian berangan-angan untuk menentang Allah dengan "Islam" kalian, maka Dia akan memarahi kalian dan mengenakan kalian dengan azab di sisi-Nya. Sesungguhnya Dia sedang menunggu kalian.

---

28 Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III,hlm. 129; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, II, hlm. 102; Ibn Hajr, *Tahdhib al-Tahdhib*, V, hlm.379; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm.115-117.

29 Al-Khawarizmi,*al-Manaqib*,hlm. 87;al-Qunduzi al-Hanafi,*Yanabi` al-Mawaddah*, hlm.10,486;al-Khawarizmi, *Maqtal al- Husain*, Baghdad 1343 H, hlm. 50.

Wahai manusia!Akan berlaku selepasku para imam yang akan menyeru manusia ke neraka dan di hari kiamat mereka tidak akan dibantu[30].Wahai manusia!Sesungguhnya Allah dan aku bersih daripada mereka.Wahai manusia! Sesungguhnya pembantu-pembantu mereka, pengikut-pengikut mereka dan penyokong-penyokong mereka akan berada di neraka yang paling terkebawah. Dan ia adalah seburuk-buruk tempat tinggal bagi orang-orang yang takabbur.Sesungguhnya "mereka" adalah "pemilik-pemilik" mashaf.Lantaran itu hendaklah kalian melihat pada mashaf tersebut.Beliau bersabda: Urusan mashaf hanya diambil berat oleh golongan yang sedikit sahaja.Wahai manusia! Sesungguhnya aku tinggalkannya (*Sahifah*) sebagai *imamah* dan *wirathah* pada keturunanku sehingga hari Kiamat.

Sesungguhnya aku telah menyampaikan apa yang diperintahkan oleh Engkau untuk disampaikannya sebagai hujah di atas setiap yang hadir, ghaib dan ke atas setiap orang yang menyaksikannya atau tidak, sama ada telah dilahirkan ataupun tidak.Justeru itu hendaklah orang yang hadir menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir, dan bapa kepada anaknya sehingga hari kiamat kerana mereka (selain daripada Ahl al-Bait A.S) akan menjadikannya (imamah) sebagai hak milik dan barang rampasan. Sesungguhnya Allah melaknati perampas-perampasnya. "*Kami akan memperhatikan sepenuhnya kepadamu wahai manusia dan jin. Maka kepada kamu dilepaskan nyala api dan cairan tembaga maka kamu tidak dapat menyelamatkan diri* (daripadanya)". (Surah ar-Rahman 55: 31, 35)

Wahai manusia!Sesungguhnya Allah A.W. tidak akan meninggalkan kalian sebelumnya sehingga keburukan dan kebaikan dapat dibezakan. Dan Allah tidak mahu memberitahu kalian perkara-perkara yang ghaib.Wahai manusia! Sesungguhnya tidak ada satu bandarpun melainkan Allahlah yang membinasakannya disebabkan pembohongan penduduknya.Demikianlah Dia membinasakan bandar-bandar yang zalim. Sebagaimana telah disebutkan oleh Allah S.W.T. di dalam kitab-Nya. Ini adalah 'Ali imam kalian dan wali kalian. Beliau di antara janji-janji Allah dan Allah membenarkan apa yang dijanjikannya[31].

Wahai manusia! Sesungguhnya telah sesat sebelum kalian kebanyakan orang-orang yang terdahulu.Demi Allah,Dia telah membinasakan orang-orang yang terdahulu dan Dialah yang akan membinasakan orang-orang yang terkemudian. Allah berfirman: "*Bukankah Kami telah membinasakan orang-orang yang dahulu? Lalu Kami iringi (azab kami terhadap) mereka dengan (mengazab) orang-orang yang datang kemudian. Demikianlah Kami berbuat terhadap orang-orang*

---

[30] Maksud Surah al-Qasas 28: 41

[31] Al-Turmudhi al-Hanafi, *al-Kaukab al-Durriy*, hlm. 144;al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 253.

yang berdosa. Kecelakaan besarlah pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan" (Surah al-Mursalat 77: 16-19).

Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku dan melarang aku.Sesungguhnya aku telah memerintahkan `Ali dan melarangnya. Ilmu suruhan dan larangan adalah daripada Allah A.W. Justeru itu dengarlah kalian kepada larangannya, nescaya kalian terselamat.Taatlah kalian kepadanya nescaya kalian mendapat petunjuk. Berhentilah kerana larangannya, nescaya kalian akan mendapat petunjuk.Ikutilah kehendaknya dan janganlah kalian mengikuti jalan-jalan kalian selain dari jalannya[32].Wahai manusia! Akulah *Sirat al-Mustaqim* di mana Dia memerintahkan kalian mengikutinya.Kemudian `Ali selepasku kemudian anak cucuku dari salbinya, para imam yang menjadi petunjuk kepada kebenaran dan dengannyalah mereka memperjuangkan kebenaran[33].

Kemudian Rasulullah s.`a.w. membaca : *al-Hamdu li Llahi Rabbi l-`Alamin* sehingga ke akhirnya. Dan beliau bersabda: Kepada akulah turunnya Surah al-Fatihah dan juga kepada mereka secara umum dan khusus. Mereka itulah para wali Allah, mereka tidak takut dan mereka pula tidak berdukcita.Sesungguhnya parti Allah sahajalah yang mendapat kemenangan. Sesungguhnya musuh-musuh`Ali adalah terdiri daripada orang-orang yang melakukan perpecahan, nifak, penentang-penentang, saudara-saudara syaitan yang berkongsi penentangan dan tipu daya.Sesungguhnya para wali mereka ialah orang-orang yang telah disebutkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, firman-Nya: "*Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya*" (Surah al-Mujadalah 58: 22).

Sesungguhnya para wali mereka ialah orang-orang yang telah disifatkan oleh Allah A.W. di dalam kitab-Nya. Firman-Nya: "*Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman, itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka itu adalah orang-orang yang mendapat petunjuk*" (Surah al-An`am 6:82). Sesungguhnya para wali mereka ialah orang-orang yang telah disifatkan oleh Allah di dalam kitab-Nya. Firman-Nya: "*Orang-orang yang akan memasuki syurga dengan aman" disambut oleh para malaikat dengan aman.Berbahagialah kamu, maka masuklah* syurga *selama-*

---

[32] Al-Tabari, *Tarikh* ,II, hlm. 216; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 128.

[33] Ibn Hajr, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, Cairo 1971 M, hlm. 79; Abu Nu`aim al-Isfahani, *Hilyah al-Auliya'*, Cairo 1956 M, I, hlm.64

lamanya[34]. Sesungguhnya para wali mereka ialah orang-orang yang telah difirmankan oleh Allah A.W., firman-Nya "Mereka memasuki syurga tanpa hisab"[35].

Sesungguhnya musuh-musuh mereka ialah orang-orang yang akan dibakar di neraka sa`ir[36]. Sesungguhnya musuh-musuh mereka ialah orang-orang yang mendengar tepikan neraka jahanam dan nyalanya[37].

Sesungguhnya musuh-musuh mereka ialah orang-orang yang telah difirmankan oleh Allah A.W. FirmanNya "*Setiap umat masuk (neraka) dia mengutuk kawannya*". (Surah al-A`raf 7: 38). Sesungguhnya musuh-musuh mereka ialah orang-orang yang telah disebutkan oleh Allah di dalam kitab-Nya.

Firman-Nya "*Setiap kali dilemparkan ke dalamnya satu kumpulan, penjaga-penjaganya bertanya kepada mereka: Apakah belum pernah datang kepada kamu (di dunia) seorang pemberi peringatan? Mereka menjawab: Benar ada, sesungguhnya telah datang kepada kami seorang pemberi peringatan, maka kami mendustakannya dan kami mengatakan Allah tidak menyuruh sesuatupun. Kamu tidak lain hanyalah di dalam kesesatan yang besar*" (Surah al-Mulk 67: 8-9). Sesungguhnya para wali mereka ialah "*Orang-orang yang takut akan Tuhan mereka dengan perkara yang ghaib bagi mereka keampunan dan pahala yang besar*" (Surah al-Mulk 67: 12). Wahai manusia! Dua perkara di antara neraka dan syurga. Musuh kita ialah orang yang telah dicela dan dilaknat oleh Allah. Wali kita ialah orang yang telah dipuji dan dikasihi oleh Allah.

Wahai manusia!Sesungguhnya aku memberi peringatan dan `Ali memberi petunjuk (*Hadi*)[38].

Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah nabi dan `Ali adalah wasiku. Sesungguhnya penamat para imam ialah al-Mahdi, dan beliau dari kalangan kami[39].

Sesungguhnya beliaulah orang yang mempertahankan agama. Sesungguhnya beliaulah penuntut bela daripada orang-orang yang zalim. Sesungguhnya beliaulah pembuka benteng-benteng dan perosak-nya[40].

Sesungguhnya beliaulah orang yang memerangi setiap kabilah yang syirik. Sesungguhnya beliaulah orang yang dapat mengesan setiap penentang para wali Allah. Sesungguhnya beliaulah pembantu agama

---

[34] Maksud Surah az-Zumar 39: 73.

[35] Maksud Surah al-Ghafir 40: 40

[36] Maksud Surah al-Insyiqaq 84: 12.

[37] Maksud Surah al-Furqan 25: 12

[38] Al-Nasa'i, *al-Khasais*, Damascus 1978, hlm. 70; Abu Nu`aim al-Isfahani, *Hilyah al-Auliya'*, IV, hlm. 381; al-Kanji al-Syafi`I, *Kifayah al-Talib*, hlm. 233.

[39] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 44-444.

[40] Ibn `Abd al-Birr, *al-Isti`ab*, Beirut 1972, II, hlm. 639 ,Ibn Sa`d, *Tabaqat*, IV, hlm. 305.

Allah.Sesungguhnya beliaulah pencedok di lautan yang dalam. Sesungguhnya beliau mengetahui setiap orang yang mempunyai kelebihan dan setiap orang yang jahil. Sesungguhnya beliau adalah sebaik-baik pilihan Tuhan. Sesungguhnya beliaulah pewaris setiap ilmu secara menyeluruh.

Sesungguhnya beliaulah diberitahu tentang Tuhannya dan diberi peringatan tentang imannya[41].Sesungguhnya beliau adalah seorang yang bijak dan tegas.Sesungguhnya setiap sesuatu diserahkan kepadanya. Sesungguhnya beliau telah diberi khabar gembira kepada orang-orang yang terdahulu. Sesungguhnya beliaulah hujah dan tidak ada hujah selepasnya. Tidak ada kebenaran melainkan bersamanya.Tidak ada nur (cahaya) melainkan di sisinya.Tidak ada orang yang dapat mengalahkannya dan tidak akan dibantu orang yang menentangnya. Sesungguhnya beliaulah wali Allah di bumiNya,hokum-Nya pada makhlukNya dan orang kepercayaanNya di dalam semua keadaan. Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah menerangkannya kepada kalian dan memahamkan kalian. Ini `Ali akan memahamkan kalian selepasku[42].

Sesungguhnya manakala selesai ucapanku, aku menyeru kalian supaya melakukan bai`ah kepadaku sebagai tanda memberi bai`ah kepada `Ali dan memberi pengakuan kepadanya, kemudian memberi bai`ah kepadanya selepasku. Sesungguhnya aku telah membai`ah kepada Allah, dan`Ali telah memberi bai`ah kepadaku.Aku memerintahkan kalian supaya melakukan bai`ah kepadanya daripada Allah A.W. Firman-Nya "*Barang siapa yang melanggar janjinya, nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa diri sendiri*" (Surah al-Fath 48:10).*Wahai manusia! Sesungguhnya Haji, Safa, Marwah dan `Umrah adalah di antara syi`ar-syi`ar Allah. "Maka barangsiapa yang beribadah haji ke Baitullah atau* berumrah, *maka tidak ada dosa baginya*" (Surah al-Baqarah 2: 158). Wahai manusia!Tunaikan haji di Baitullah ketika mampu dan janganlah kalian meninggalkannya melainkan tanpa kemampuan.

Wahai manusia! Setiap mukmin yang berdiri di Mauqif dosanya yang lalu akan diampuni Tuhan. Dan apabila selesai hajinya, amalan (baru)nya dimulakan. Wahai manusia! Orang-orang yang menunaikan haji bersifat tolong menolong.Dan perbelanjaan mereka akan digantikan kerana Allah tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang

---

[41] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III,hlm. 126; Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Cairo 1959, VII, hlm. 358.

[42] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, V, hlm. 241;al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 48; Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*,Tunis 1972, hlm. 78; Ibn Hajr, *al-Isabah*, IV, hlm.270.

melakukan kebaikan. Wahai manusia! tunailah haji dengan sempurna dan memahami (hikmah)nya. Dan janganlah kalian pulang melainkan dengan taubat dan meninggalkan segala dosa.Wahai manusia! Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat sebagaimana Allah menyuruh kalian melakukannya.

Jika masa berpanjangan, kalian mengabaikannya atau melupainya maka `Ali adalah wali kalian dan orang yang dapat menjelaskannya kepada kalian kerana Allah telah melantiknya selepasku Dan sesiapa yang Allah A.W. memilihnya untuk menggantikan tempatku, akan memberitahu kalian persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh kalian dan beliau akan menerangkan kepada kalian apa yang kalian tidak mengetahuinya[43].

Sesungguhnya halal dan haram adalah tidak terkira banyaknya. Akulah yang menyuruh melakukan perkara-perkara yang halal dan akulah yang melarang melakukan perkara-perkara yang haram.Di satu peringkat aku diperintahkan supaya mengambil bai`ah daripada kalian. Dan bai`ah kalian adalah dengan menerima apa yang aku bawa dari sisi Allah A.W. mengenai kepemimpinan `Ali Amiru l-Mukminin dan para imam selepasnya, di mana mereka adalah daripadaku dan daripadanya.Dan di kalangan mereka itulah Imam Mahdi yang akan memenuhi dunia ini dengan kebenaran sehinggalah hari Kiamat[44].

Wahai manusia! Setiap yang halal aku telah menerangkannya kepada kalian.Begitu juga setiap yang haram aku telah melarang kalian dari melakukannya. Aku tidak akan bertolak ansur mengenainya dan aku tidak akan menukarkannya.Lantaran itu kalian hendaklah sentiasa mengingatinya, menjaganya, memberi nasihat dengannya. Jangan sekali-kali menukarkannya atau mengubahnya pula. Sesungguhnya aku ingin perbaharui kata-kataku: Dirilah solat, tunailah zakat,suruhlah mengerjakan kebaikan dan tegahlah kemungkaran. Sesungguhnya punca "menyuruh" kepada kebaikan dan melarang kemungkaran ialah berakhir kepada kata-kataku dan kalian sampaikanlah kata-kataku ini kepada orang yang tidak hadir dan suruhlah dia menerimanya dan menegahnya dari menyalahinya. Kerana ia adalah perintah daripada Allah A.W dan daripadaku.

Tidak ada *amr ma`ruf* dan *nahyi munkar* melainkan bersama imam yang maksum. Wahai manusia! Al-Qur'an[45] telah memperkenalkan kalian bahawa para imam selepas `Ali ialah anak-anaknya. Dan aku

---

[43] Al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, II, hlm. 377.

[44] Abu Nu`aim al-Isfahani, *Hilyah al-Auliya'*, III, hlm. 201; Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 101.

[45] Tafsiran al-Qur'an menurut para ulama ahl al-Sunnah dan Syi`ah terutamanya mengenai Surah al-Ahzab 33:33; Surah al-Maidah 5:55 dan lain-lain.

telah memperkenalkan kalian bahawa dia (`Ali) adalah daripadaku dan aku adalah daripadanya sehingga Allah berfirman di dalam kitabnya[46]. *"Dan dia menjadikan kalimat Tauhid itu kalimat yang kekal pada keturunannya"*(Surah az-Zukhruf 43: 28) Dan aku berkata: Kalian tidak akan sesat selama-lamanya sekiranya kalian berpegang kepada kedua-duanya[47].

Wahai manusia!Bertakwalah, bertakwalah! Berwaspadalah tentang Kiamat, sebagaimana firman Allah A.W. *"Sesungguhnya kegoncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang amat besar"* (Surah al-Hajj 22: 1). Ingatlah mati, hisab, mizan, dan perhitungan di hadapan Allah Tuhan sekalian alam, pahala dan seksa. Sesiapa yang melakukan kebaikan akan diberi pahala dan sesiapa yang melakukan kejahatan, tidak ada bahagian syurga baginya.

Wahai manusia! Sesungguhnya kalian yang ramai ini hendaklah memberi bai`ah kepadaku dengan tapak tangan yang satu. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku supaya mengambil pengakuan daripada kalian tentang perlantikan `Ali sebagai imam atau pemimpin mukminin. Dan para imam yang datang selepasnya adalah daripadaku dan daripadanya sebagaimana aku telah memberitahu kalian. Sesungguhnya zuriatku adalah dari salbinya.Justeru itu katakanlah: Kami mendengar, mentaati, meridai, mematuhi apa yang telah disampaikan oleh anda daripada Tuhan kami dan Tuhan anda tentang Ali dan para imam selepasnya adalah dari salbinya. Kami memberi bai`ah kepada anda mengenai *imamah* `Ali dengan hati kami, diri kami, lidah kami dan tangan kami.

Di atas pengakuan inilah kami hidup, kami mati kami dibangkitkan kembali.Kami tidak akan mengubah dan menukarnya. Kami tidak melakukan syak wasangka, kami tidak akan memungkiri janji, kami mentaati Allah, mentaati anda dan `Ali Amiru l-Mukminin dan para imam yang terdiri dari anak cucunya yang anda telah menyebutkannya daripada zuriat anda dari salbinya. Selepasnya Hassan dan Husain di mana kedua-duanya aku telah memberitahu kalian tentang kedudukan kedua-duanya di sisiku dan kedudukan kedua-duanya di sisi Allah A.W[48].

Sesungguhnya aku telah melaksanakannya kepada kalian. Sesungguhnya kedua-duanya adalah imam selepas bapa mereka berdua `Ali. Dan aku adalah bapa kedua-dua mereka sebelumnya. Katakanlah: Kami mentaati Allah tentang perkara tersebut (*imamah*), kami mentaati anda, `Ali, Hasan, Husain dan para imam yang

---

[46] Al-Tabari, *Tarikh*, II, hlm. 197; al-Nasai', *al-Khasa'is*, hlm.77-78; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, Tehran 1404 H, hlm. 274.

[47] Muslim, *Sahih*, hlm. 238; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, III, hlm.17, 26.

[48] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 441-444.

disebutkan oleh anda dengan perjanjian yang kukuh dan ikhlas untuk Amiru l-Mukminin dari hati kami, jiwa kami, dan lidah kami, dengan "berjabat tangan" kami dengan orang yang melakukan kepada kedua-duanya (Nabi dan `Ali A.S) dengan tangannya dan mengakui kedua-duanya dengan lidahnya. Kami tidak akan mengubah pendirian kami selama-lamanya,Allah menjadi saksi terhadap kami.Dan cukuplah Allah menjadi saksi dan anda (Nabi s.`a.w.) juga menjadi saksi kepada kami.Malah setiap orang yang taat secara zahir dan batin, yang terdiri dari para Malaikat, bala tentera-Nya, hamba-hamba-Nya.Dan Allah yang Maha Besar menjadi saksi[49].

Wahai manusia!Apa pendapat kalian sesungguhnya Allah mengetahui setiap suara yang tersembunyi.Maka sesiapa yang memilih petunjuk adalah untuk dirinya.Dan siapa yang sesat, sesungguh-nya dia memilih kesesatan itu.Dan siapa yang memberi bai`ah kepada Allah, "tangan" Allah (kekuasaan Allah) di atas tangan-tangan mereka. Wahai manusia! Bertakwalah kalian kepada Allah dan berilah bai`ah kepada `Ali Amir al-Mukminin, Hasan, Husain dan para imam yang lain.

Mereka merupakan kalimat yang baik selama-lamanya. Allah akan membinasakan orang yang mungkir janji dan akan memberi rahmat kepada orang yang menepati janji."*Barang siapa yang melanggar janjinya, nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa diri sendiri*" (Surah al-Fath 48: 10). Wahai manusia!Katakanlah sebagaimana aku telah katakan kepada kalian dan ucaplah salam bahagia kepada `Ali bagi memimpin kaum mukminin. Katalah "*Kami mendengar, kami taat, keampunan kamu wahai Tuhan dipinta dan kepada kamulah tempat kembali*" (Surah al-Baqarah 2: 285). Dan katakanlah "*Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kamipetunjuk*" (Surah al-A`raf 7: 43).

Wahai manusia!Sesungguhnya kelebihan `Ali b. Abi Talib A.S adalah di sisi Allah A.W. Sesungguhnya Dia telah menurunkan kelebihannya di dalam al-Qur'an tidak terhitung banyaknya di satu peringkat. Lantaran itu siapa di kalangan kalian yang mengetahuinya, hendaklah mereka membenarkannya. Wahai manusia! Siapa yang mentaati Allah, Rasul-Nya, `Ali dan para imam yang aku telah menyebutkan nama-nama mereka kesemuanya, maka ia akan mendapat kejayaan yang besar[50].Wahai manusia! Orang yang terdahulu memberi bai`ah kepadanya, mematuhinya, menerimanya sebagai pemimpin mukminin, maka merekalah orang yang mendapat kejayaan di syurga. Wahai manusia! Katakanlah bahawa Allah tidak akan meredai kata-kata penentangan

---

[49] *Ibid.*

[50] Al-Kanji al-Syafi`I, *Kifayah al-Talib*, hlm. 230-266.

kalian.Sekiranya kalian mengingkari malah jika seluruh penghuni bumi ini mengingkarinya,tidak akan sekali-kali memberi sebarang kemudaratan kepada Allah S.W.T.

Seterusnya al-Tabarsi menulis:Lalu orang ramai menyeru Rasulullah (s.`a.w.) sambil berkata:Kami mendengar dan kami mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya dengan hati kami, lidah kami dan tangan kami. Mereka datang berpusu-pusu kepada Rasulullah (s.`a.w.) dan `Ali a.s. Lalu mereka berjabat tangan dengan Rasulullah (s.`a.w.) dan `Ali a.s. Orang pertama berjabat tangan dengan Rasulullah (s.`a.w.) ialah Abu Bakr, kedua `Umar, ketiga `Uthman, keempat Talhah, kelima Zubair, orang-orang Muhajirin, Ansar dan orang ramai menurut martabat mereka sehingga solat Maghrib dan Isyak dilakukan secara jamak dan berjamaah. Mereka meneruskan bai`ah dan berjabat tangan sebanyak tiga kali. Rasulullah (s.`a.w.) bersabda, setiap kali mereka melakukan bai`ah kepadanya;Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan kelebihan kepada kami di atas sekalian alam[51].

Ulasan

Konsep *Imamah* (kepemimpinan) yang ditekankan oleh Rasulullah (s.`a.w.) di dalam khutbah Ghadir Khum adalah melalui nas Allah S.W.T. dan bukan melalui perlantikan atau pemilihan[52],ia memusatkan kepada dua belas imam yang didahului oleh Amir al-Mukminin `Ali bin Abi Talib dan sebelas anak cucunya di mana mereka adalah dari keturunan Rasulullah (s.`a.w.) sendiri melalui Fatimah a.s. Lantaran itu beliau (s.`a.w.) bersabda "Zuriat setiap nabi adalah dari salbinya, tetapi zuriatku dari salbi `Ali"[53].Lantaran itu beliau bersabda "Sesungguhnya Allah telah melantik `Ali untuk kalian sebagai wali, imam yang wajib ditaati"[54]. Kemudian beliau bersabda "Akulah *Sirat al-Mustaqim* di mana Dia memerintahkan kalian mengikutinya. Kemudian `Ali selepasku. Kemudian anak cucuku dari salbinya, para imam yang menjadi petunjuk kepada kebenaran[55].

Sebenarnya konsep dua belas imam selepas kewafatan Rasulullah (s.`a.w.) telah diriwayatkan tidak terkira banyaknya oleh para ulama Ahl al-Sunnah di dalam buku-buku mereka di samping para ulama

---

51 Al-Tabari, *Kitab al-Wilayah*, Cairo 1968, hlm. 18-20.
52 Al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, Cairo, 1960, hlm. 103.
53 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 56 dan lain-lain .
54 Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim* ,Beirut 1980, hlm. 120.
55 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.91. Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, 11, 102

ʼi`ah.Umpamanya al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam Sahihnya[56] ɜngan perkataan "dua belas amir".

Al-Bukhari meriwayatkannya daripada Jabir b. Samurah bahawa ıbi (s.`a.w.) bersabda "selepasku dua belas amir". Muslim di dalam *ıhih*[57] misalnya meriwayatkannya daripada Jabir b. Samurah sehingga a berkata: Aku bersama bapaku berjumpa Nabi (s.`a.w.). Aku dengar ıbi (s.`a.w.) bersabda: "Urusan ini tidak akan selesai hingga berlaku pada mereka dua belas khalifah"[58] . Al-Turmudhi di dalam *Sunan*nya eriwayatkannya dengan lafaz amir bukan khalifah. Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya[59] meriwayatkannya daripada Sya`bi daripada ısruq berkata: Kami berada di sisi `Abd Allah b. Mas`ud yang sedang ɜmperdengarkan bacaan al-Qur'an kepada kami.Tiba-tiba seorang aki bertanya kepadanya: Wahai Abu `Abd Rahman! Adakah anda ah bertanya Rasulullah(s.`a.w.) berapakah umat ini memiliki khalifah? bd Allah b.Mas`ud menjawab: Tiada seorangpun bertanya kepadaku ɜngenainya semenjak aku datang ke Iraq sebelum anda. Kemudian ı berkata: Ya!

Sesungguhnya kami telah bertanya kepada Rasulullah (s.`a.w.) ɜngenainya. Maka beliau (s.`a.w.) bersabda: "Dua belas (Khalifah) ›erti bilangan *naqib* Bani Isra'il". Al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz `Ummal*[60] meriwayatkan bahawa Nabi (s.`a.w.) bersabda: "Selepasku ın diikuti oleh dua belas khalifah". Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam ıabi` al-Mawaddah[61] meriwayatkan bahawa Jabir b. `Abdullah 'kata: Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "Wahai Jabir! Sesungguhnya 'a wasiku dan para imam selepasku pertamanya `Ali kemudian san kemudian Husain kemudian `Ali b.Husain.Kemudian Muhammad `Ali al-Baqir. Anda akan menemuinya wahai Jabir sekiranya anda ndapatinya, maka sampailah salamku kepadanya.Kemudian Ja`far Muhammad, kemudian Musa b. Ja`far, kemudian `Ali b. Musa, ıudian Muhammad b. `Ali, kemudian `Ali b. Muhammad, kemudian ıan b. `Ali. Kemudian al-Qa'im namanya sama dengan namaku dan ıyahnya adalah kunyahku, anak Hasan b. `Ali. Dengan beliaulah ıh akan "membuka" seluruh pelusuk bumi di Timur dan di at,dialah yang ghaib dari penglihatan. Tidak akan percaya kepada *mah*nya melainkan orang yang diuji hatinya oleh Allah SWT".

Jabir berkata:Wahai Rasulullah! Adakah orang ramai boleh ıgambil faedah darinya ketika ghaibnya? Beliau menjawab: "Ya!

-Bukhari, *Sahih*, IV,hlm. 120 "*kitab al-Ahkam*".
uslim, *Sahih*, II, hlm. 79.
-Turmudhi , *al-Sunan* , Cairo 1959, II, hlm. 110
ımad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 598.
-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal* , VI, hlm. 100.
-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 441-444,bab 95.

Demi yang mengutuskan aku dengan kenabian sesungguhnya mereka mengambil cahaya daripada wilayahnya ketika ghaibnya, seperti orang ramai mengambil faedah dari matahari sekalipun ianya ditutupi awan". Ini adalah di antara rahsia-rahsia ilmu Allah yang tersembunyi. Justeru itu rahsiakanlah mengenainya melainkan kepada orang yang ahli.

Demikianlah dikemukakan secara ringkas konsep imam dua belas menurut riwayat para ulama Ahl al-Sunnah di dalam buku-bukumereka di mana ia adalah sejajar dengan khutbah Ghadir Khum. Memang tidak dapat dinafikan bahawa `Ali a.s sendiri telah mengemukakan khutbah atau hadis Ghadir Khum sebagai hujah kekhilafahan beliau selepas Rasulullah (s.`a.w.). Al-Khawarizmi di dalam *Manaqib*nya[62]meriwayatkan bahawa Amir al-Mukminin `Ali telah menuntut jawatan khalifah dengan mengemukakan beberapa soalan *munasyadah* kepada Ahli Syura pada tahun 23 H.

Beliau bertanya: Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah di kalangan kalian di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepada-nya: Siapa yang menjadikan aku *maula*nya, maka `Ali adalah *maula*nya Wahai Tuhan, hormatilah orang yang mewalikannya, tentangilah orang yang bermusuhan dengannya. Tolonglah orang yang menolong-nya. Orang yang hadir hendaklah menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir selain daripadaku? Mereka menjawab: Tidak ada orang lain selain daripada anda.

Sulaim b. Qais al-Hilali seorang tabi` meriwayatkan bahawa beliau melihat Amir al-Mukminin `Ali a.s di Masjid Madinah di zaman pemerintahan Khalifah `Uthman b. `Affan dan dua ratus lebih para sahabat sedang bercakap-cakap dan bermuzakarah tentang ilmu dan kezuhudan.Mereka menyebut kelebihan Quraisy tentang orang yang pertama memeluk Islam dan berhijrah dengan sabda-sabda Rasulullah (s.`a.w.) tentang mereka. `Ali hanya berdiam diri kemudian beliau bertanya kepada mereka: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui tentang sebab turunnya "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah, taat kamu kepada Rasulullah dan *Uli al-Amr* daripada kamu" (Surah al-Nisa' 4:59).

Orang ramai menjawab: Wahai Rasulullah adakah ia diturunkan secara khusus untuk sebahagian mukminin? Atau ia umum kepada semua mukminin? Justeru itu Allah A.W memerintahkan nabi-Nya supaya memberitahu mereka tentang *Uli al-Amr* mereka, dan menafsirkan kepada mereka tentang *al-Wilayah* sebagaimana beliau menafsirkan kepada mereka solat mereka, zakat mereka dan haji mereka. Dan beliaulah yang melantik aku untuk menjadi imam atau khalifah kepada mereka selepas Ghadir Khum.Kemudian beliau

62 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 217.

memberi khutbahnya dan bersabda: "Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah mengutus aku dengan satu misi yang mencemaskan kerana aku menyangka orang ramai akan membohongiku.

Justeru itu aku berjanji pada diriku sendiri supaya aku tidak menyampaikannya atau Dia menyeksaku[63].Kemudian beliau memerintahku supaya solat dilakukan secara jamak dan berjamaah.Kemudian beliau berkhutbah:Wahai manusia adakah kalian mengetahui sesungguhnya Allah adalah maulaku, aku maula mukminin dan aku adalah lebih aula daripada diri mereka sendiri? Mereka menjawab: Ya! wahai Rasulullah.Dia bersabda: Berdirilah wahai `Ali, maka aku (`Ali)pun berdiri.Kemudian beliau bersabda: Siapa yang menjadikan aku *maula*nya, maka `Ali adalah *maula*nya. Wahai Tuhanku! Hormatilah orang yang mewalikannya. Tentang orang yang bermusuhan dengannya. Maka Salman berdiri dan bertanya: Wahai Rasulullah taat kepada *Uli al-Amr* seperti siapa? Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: Ketaatan kepada *Uli al-Amr* sepertilah mentaatiku. Kemudian turun ayat "Hari ini aku menyempurnaka agama kamu".

Maka Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: Allah akbar, dengan ini sempurnalah kenabianku dan lengkaplah agama Allah dengan wilayah `Ali selepasku.Lantas Abu Bakr dan `Umar bertanya: Adakah ayat tersebut khusus untuk `Ali `a.s? Beliau menjawab: Ya ianya untuk `Ali dan para wasiku sehinggalah hari kiamat. Abu Bakr dan `Umar meminta penjelasan lagi.Wahai Rasulullah,terangkanlah kepada kami.`Ali adalah saudaraku, wazirku, pewarisku, wasiku, khalifahku pada umatku dan wali setiap mukmin selepasku.

Kemudian anak lelakiku Hasan, kemudian Husain kemudian sembilan daripada anak lelakiku Husain satu selepas satu. Al-Qur'an bersama mereka dan mereka bersama al-Qur'an. Mereka tidak akan berpisah daripadanya dan ia (al-Qur'an) tidak akan memisahkan mereka sehingga mereka dikembalikan kepadaku di Haud. Lalu para sahabat menjawab:Wahai Tuhanku sesungguhnya kami telah mendengar demikian itu dan kami naik saksi di atas apa yang diucapkan oleh anda (`Ali)[64].

Ali a.s juga telah mengulangi khutbah atau hadis Nabi di Ghadir Khum semasa beliau mula menjadi khalifah di Rahbah di Kufah pada tahun35 H. Ahmad b. Hanbal meriwayatkan bahawa `Ali a.s berkata: Aku menyeru kerana Allah bagi setiap orang yang mendengar Rasulullah (s.`a.w.) bersabda di hari al-Ghadir supaya berdiri dan memper saksikan apa yang telah didengarinya.Dan tidak boleh berdiri melainkan orang yang melihatnya (Nabi s.`a.w.) dengan matanya dan mendengar dengan kedua-dua telinganya. Lantas tiga puluh sahabat

---

[63] Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim* , hlm.111-118.

[64] Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim* , hlm.111-118.

berdiri termasuk dua belas orang yang telah mengambil bahagian di dalam peperangan Badar. Mereka telah menyaksikan bahawa beliau (s.`a.w.) telah memegang `Ali dengan tangannya dan bersabda kepada orang ramai,di antaranya:Tidakkah anda mengetahui bahawa sesungguhnya aku lebih aula dengan mukminin daripada mereka sendiri?

Mereka menjawab: Ya.Kemudian beliau (s.`a.w.) bersabda lagi: Siapa yang telah menjadikan aku *maulanya*, maka `Ali adalah *maulanya*[65].

Adalah diriwayatkan bahawa terdapat para sahabat seperti Anas b. Malik dan lain-lain yang enggan memberi penyaksian tersebut di mana `Ali a.s berkata kepadanya: Kenapa anda tidak berdiri bersama sahabat-sahabat Rasulullah (s.`a.w.) yang lain untuk memberi penyaksian kepada apa yang telah anda dengari daripadanya di hari itu? Dia menjawab: Wahai Amir al-Mukminin, aku telah tua dan pelupa pula. Lantas `Ali a.s berkata:Jika anda berbohong, nescaya Allah akan mengenakan anda dengan penyakit keputihan kulit yang tidak dapat ditutupi serban.Dia tetap dengan pendiriannya sehingga mukanya dihinggapi keputihan kanser.Selepas itu dia berkata: Aku ditimpa penyakit ini disebabkan berkat doa hamba yang salih[66] .

Di sini dikemukakan sebahagian dari para sahabat yang melihat sendiri Rasulullah (s.`a.w.) dan mendengar khutbah beliau (s.`a.w.) di Ghadir Khum.Kemudian memberi penyaksian mereka di hadapan Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib di Rahbah seperti berikut:

1. Abu Zainab b. `Auf al-Ansari.
2. Abu `Umrah b. `Amru b. Muhsin al-Ansari.
3. Abu Fadalah al-Ansari. Beliau mati syahid di dalam peperanganSiffin di pihak Amir al-Mukminin `Ali a.s dan terlibat di dalam Peperangan Badr.
4. Abu Qudamah al-Ansari. Beliau mati syahid di dalam peperangan al-Siffin di pihak Amir al-Mukminin `Ali a.s.
5. Abu Laila al-Ansari. Beliau mati syahid di dalam peperangan al-Siffin di pihak Amir al-Mukminin `Ali a.s.
6. Abu Hurairah al-Dusi.

---

65 Ahmad b.Hanbal, *al-Musnad* , IV, hlm. 370; Burhan al-Din al-Halabi, *Sirah al-Halabiah* , Cairo 1340 H, III, hlm. 302; al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 65 dan lain-lain

66 Ibn Qutaibah, *Kitab al-Ma`arif* , Baghdad 1959, hlm. 251; Ibn `Asakir, Tarikh, *Damascus* ,1949, III, hlm. 150; Syaikh Muhammad al-Mar`i al-Amiri al-Antaki, *Li madha akhtartu madhhab Ahl al-Bait AS?*, Syria 1402 H, hlm. 81-82.

7.Abu al-Haitham Ibn al-Taihan. Beliau mati syahid di dalapeperangan al-Siffin di pihak Amir al-Mukminin `Ali a.s. dan terlibat dalam Peperangan Badr.
8. Thabit b. al-Wadi`ah al-Ansari al-Khazraji al-Madani.
9. Hubsyi b. Janadah al-Saluli.
10. Abu Ayyub Khalid al-Ansari. Beliau terlibat dalam peperangan Badr.
11.Khuzaimah b. Thabit al-Ansari, Dhu al-Syahadataini.Beliau mati syahid di dalam peperangan al-Siffin dan terlibat di dalam peperangan Badr.
12. Abu Syurah Khuwailid `Amru al-Khuza`iWafat ketika berusia 68 tahun.
13. Zaid atau Yazid b. Syarahil al-Ansari.
14. Sahal b. Hanif al-Ansari al-Ausi. Wafat ketika berusia 38 tahun dan terlibat di dalam peperangan Badr.
15. Abu Sa`id Sa`d b. Malik al-Khudri al-Ansari.
16. Abu `Abbas Sahl b. Sa`d al-Ansari. Wafat ketika berusia 91 tahun.
17. Amir b. Laila al-Ghaffari.
18. `Abd al-Rahman b. Rabb al-Ansari.
19. `Abdullah b. Thabit al-Ansari. Khadam Rasulullah (s.`a.w.).
20. `Ubaid b. `Azib al-Ansari.
21. Abu Tarif `Adi b. Hatim.
22. `Uqbah b. `Amir al-Jahani. Beliau wafat ketika berusia 68 tahun. Dan di kalangan orang yang mati di pihak Mu`awiah.
23. Nahiyah b. `Amr al-Khuza`i.
24. Nu`man b. `Ajalan al-Ansari[67].

`Ali juga mengulangi khutbah atau hadis Ghadir Khum pada hari Peperangan Jamal tahun 36 H. Beliau bertanya Talhah: Aku menyeru anda, adakah anda mendengar Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: Siapa yang menjadikan aku *maulanya*, maka `Ali *maulanya*. Wahai Tuhanku! Hormatilah orang yang mewalikannya dan tentangilah orang yang memusuhinya?Talhah menjawab: Ya. `Ali berkata:Kenapa anda memerangiku? Talhah menjawab: Aku tidak ingat. Beliau berkata: Talhah telah pergi darinya[68]

Amir al-Mukminin mengulang kembali khutbah atau hadis Ghadir Khum di Kufah pada tahun 36-37 H. di mana sekumpulan lelaki mengulangi kembali hadis Ghadir al-Khum di hadapan Amir al-Mukminin `Ali[69],. Begitu juga Fatimah al-Zahra, Hasan, Husain dan sembilan para imam Ahl al-Bait Rasulullah (s.`a.w.) berhujah dengan hadis al-Ghadir dan lain-lain, seperti hadis *al-Thaqalain*, *al-Safinah*, *al-*

---

[67] `Abbas Ahmad al-Amini al-Najafi, *al Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab*, Beirut 1977, I, hlm. 140-145.
[68] Al-Mas`udi, *Muruj al-Dhahab*, Cairo, 1345 H.,II, hlm. 11.
[69] Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 368

*Manzilah, al-Tair, al-Dar, Madinah al-`Ilm* dan lain-lain. Semuanya menjelaskan kekdudukan kelebihan para imam dua belas. Adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa Amir al-Mukminin `Ali mempunyai keilmuan yang tinggi dan diakui oleh Rasulullah (s.`a.w.).Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Aku adalah bandar ilmu, `Ali adalah pintunya*"[70].

Ketinggian ilmu dan bahasa yang diucapkan oleh Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib terserlah di dalam ucapan-ucapan beliu[71] di mana pada suatu hari beliau diminta oleh sebahagian para sahabatnya supaya memberitahu mereka tentang keilmuannya. Amir al-Mukminin menjawab:Sesungguhnya ucapanku sukar dan menyukarkan (*Sa`bun wa Mustas`abun*) di mana ia tidak akan difahami melainkan oleh orang yang alim (*al-`Alimun)*. Tetapi mereka mendesak beliau supaya memberi suatu ucapan kata-kata hikmah kepada mereka.

Lalu beliau menjemput mereka ke rumahnya, kemudian beliau berucap: Akulah yang telah tinggi (*`Alautu*),maka akulah yang memaksa, (*Qahartu*); akulah yang menghidupkan (*Uhyi*) dan mematikan (*Umitu*), akulah yang pertama (*al-Awwal*) dan terakhir (*al-Akhir*), Zahir (*al-Zahir*) dan batin (*al-Batin*).Lantas mereka memarahi beliau dan berkata: Beliau telahkafir (*kafara*) lalu mereka berdiri untuk keluar dari rumahnya. `Ali a.s berkata kepada pintu: Wahai pintu, peganglah mereka. Maka pintu itu tertutup dengan sendiri. Beliau berkata: Tidakkah aku telah berkata kepada kalian bahawa ucapanku sukar dan menyukarkan, di mana ia tidak dapat difahami melainkan oleh orang yang alim? Datang kemari, aku akan menjelaskannya kepada kalian.

Adapun ucapanku: Akulah yang telah tinggi (*`Alautu*), maka akulah yang telah memaksa (*Qahartu*), maka akulah yang telah meninggikan (*Alautu*) kalian dengan pedangku ini. Maka aku memaksa (*Qahartu)* kalian sehingga kalian beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Adapun ucapanku: Akulah yang menghidupkan (*Uhyi)* dan mematikan (*Umitu*), maka akulah yang menghidupkan (*Uhyi*) Sunnah dan mematikan (*Umitu*) bid`ah. Adapun ucapanku: Akulah yang pertama (*al-Awwal*), maka akulah orang yang pertama (*al-Awwal*) beriman kepada Allah dan memeluk Islam.

Adapun ucapanku:Akulah orang yang terakhir (*al-Akhir*), maka akulah orang yang terakhir (*al-Akhir*) mengenakan pakaian ke atas Nabi (s.`a.w.) dan mengkafankannya. Adapun ucapanku: Akulah zahir (*al-Zahir*) dan batin (*al-Batin*), maka di sisi akulah ilmu zahir dan batin.

---

70 Al-Hakim, *al-Mustadrak* , III, hlm. 126; al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, II, hlm. 377; Ibn Hajr, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, hlm. 37.

71 Lihat umpamanya Syarif Radi, *Nahj al-Balaghah* , Beirut 1973.

Kemudian para sahabatnya mengeluh seraya berkata: Anda telah menyelamatkan kami semoga Allah menyelamatkan anda[72].

Jikalaulah sebahagian para sahabat Amir al-Mukminin `Ali a.s sukar untuk memahami ucapan-ucapan beliau, orang-orang di zaman kita ini lebih sukar untuk memahaminya.Justeru itu mereka melontarkan kata-kata kafir kepada Syi`ah Amir al-Mukminin `Ali a.s pula dengan alasan Amir al-Mukminin `Ali tidak berkata demikian. Hanya Syi`ah `Ali sahaja yang mengaitkan ucapan tersebut Perbezaannya yang pertama (sebahagian para sahabat `Ali a.s) mengkafirkan `Ali sendiri kerana ucapannya. Sementara orang-orang Islam tertentu di zaman ini, menafikan kata-kata itu dikaitkan kepada `Ali a.s.

Sebaliknya menyatakan bahawa ucapan tersebut hanya direka-reka oleh Syi`ah (`Ali). Lantas mereka mengkafirkan Syi`ah. Jikalaulah mereka benar-benar mengetahui bahawa ucapan tersebut datangnya daripada `Ali a.s sendiri, kemungkinan mereka akan melakukan perkara yang sama sebagaimana yang telah dilakukan oleh sebahagian para sahabat `Ali terhadap beliau sendiri kerana mereka bukanlah terdiri daripada orang yang mempunyai ilmu yang tinggi, malah mereka hanya dapat memahami sesuatu secara mendatar. Meskipun begitu mereka adalah sahabat Amir al-Mukminin `Ali dan kemungkinan di kalangan mereka adalah sahabat Rasulullah (s.`a.w.) sendiri.

Di sini dikemukakan nama-nama perawi khutbah atau hadis Ghadir Khum di kalangan para sahabat Rasulullah (s.`a.w.) tentang perlantikan `Ali sebagai khalifah secara langsung selepas Rasulullah (s.`a.w.) sebagaimana sabdanya: "*Siapa yang menjadikan aku maulanya, maka `Ali adalah maulanya*".

Nama-nama perawi Hadis Ghadir Khum

Nama-nama perawi hadis Ghadir al-Khum telah diriwayatkan oleh para ulama Ahl al-Sunnah di dalam buku-buku mereka seperti berikut:

1. Abu Hurairah al-Dausi (w. 57/58/59 H). Diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad*, VII, hlm. 290. Al-Khawarizmi di dalam *Manaqib*nya, hlm. 130. Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, VII, hlm. 327.

---

[72] Syaikh al-Mufid, *al-Ikhtisas*, t.t., hlm. 163; al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, Tehran 1958, IX, hlm. 645; Lihat juga al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 292-293.

2. Abu Laila Al-Ansari (w. 37 H). Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi, di dalam *Manaqibnya*, hlm. 35. Al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 14.
3. Abu Zainab bin `Auf al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307. Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, III, hlm. 408.
4. Abu Fadhalah al-Ansari, sahabat Nabi (s.`a.w.) di dalam peperangan Badr. Di antara orang yang memberi penyaksian kepada `Ali a.s dengan hadis al-Ghadir di hari Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III,hlm. 307.
5. Abu Qudamah al-Ansari. Di antara orang yang menyahut seruan `Ali a.s di hari Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 276.
6. Abu `Umrah bin `Umru bin Muhsin al-Ansri. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307. Di antara yang menjadi saksi kepada `Ali a.s di hari Rahbah dengan hadis al-Ghadir.
7. Abu l-Haitham bin al-Taihan meninggal dunia di dalam peperangan al-Siffin tahun 37 H. Diriwayatkan oleh al-Qadhi d dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 62.
8. Abu Rafi` al-Qibti, hamba Rasulullah (s.`a.w.). Diriwayakan oleh al-Khawarizmi di dalam Maqtal dan Abu Bakr al-Ja`abi di dalam *Nakhb*nya.
9. Abu Dhuwaib Khuwailid atau Khalid bin Khalid bin Muhrith al-Hazali wafat di dalam pemerintahan Khalifah `Uthman. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*, al-Khawrizmi di dalam *Maqtal*.
10. Abu Bakr bin Abi Qahafah al-Taimi (w. 13 H). Diriwayatka oleh Ibn Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadis al-Wlayah*, Abu Bakr al-Ja`abi di dalam *al-Nakhb*, al-Mansur al-Razi di dalam kitabnya *Hadis al-Ghadir*, Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 3 di antara perawi-perawi hadis al-Ghadir.
11. Usamah bin Zaid bin al-Harithah al-Kalbi (w. 54 H). Diriwayatkan di dalam *Hadis al-Wilayah* dan *Nakhb al-Manaqib*.
12. `Ubayy bin Ka`ab al-Ansari al-Khazraji (w. 30/32 H). Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja`bi dengan sanad-sanadnya di dalam *Nakhb al-Manaqib*.
13. As`ad bin Zararah al-Ansari. Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 4.
14.Asma` binti `Umais al-Khath`amiyyah. Diriwayatkan oleh Ibn`Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadis al-Wilayah*
5. Umm Salmah isteri Nabi (s.`a.w.). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 40.
16. Umm Hani` binti Abi Talib. Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 40 dan Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dengan sanad-sanadnya.

17.Abu Hamzah Anas bin Malik al-Ansari al-Khazraji hamba Rasulullah (s.`a.w.) (w. 93 H).Diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh*nya, VII, hlm. 377; Ibn Qutaibah di dalam *al-Ma`arif*, hlm. 291; al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm.114.

18. Al-Barra' bin `Azib al-Ansari al-Ausi (w. 72 H).Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya, IV, hlm. 281,Ibn Majah di dalam *Sunan*, I, hlm. 28-29.

19. Baridah bin al-Hasib Abu Sahl al-Aslami (w. 63 H).Diriwayatkan oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 110; al--Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114.

20.Abu Sa`id Thabit bin Wadi`ah al-Ansari al-Khazraji al-Madani. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307.

21. Jabir bin Samurah bin Janadah Abu Sulaiman al-Sawa`i (w. 70H). Diriwayatkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 398.

22.Jabir bin `Abdullah al-Ansari (w. 73/74/78 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Abd al-Birr di dalam *al-Isti`ab*, II, hlm. 473; Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, V, hlm. 337.

23.Jabalah bin `Amru al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadis al-Wilayah*.

24. Jubair bin Mut`am bin `Adi al-Qurasyi al-Naufali (w. 57/58/59H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 31, 336.

25. Jarir bin `Abdullah bin Jabir al-Bajali (w. 51/54 H).Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma` al-Zawa'id*, IX,hlm. 106.

26. Abu Dhar Jundab Janadah al-Ghaffari (w. 31 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*; Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4.

27.Abu Junaidah Janda` bin `Amru bin Mazin al-Ansari.Diri-wayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm.308.

28.Hubbah bin Juwain Abu Qudamah al-`Arani (w.76-79H). Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma` al-Zawa'id*, IX,hlm. 103; al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 276.

29.Hubsyi bin Janadah al-Jaluli.Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307; V, hlm. 203; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm. 211.

30. Habib bin Badil bin Waraqa` al-Khaza`i. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 368; Ibn Hajr di dalam al-*Isabah*, I, hlm. 304

31.Huzaifah bin Usyad Abu Sarihah al-Ghaffari(w.40/42 H).diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi, di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 38.

32.Huzaifah bin al-Yamani (w. 36 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 40.
33.Hasan bin Thabit.Salah seorang penyair al-Ghadir pada abad pertama hijrah.
34. Imam Mujtaba Hasan bin `Ali a.s. Diriwayatkan oleh Ibn`Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dan Abu Bakr al-Ja`abi di dalam *al-Nakhb*.
35. Imam Husain bin `Ali a.s. Diriwayatkan oleh Abu Nu`aim di dalam *Hilyah al-Auliya'*, IX, hlm. 9.
36.Abu Ayyub Khalid bin Zaid al-Ansari (w. 50/51/52 H).Diriwayatkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*, I, hlm. 169; Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*,V, hlm. 6 dan lain-lain.
37.Abu Sulaiman Khalid bin al-Walid al-Mughirah al-Makhzumi (w.21/22 H). Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja`abi di dalam al-*Nakhb*.
38.Khuzaimah bin Thabit al-Ansari Dhu al-Syahadataini (w. 37H). Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*,III, hlm. 307 dan lain-lain.
39. Abu Syuraih Khuwailid Ibn `Umru al-Khaza`i (w. 68 H).Di antara orang yang menyaksikan Amiru l-Mukminin dengan hadis al-Ghadir.
40. Rifalah bin `Abd al-Mundhir al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadis al-Wilayah*.
41.Zubair bin al-`Awwam al-Qurasyi (w. 36 H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 3.
42. Zaid bin Arqam al-Ansari al-Khazraji (w. 66/68 H). Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya, IV, hlm.368 dan lain-lain.
43.Abu Sa`id Zaid bin Thabit (w. 45/48 H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*,hlm. 4 dan lain-lain.
44. Zaid Yazid bin Syarahil al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam Usd al-Ghabah, II, hlm. 233; Ibn Hajr di dalam al-*Isabah*, I, hlm. 567 dan lain-lain.
45. Zaid bin `Abdullah al-Ansari.Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadis al-Wilayah*.
46. Abu Ishak Sa`d bin Abi Waqqas (w. 54/56/58 H). Diriwayatkan oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 116 dan lain-lain.
47.Sa`d bin Janadah al-`Aufi bapa kepada `Atiyyah al-`Aufi. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*, dan lain-lain.
48. Sa`d bin `Ubadah al-Ansari al-Khazraji (w. 14/15 H).Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja`abi di dalam *Nakhb*.
49. Abu Sa`id Sa`d bin Malik al-Ansari al-Khudri (w.63/64/65H). Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Manaqibnya*, hlm. 8; Ibn Kathir di dalam *Tafsirnya*, II, hlm. 14 dan lain-lain.

50. Sa`id bin Zaid al-Qurasyi `Adwi (w. 50/51 H).Diriwayatkan oleh Ibn al-Maghazili di dalam *Manaqib*nya.
51. Sa`id bin Sa`d bin `Ubadah al-Ansari.Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah.*
52.Abu `Abdullah Salman al-Farisi (w. 36/37 H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
53.Abu Muslim Salmah bin `Umru bin al-Akwa` al-Islami (w. 74H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah dengan sanad-sanadnya didalam *Hadis al-Wilayah.*
54.Abu Sulaiman Samurah bin Jundab al-Fazari (w.58/59/60 H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
55. Sahal bin Hanif al-Ansari al-Awsi (w. 38 H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
56. Abu `Abbas Sahal bin Sa`d al-Ansari al-Khazraji al-Sa`idi (w. 91H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 38 dan lain-lain.
57. Abu Imamah al-Sadiq Ibn `Ajalan al-Bahili (w. 86 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah.*
58. Dhamirah al-Asadi. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah.*
59.Talhah bin `Ubaidillah al-Tamimi wafat pada tahun 35 Hijrah di dalam Perang Jamal. Diriwayatkan oleh al-Mas`udi di dalam *Muruj al-Dhahab*, II, hlm. 11; al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 171 dan lain-lain.
60.`Amir bin `Umair al-Namiri. Diriwayatkan oleh Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 255.
61.`Amir bin Laila bin Dhumrah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 92 dan lain-lain.
62. `Amir bin Laila al-Ghaffari.Diriwayatkan oleh Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 257 dan lain-lain.
63.Abu Tufail `Amir bin Wathilah. Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya, I, hlm. 118; al-Turmudhi di dalam *Sahih*nya, II, hlm. 298 dan lain-lain.
64. `Aisyah binti Abu Bakr bin Abi Qahafah, isteri Nabi (s.`a.w.). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah.*
65. `Abbas bin `Abdu l-Muttalib bin Hasyim bapa saudara Nabi (s.`a.w.). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah.*
66. `Abdu al-Rahman bin `Abd Rabb al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 408 dan lain-lain.

67. Abu Muhammad bin `Abdu al-Rahman bin Auf al-Qurasyi al Zuhri (w. 31 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi`i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 3 dan lain-lain.
68. `Abdu al-Rahman bin Ya`mur al-Daili. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dan lain-lain.
69.`Abdullah bin Abi `Abd al-Asad al-Makhzumi. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
70. `Abdullah bin Badil bin Warqa' Sayyid Khuza`ah.Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
71.`Abdullah bin Basyir al-Mazini.Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
72.`Abdullah bin Thabit al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 67.
?73.`Abdullah bin Ja`far bin Abi Talib al-Hasyim (w. 80 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
74.`Abdullah bin Hantab al-Qurasyi al-Makhzumi. Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *Ihya' al-Mayyit*.
75. `Abdullah bin Rabi`ah. Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Maqtalnya*.
76.`Abdullah bin `Abbas (w. 68 H). Diriwayatkan oleh al-Nasa`I di dalam *al-Khasa`is*, hlm. 7 dan lain-lain.
77.`Abdullah bin Ubayy Aufa `Alqamah al-Aslami (w.86/87H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
78.Abu `Abd al-Rahman `Abdullah bin `Umar bin al-Khattab al- `Adawi (w. 72/73 H). Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma` al-Zawa'id*, IX, hlm. 106 dan lain-lain.
79. Abu `Abdu al-Rahman `Abdullah bin Mas`ud al-Hazali (w. 32/33H). Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298 dan lain-lain.
80. `Abdullah bin Yamil. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam Usd al-Ghabah, III, hlm. 274; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 382 dan lain-lain.
81.`Uthman bin `Affan (w. 35 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dan lain-lain.
82.`Ubaid bin `Azib al-Ansari, saudara al-Bara' bin `Azib. Di antara orang yang membuat penyaksian kepada `Ali a.s di Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307.
83. Abu Tarif `Adi bin Hatim (w. 68 H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 38 dan lain-lain.
84. `Atiyyah bin Basr al-Mazini. Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
85. `Uqbah bin `Amir al-Jauhani. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 68.

86. Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abi Talib a.s. Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*, I, hlm. 152; al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 107; al-Suyuti di dalam *Tarikh al- Khulafa'*, hlm. 114; Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, VII, hlm. 337; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm. 211 dan lain-lain.

87.Abu Yaqzan 'Ammar bin Yasir (w. 37H).Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam Asna *al-Matalib*,hlm. 4 dan lain-lain.

88. 'Ammarah al-Khazraji al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 107 dan lain-lain.

89.'Umar bin Abi Salmah bin 'Abd al-Asad al-Makhzumi (w. 83 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.

90. 'Umar bin al-Khattab (w. 23 H). Diriwayatkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 161; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, VII, hlm. 349 dan lain-lain.

91. Abu Najid 'Umran bin Hasin al-Khuza'i (w. 52 H).Diriwayatkan oleh syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.

92. 'Amru bin al-Humq al-Khuza'i al-Kufi (w. 50 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.

93. 'Amru bin Syarhabil.Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Maqtalnya*.

94.'Amru bin al-'Asi. Diriwayatkan oleh Ibn Qutaibah di dalam *al-Imamah wa al-Siyasah*, hlm. 93 dan lain-lain.

95.'Amru bin Murrah al-Juhani Abu Talhah atau Abu Maryam. Diriwayatkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 154 dan lain-lain.

96.Al-Siddiqah Fatimah binti Nabi (s.'a.w.).Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dan lain-lain.

97. Fatimah binti Hamzah bin 'Abdu l-Muttalib. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.

98.Qais bin Thabit bin Syamas al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 368; Ibn Hajr di dalam al-*Isabah*, I, hlm. 305 dan lain-lain.

99. Qais bin Sa'd bin 'Ubadah al-Ansari al-Khazraji. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.

100. Abu Muhammad Ka'ab bin 'Ajrah al-Ansari al-Madani (w. 51 H).Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.

101.Abu Sulaiman Malik bin al-Huwairath al-Laithi (w. 84 H). Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114 dan lain-lain.

102. Al-Miqdad bin 'Amru al-Kindi al-Zuhri (w. 33 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah* dan lain-lain.

103.Najiah bin`Amru al-Khuza`i.Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 6; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, III, hlm. 542 dan lain-lain.
104. Abu Barzah Fadhlah bin `Utbah al-Aslami (w. 65 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
105. Na'mar bin `Ajalan al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 68 dan lain-lain.
106. Hasyim al-Mirqal Ibn`Utbah bin Abi Waqqas al-Zuhri (w. 37H). Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 366; Ibn Hajr di dalam _al-Isabah, I, hlm. 305.
107. Abu Wasmah Wahsyiy bin Harb al-Habsyi al-Hamsi.Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
108. Wahab bin Hamzah.Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi pada Fasal Keempat di dalam *Maqtal*nya.
109. Abu Juhaifah Wahab bin`Abdullah al-Suwa'i (w. 74 H). Diriwayatkan oleh Ibn `Uqdah di dalam *Hadis al-Wilayah*.
110.Abu Murazim Ya'li bin Murrah bin Wahab al-Thaqafi. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah* , II, hlm.233; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah* , III, hlm. 542[73].

Demikianlah dikemukakan kepada kalian 110 perawi-perawi hadis al-Ghadir di kalangan para sahabat mengenai perlantikan `Ali `a.s sebagai imam atau khalifah secara langsung selepas Rasulullah (s.`a.w.), oleh ulama kita Ahl al-Sunnah di dalam buku-buku mereka. Oleh itu ianya sudah mencapai ke peringkat kemutawatirannya. Kemudian diikuti pula oleh 84 perawi-perawi dari golongan para Tabi`in yang meriwayatkan hadis al-Ghadir serta 360 perawi-perawi di kalangan para ulama Sunnah yang meriwayatkan hadis tersebut di dalam buku-buku mereka. Malah terdapat 26 pengarang dari kalangan para ulama Ahl al-Sunnah yang mengarang buku-buku tentang hadis al-Ghadir[74].

Kesimpulan

Khutbah atau Hadis Rasulullah (s.`a.w.) di Ghadir Khum pada 18hb. Dhu l-Hijjah tahun 10 Hijrah telah memusatkan kepemimpinan umat kepada dua belas imam atau khalifah.Kemungkinan "keadaan tertentu" tidak membenarkan ia didedahkan secara menyeluruh kepada umum dengan berbagai-bagai alasan.Walaupun begitu setiap individu "bebas" mempunyai pendapatnya yang tersendiri bagi menerima atau menolak mana-mana hadis yang kurang sesuai dengan fahamannya

---

73 *al-Ghadir*, I, hlm.14-158.
74 *Ibid.*

dengan alasan akademik yang mendalam. Walaupun begitu, dia harus bertanggungjawab di hadapan Allah S.W.T.

BAHAGIAN KEDUA

DIALOG AMIR AL-MUKMININ `ALI B. ABI TALIB DENGAN ABU BAKAR

Pengenalan

Tuntutan Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib A.S terhadap jawatan khalifah selepas Rasulullah s.`a.w adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan kerana ia dicatat di dalam buku-buku muktabar Ahl al-Sunnah dan Syi`ah.

Tuntutan tersebut lebih terserlah di dalam bentuk *munasyadah* (soal jawab) di mana beliau mengemukakan beberapa soalan kepada Khalifah Abu Bakr berdasarkan kepada hadis-hadis Rasulullah s.`a.w mengenai hak dan kelebihan dirinya, di mana orang yang ditanya harus menjawab soalan-soalan tersebut.

Bagi Amir al-Mukminin `Ali A.S, tuntutan beliau terhadap jawatan khalifah selepas Rasulullah s.`a.w adalah satu hak yang wajib dituntut. Kerana Rasulullah s.`a.w telah melantik beliau dan sebelas anak cucunya daripada Fatimah A.S sebagai Imam atau Khalifah. Bagi `Ali, perlantikan beliau adalah daripada Allah S.W.T.melalui rasul-Nya. Justeru itu orang ramai harus mentaatinya dansebelas para imam selepas beliau satu persatu.Apatah lagi khutbah atau hadis Rasulullah s.`a.w di Ghadir Khum pada 18 Dhu l-Hijjah tahun 10 hijrah menjadi asas yang penting di dalam tuntutan beliau terhadap jawatan khalifah secara langsung selepasRasulullah s.`a.w.

Terjemahan Teks .

Di sini akan dikemukakan dialog Amir al-Mukminin `Ali A.S yang dikemukakan kepada Khalifah Abu Bakr mengenai *Imamah atau Khilafah.*Di dalam pembentangan ini, penulis mengemukakan terjemahan teks tersebut menurut catatan al-`Allamah al-Tabarsi di dalam *al-Ihtijaj*[75]. Kemudian penulis membuat rujukan kepada buku-buku Ahl al-Sunnah kita sebagai pengukuhan kepada kesahihan hadis-hadis tersebut.

Daripada Ja`far, Imam Ja`far al-Sadiq adalah imam keenam Ahl al-Bait Rasulullah s.`a.w.Ja`far b. Muhammad, Imam Muhammad al-Baqir b. `Ali Zain al-Abidin b. Husain b.Ali adalah imam kelima Ahl al-Bait Rasulullah s.`a.w.daripada bapanya, daripada datuknya A.S. Beliau berkata: Apabila selesai urusan Abu Bakr dan bai`ah orang ramai kepadanya serta perbuatan mereka terhadap `Ali, Abu Bakr masih

---

75 *Al-Ihtijaj,* I,hlm.115-129.

menghagarapkan bai`ah daripada`Ali, tetapi beliau A.S telah menunjukkan sikap negatif terhadapnya. Abu Bakr menganggapnya sebagai serius lalu beliau ingin berjumpa dengannya dan meminta maaf daripadanya di atas bai`ah orang ramai kepadanya sedangkangkan dia (Abu Bakr) sendiri tidak begitu berhasrat untuk memegang jawatan khalifah kerana kezuhudannya.Dia mengadakan pertemuan empat mata dengan `Ali A.S.

Dia berkata: Wahai Abu l-Hasan! Demi Allah perkara ini bukanlah aku benar-benar mencintainya kerana aku tidak mempunyai keyakinan kepada diriku sendiri terhadap keperluan umat ini.Aku tidak mempunyai harta yang banyak dan keluarga yang ramai.Oleh itu kenapa anda menyembunyikan kepadaku apa yang aku tidak berhak daripada anda. Anda melahirkan kebencian terhadapku[76].

Amir al-Mukminin a.s berkata:

1. Apakah yang mendorong anda untuk memegang jawatan khalifah sekiranya anda benar-benar tidak menghendakinya dan anda pula kurang yakin kepada diri anda sendiri untuk mengendalikannya?

Abu Bakr berkata: Sebuah hadis yang aku mendengarnya daripada Rasulullah s.`a.w bermaksud *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengumpulkan umatku di atas kesesatan"*. Apabila aku melihat ijmak mereka terhadapku, maka akupun mengikuti sabda Nabi s.`a.w tersebut[77].

Dan aku tidak terfikir ijmak mereka menyalahi petunjuk. Lantaran itu aku memberi jawapan yang positif. Dan sekiranya aku mengetahui mahupun seorang yang tidak bersetuju di atas perlantikanku nescaya aku menolaknya.

2. `Ali berkata: Adapun sabda Nabi s.`a.w yang anda menyebutkannya *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengumpulkan umatku di atas kesesatan"*, adakah aku daripada umat ataupun tidak?

Abu Bakr menjawab: Tentu sekali anda daripada umat.

3. `Ali berkata: Adakah golongan menentang anda yang terdiri daripada Salman, `Ammar, Abu Dhar, al-Miqdad, Ibn`Ubbad dan orang-orang Ansar yang lain bersamanya termasuk di dalam umat?

Abu Bakr menjawab: Semuanya termasuk di dalam umat.

4.`Ali berkata:Bagaimana anda berhujah dengan hadis tersebut sedangkan orang seperti mereka telah membelakangi anda? Sedangkan umat tidak mencela mereka dan persahabatan mereka dengan Rasulullah adalah baik!

---

[76] Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 18-19; al-Mas`udi, *Muruj al-Dhahab*, II, hlm. 302; al-Ya`qubi, *Tarikh al-Ya`qubi*, II, hlm. 127.

[77] Al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, I, hlm. 9.

Abu Bakr menjawab: Aku tidak mengetahui penentangan mereka melainkan selepas berlaku pemilihan khalifah. Aku khuatir sekiranya aku meninggalkan "perkara" tersebut orang ramai akan menjadi murtad dari agama mereka.Lantaran itu perlakuan mereka terhadapku - sekiranya aku menyahuti seruan mereka -lebih senang bagiku mememberi pertolongan di dalam agama dan mengekalkannya dari permusuhan di kalangan mereka. Justeru itu mereka kembali menjadi kafir. Aku menyedari bahawa anda bukanlah orang yang dapat mengekalkan keadaan mereka dan agama mereka.

5. `Ali berkata: Ya! Tetapi beritahukan kepadaku tentang orang yang berhak jawatan khalifah dan dengan apakah dia berhak?

Abu Bakr menjawab: Dengan nasihat, kesetiaan, perlakuan yang baik, melahirkan keadilan, alim dengan kitab dan sunnah, percakapan yang tinggi, zuhud di dalam soal keduniaan, tidak terlalu cintakan dunia, menyelamatkan orang yang tertindas dari ditindas,sama ada jauh dan dekat. Kemudian dia (Abu Bakr) diam.

6. `Ali berkata: Orang yang terawal memeluk Islam dan kerabat?

Abu Bakr menjawab: Ya!

7.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah wahai Abu Bakr, adakah sifat-sifat tersebut terdapat pada diri anda atau pada diriku?

Abu Bakr menjawab: Malah pada diri anda wahai Abu l-Hassan[78].

8. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang telah menyahuti dakwah Rasulullah (s.`a.w) dari kaum lelaki atau anda?

Abu Bakr menjawab: Anda[79].

9. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah aku yang mengisytiharkan Surah al-Bara'ah di musim *Haji akbar* di hadapan kaum muslimin atau anda?

Abu Bakr menjawab: Anda[80].

10.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah, aku telah mempertahankan Rasulullah s.`a.w. dengan diriku di hari al-Ghadir atau anda?

Abu Bakr menjawab: Anda[81].

11. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah aku *maula* kepada anda dan semua muslimin melalui hadis Nabi (s.`a.w.) di hari al-Ghadir atau anda?

---

[78] Ibn Hajr al-`Asqalani, *Lisan al-Mizan*, VI, hlm. 78; al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 7;Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, VII, hlm. 356.

[79] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 91-92.

[80] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 156; al-Turmudhi, *Sahih*,II, hlm. 461; al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 51; Ibn Hajral-`Asqalani, *al-Isabah*, II, hlm. 509; al-Muttaqi al-Hindi,*Kanz al-`Ummal*, I, hlm. 246.

[81] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 53-54.

Abu Bakr menjawab: Anda[82].
12. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah ayat *al-Wilayah* (al-Maidah5:55) daripada Allah bersama Rasul-Nya mengenai zakat dengan sebentuk cincin untuk aku atau anda?
Abu Bakr menjawab: Untuk anda[83].
13. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah *al-Wazarah* (wazir) untukku bersama Rasulullah (s.'a.w.) umpama Harun bersama Musa atau untuk anda?
Abu Bakr menjawab: Untuk anda[84].
14.'Ali berkata:Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah Rasulullah (s.'a.w.) mempertaruhkan dengan aku, isteriku dan anaanak lelakiku apabila bermubahalah dengan Musyrikin atau dengan isteri anda dan anak-anak lelaki anda?
Abu Bakr menjawab: Dengan kalian[85].
15. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah ayat al-Tathir (Surah al-Ahzab 33: 33) untukku, isteriku dan anak-anak lelakiku atau untuk anda, isteri anda dan anak-anak lelaki anda?
Abu Bakr menjawab: Anda dan anak isteri anda[86].
16. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku, isteriku dan anak-anak lelakiku yang didoakan oleh Rasulullah (s.'a.w.) di hari *al-Kisa'* "*Wahai Tuhanku mereka itulah keluargaku kepada Mu dan bukan kepada neraka*" atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda, isteri anda dan anak-anak lelaki anda[87].
17. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang dimaksudkan dengan ayat "*Mereka menunaikan nazar dan takut*

---

[82] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, IV, hlm. 370; al-Wahidi, *Asbab al- Nuzul*, hlm. 150; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 120; al-Khatib*Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 290; al-Syablanji, *Nur al-Absar*,hlm. 75; al-Ya'qubi, *Tarikh al-Ya'qubi*, II, hlm.32.

[83] Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 293; Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, III, hlm. 417; al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 422; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, I, hlm. 4

[84] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 175; al-Muttaqi al-Hindi,*Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 117; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm 116; al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 301; al-Nasa'i, *al-Khasa'is*,hlm. 78; Abu Daud, *al-Musnad*, I, hlm. 28; al-Khawarizmi, al-*Manaqib*, hlm. 83.

[85] al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 482; Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, III, hlm. 20; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I,hlm. 185; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 38; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 47; al-Syablanji, *Nur al-Absar*; hlm.101.

[86] Al-Tabari, *Jami' al-Bayan*, XXII, hlm. 502; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 198; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, III, hlm. 259; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 251.

[87] Ibid.

akan suatu hari yang azabnya merata di mana-mana" (Surah al-Insan76:7) atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[88].
18.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang dikembalikan matahari untuk waktu solat lalu ditunaikan solatnya kemudian ia terbenam atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[89].
19.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang telah melegakan Rasulullah (s.`a.w.) dan kaum Muslimin dengan pembunuhan `Amru b. `Abd Wuddin atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[90].
20. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang telah diamanahkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) dalam perutusannya kepada jin lalu anda menyahutinya atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[91].
21.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang disucikan oleh Allah dari perzinaan semenjak Adam sehinggalah kepada bapanya dengan sabda Rasulullah (s.`a.w.) "*Aku dan anda (`Ali) dari nikah yang sah dan bukan dari perzinaan semenjak Adam hinggalah `Abdu l-Muttalib" atau anda?*
Abu Bakr menjawab: Anda[92].
22.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang telah dipilih oleh Rasulullah dan mengahwinkan aku dengan anak perempuannya Fatimah (`a.s) dan bersabda: "*Allah telah mengahwinkan anda dengan Fatimah di langit*" atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[93].
23. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku bapa Hasan dan Husain manakala beliau bersabda: "*Kedua-duanya pemuda Ahli Syurga dan bapa mereka berdua adalah lebih baik daripada mereka berdua*" atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[94].

---

[88] Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 331; Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, VIII, hlm. 392; Ibn Hajr al-`Asqalani, *al-Isabah*, VIII, hlm. 168; Ibn al-Athir, *Usd al*-Ghabah, V, hlm. 530; al-Syablanji, Nur al-Absar, hlm. 102.

[89] Ibn Hajr, *Lisan al-Mizan*, V, hlm. 76; Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, VI, hlm. 80; al-Tahawi, *Musykil al-Athar*, II, hlm. 8; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 137.

[90] Lihat umpamanya, al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 277.

[91] Ibid., hlm. 230-231.

[92] Ibid., hlm. 379; al-Haithami, *Majma` al-Zawa'id*, IX, hlm. 168.

[93] Ibn Hajr al-Makki, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, hlm. 84-85; Muhibb al-Tabari, *Dhakha`ir al-Uqba*, hlm. 29; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 298-299.

[94] Al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 204; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 166.

24.'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah saudara anda yang dihiasi dengan dua sayap terbang di syurga bersama para malaikat atau saudaraku?
Abu Bakr menjawab: Saudara anda[95].
25. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang telah menjamin hutang Rasulullah (s.'a.w.) dan mengadakan perisytiharan di musim haji dengan melaksanakan janjinya atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[96].
26.'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah, adakah aku orang yang didoakan oleh Rasulullah (s.'a.w.) dalam keadaan burung di sisinya, di mana beliau ingin memakannya. Beliau bersabda: "*Wahai Tuhanku! bawa datanglah kepadaku orang yang paling Engkau cintai selepasku bagi memakan (daging) burung itu bersamaku* ". Maka tidak seorangpun datang selain daripadaku atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[97].
27. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah akukah orang yang telah diberi mandat oleh Rasulullah (s.'a.w.) supaya memerangi *al-Nakithin, al-Qasitin, al-Mariqin* menurut takwil al-Qur'an atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[98].
28.'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah (s.'a.w.) dengan kehakiman dan kefasihan di dalam percakapan dengan sabdanya: "*'Ali adalah orang yang paling alim di dalam ilmu penghakiman*" atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[99]. 29. 'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku di mana Rasulullah (s.'a.w.) memerintahkan para sahabatnya supaya memberi salam kepadanya untuk menjadi ketua pada masa hidupnya atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[100].
30.'Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah aku yang menyaksi percakapan Rasulullah (s.'a.w.) yang terakhir, menguruskan "mandi" dan mengkafankannya atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[101].

---

[95] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 519.
[96] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*,I, hlm. 3; al-Dhahabi, *Mizan al-I'tidal*, I, hlm. 306; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, III, hlm. 209.
[97] Al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 299; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 130; Abu Nu'aim al-Asfahani, *Hilyah al-Auliya'*, VI, hlm. 339; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 30; al-Dhahabi, *Muruj al-Dhahab*, II, hlm. 49.
[98] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 154; Ibn Hajr,*Tahdhib al-Tahdhib*, III, hlm. 178; al-Kanji al-Syafi'i, Kifayah al-Tahdhib, hlm. 167-168.
[99] Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 112.
[100] Ibn Hajr, *al-Isabah*, III, hlm. 20; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 155; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 128

31.`Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda kerabat Rasulullah (s.`a.w.) atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[102].
32.`Ali berkata: Aku meny-ru anda dengan nama Allah adakah anda yang dikurniakan oleh Allah dengan dinar ketika dia memerlukannya dan Jibra'il menjualkannya kepada anda dan anda menjadikan Muhammad sebagai tetamu lalu anda memberi makan anaknya atau aku?
Abu Bakr menangis dan berkata: Anda[103].
33. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang telah diletakkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) di atas bahunya bagi menolak dan memecahkan berhala-berhala di atas ka`bah sehingga jika aku kehendaki nescaya aku dapat menyentuhi ketinggianlangit atau anda?
Abu Bakr menjawab: Anda[104].
34. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang disabdakan oleh Rasulullah (s.`a.w.) "*Andalah pemilik bendera di dunia dan di akhirat*" atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[105].
35. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang diperintahkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) supaya membuka pintu di masjidnya ketika beliau memerintahkan supaya ditutup semua pintu keluarganya dan para sahabatnya dan membenarkan pintu anda dibuka atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[106].
36. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda telah mengeluarkan *sadqah* apabila anda mengadakan perbicaraan khusus dengan Rasul dikala itu Allah mengkritik satu golongan"*Apakah kamu takut akan (menjadi miskin) kerana kamu memberi sadqah sebelum pembicaraan dengan Rasul?*" (Surah al-Mujadalah 58:13) atau aku?
Abu Bakr menjawab: Anda[107].
37. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang dimaksudkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) ketika beliau bersabda

---

101 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 60-63.
102 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 90; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 76.
103 Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 530; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 348-349.
104 Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 5.
105 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 81.
106 Al-Nasa'i, *al-Khasa'is*, hlm. 17; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III,hlm. 125; al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 301; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 201.
107 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 100.

kepada Fatimah: "*Aku nikahkan akan anda kepada orang yang pertama beriman kepada Allah" atau aku?*Abu Bakr menjawab: Anda[108].

38. `Ali berkata: Aku menyeru anda dengan nama Allah adakah anda yang telah diberi salam oleh para malaikat tujuh langit di hari al-Qulaib atau aku?

Abu Bakr menjawab: Anda[109].

39.`Ali berkata: Adakah dengan ini dan seumpamanya anda berhak melaksanakan urusan umat Muhammad? Apakah yang membuatkan anda terlanjur jauh dari Allah dan Rasul-Nya sedangkan anda tidak mempunyai sesuatu yang diperlukan oleh penganut agamanya!

Abu Bakr menangis dan berkata:Memang benar apa yang anda perkatakan wahai Abu l-Hassan.Tunggulah aku hingga berlalunya hariku. Aku akan memikirkan tentang jawatanku sebagai khalifah dan aku tidak akan mendengar lagi percakapan sebegini daripada anda[110].

40. `Ali berkata: Itu terserah kepada anda wahai Abu Bakr.Lantas dia kembali dan jiwanya agak tenang di hari itu dan tidak membenar seorangpun berjumpa dengannya sehingga di malam hari.

Ulasan

Di dalam dialognya Amir al-Mukminin telah mengemukakan beberapa soalan kepada Khalifah Abu Bakr khususnya mengenai *Imamah atau Khilafah* di mana beliau berhujah bahawa jawatan *Imamah atau Khilafah* secara langsung selepas Rasulullah (s.`a.w.) adalah haknya berdasarkan hadis-hadis Rasulullah(s.`a.w.)mengenai perlantikan beliau sebagai *imam/khalifah.* Ia juga disebut oleh beliau ketika melakukan *munasyadah* di antara beliau dan Khalifah Abu Bakr di mana Khalifah Abu Bakr kelihatan memperakui hakikat ini dan hampir-hampir menyerah jawatan Khalifah kepada Amir al-Mukminin Ali b. Abi Talib jika tidak dihalang oleh `Umar.[111]

Persoalan yang timbul, jika perlantikan Rasulullah (s.`a.w.) ke atas Ali sebagai imam atau khalifah selepas beliau itu adalah benar - Ia memang benar berdasarkan hadis-hadis Nabi (s.`a.w.) -kenapa umat mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mentaati perlantikan beliau? Atau jika perlantikannya daripada Rasulullah s.`a.w. tidak benar, kenapa `Ali A.S menuntut bukan haknya?

---

[108] Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha'ir al-Uqba*, hlm. 29; Ibn Hajr, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, hlm. 85; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 298.

[109] Lihat umpamanya, al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, IV, hlm. 403.

[110] Lihat umpamanya, Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 18-19; al-Ya`qubi, *Tarikh al-Ya`qubi*, II, hlm. 127-128.

[111] Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 18-19; al-Ya`qubi, *Tarikh al-Ya`qubi*, II, hlm. 127.

Adakah ini sifat Ahl al-Bait Rasulullah s.`a.w. yang telah disucikan di dalam Surah al-Ahzab 33: 33? Sebenarnya Amir al-Mukminin `Ali telah menerangkan kedudukannya mengenai *imamah atau khilafah* kepada Ibn Qais yang mengemukakan soalan kepadanya. Sulaim b. Qais al-Hilali,meriwayatkan bahawa Ibn Qais bertanya kepada Amir al-Mukminin `Ali A.S: Apakah yang menghalang anda dari menghunus pedang anda untuk menuntut jawatan *imamah atau khilafah?*[112]

Amir al-Mukminin `Ali A.S menjawab: Wahai Ibn Qais! Dengarlah jawapanku: Bukanlah kerana perasaan pengecut dan kebencianku menemui Tuhanku. Aku bukanlah tidak mengetahui bahawa apa yang ada di sisi Allah itu lebih baik bagiku daripada dunia dan kekal di dalamnya. Tetapi perintah Rasulullah (s.`a.w.) yang telah menghalangku dan janji beliau kepadaku. Rasulullah (s.`a.w.) telah memberitahuku bahawa umat akan belot selepasnya[113].

Meskipun begitu aku tidak begitu yakin terhadap apa yang mereka perlakukan di hadapanku kerana aku lebih menyakini sabda Rasulullah (s.`a.w.) daripada apa yang aku melihatnya sendiri.

Aku berkata: Wahai Rasulullah! Apakah janji anda kepadaku sekiranya ia berlaku sedemikian? Beliau bersabda: *Jika anda dapat mencari pembantu-pembantu, maka tentangilah "mereka" dan jika anda tidak dapat pembantu-pembantu, tahanlah tangan anda, peliharalah darah anda sehingga anda mendapati pembantu-pembantu bagi menegakkan agama, kitab Allah dan Sunnahku*[114].

Rasulullah (s.`a.w.) telah memberitahuku bahawa sesungguhnya umat aka menghinaku, membai`ah dan mengikut orang lain selain daripadaku.Rasulullah(s.`a.w.) telah memberitahuku bahawa kedudukanku di sisinya sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa dan umat selepasnya seperti kedudukan Harun serta orang yang mengikutnya[115], dan kedudukan *al-`Ajl* (anak lembu jantan) serta orang yang mengikutnya kerana Musa berkata kepadanya: "*Wahai Harun, apa yang menghalang kamu ketika kamu melihat mereka telah sesat (sehingga) kamu tidak mengikuti aku? Maka apakah kamu telah (sengaja) mendurhakai perintahku?Harun menjawab: Wahai putera ibuku, janganlah kamu pegang janggutku dan jangan (pula) kepalaku, sesungguhnya aku khuatir bahawa kamu akan berkata (kepadaku): Kamu telah memecah antara Bani Isra'il dan kamu tidak memelihara ummatku*" (SurahTaha 20: 92-94).

Apa yang dimaksudkan oleh Allah adalah sesungguhnya Musa telah memerintahkan Harun ketika beliau melantiknya ke atas

---

112 *Kitab Sulaim* , hlm.127

113 Lihat umpamanya, al-Bukhari, *Sahih*, IV, hlm. 94-99.

114 Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim* , hlm 128.

115 Muslim, *Sahih*, II, hlm. 236

mereka jika mereka sesat dan beliau (Harun) dapat pembantu-pembantunnya, hendaklah beliau menentang mereka dan sekiranya beliau tidak dapat pembantu-pembantu, hendaklah beliau menahan tangannya dan memelihara darahnya dan janganlah beliau melakukan perpecahan di kalangan mereka[116]. Dan sesungguhnya aku takut saudaraku Rasulullah (s.'a.w.) akan berkata kepadaku kenapa anda memecahbelahkan mereka dan tidak memelihara ummatku? Sedangkan aku telah menjanjikan anda sesungguhnya jika anda tidak ada pembantu-pembantu, hendaklah anda menahan tangan anda, memelihara darah anda, darah keluarga anda dan Syi'ah anda[117].

Amir al-Mukminin 'Ali berkata lagi: Apabila Rasulullah (s.'a.w.) wafat, orang ramai cenderung kepada Abu Bakr lantas mereka memberi bai'ah kepadanya.Sedangkan aku sibuk memandi dan mengkafan jenazah Rasulullah (s.'a.w.). Kemudian aku menghabiskan masaku dengan mengumpulkan al-Qur'an sehingga aku mengumpulkannya di dalam satu kain. Kemudian aku, Fatimah dan di tangan-nya Hassan dan Husain, menyeru kesemua orang-orang yang terlibat di dalam peperangan Badar dan orang-orang terdahulu memeluk Islam yang terdiri daripada orang-orang Muhajirin dan Ansar, semuanya aku telah mengemukakan hujah-hujahku dengan nama Allah S.W.T.mengenai hakku dan aku telah menyeru mereka supaya membantuku. Tetapi semua mereka tidak menyahut seruanku selain daripada empat orang; al-Zubair, Salman, Abu Dhar dan al-Miqdad[118].

Kemudian 'Ali meneruskan kata-katanya: Wahai Ibn Qais, sesungguhnya mereka telah memaksaku dan menekanku hampir mereka membunuhku.Jika mereka berkata kepadaku:Kami semata-mata mahu membunuh anda,nescaya aku akan menghalang pembunuhan mereka terhadapku sekalipun aku seorang. Tetapi mereka berkata: Sekiranya anda memberi bai'ah (kepada Abu Bakr) nescaya kami akan melepaskan anda, memuliakan anda, mendampingi anda, menghormati anda. Dan sekiranya anda tidak melakukannya, nescaya kami membunuh anda. Apabila aku tidak dapati seorangpun yang akan membantuku, maka akupun memberi bai'ah kepada mereka.Tetapi bai'ahku terhadap mereka bukanlah membenarkan kebatilan mereka dan tidaklah mewajibkan kebenaran untuk mereka.

Kemudian 'Ali berkata lagi: Sekiranya aku dapati di hari Abu Bakr dibai'ah empat puluh orang lelaki yang taat, nescaya aku menentang mereka[119] .Beliau begitu menyesali sikap orang-orang Ansar dan Muhajirin yang tidak membantunya. Beliau mengatakan bahawa

---

116 Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim*, hal. 127.

117 *Ibid.*, hlm. 127.

118 *Ibid.*

119 *Ibid*, hlm. 129.

mereka telah mencintai Abu Bakr dan 'Umar secara membuta tuli. Beliau berkata: Hairan sekali! Hati umat ini telah dimabukkan oleh cinta kepada mereka berdua dan mencintai orang-orang yang menyimpang dari jalan Allah.

Sekiranya umat ini berdiri di atas kakinya ke tanah dan meletakkan debu di atas kepala mereka bermunajat kepada Allah, serta menyeru di hari kiamat ke atas orang-orang yang telah menyesat dan menghalang mereka dari jalan Allah; menyeru mereka ke neraka, membentangkan mereka kepada kemurkaan Allah dan mewajibkan azab-Nya ke atas mereka kerana jenayah yang "mereka"lakukan ke atas mereka, nescaya mereka tergolong juga dari orang-orang yang cuai (*muqassirin*) kerana pengkaji yang benar dan alim dengan Allah dan Rasul-Nya merasa takut jika ia mengubah sesuatu sunnah dan bid'ah mereka berdua, orang ramai (umat) akan memusuhinya.

Apabila dia melakukannya, mereka akan menyulitkan (kehidupan)nya, menentangnya, membersihkan diri daripadanya, menghinanya, merampas haknya. Dan sekiranya ia mengambil sunnah mereka berdua, memperkuinya, memujinya dan menjadikannya agama, nescaya umat mencintainya, memuliakannya dan melebih-lebihkannya.[120]

Demi Allah sekiranya aku menerangkannya kepada askar-askarku segala kebenaran yang diturunkan oleh Allah ke atas Nabi-Nya, dan aku mendedah pentafsirannya menurut apa yang aku dengar dari Nabi Allah 'a.s, nescaya sedikit sahaja askar-askarku tinggal bersamaku kerana mereka takut mendengarnya[121].

Sekiranya janji Rasulullah (s.'a.w.) tidak ada denganku, nescaya aku melakukannya(menyerang mereka).Tetapi Rasulullah(s.'a.w.) bersabda kepadaku: "Wahai saudaraku! Apabila seorang hamba itu terpaksa melakukan sesuatu, maka Allah menghalalkannya untuknya dan mengharuskannya untuknya". Dan aku mendengar beliau bersabda: "*Taqiyyah* adalah dari agama Allah, tidak ada agama (*al-Din*) bagi orang yang tidak melakukan *taqiyyah* untuknya"[122].

Walaupun begitu 'Ali percaya bahawa orang lain selain Ahl al-Bait a.s tidak layak memegang jawatan *Imamah*. Kerana ia telah dipilih oleh Allah S.W.T. Sulaim b. Qais al-Hilali menulis: 'Ali berkata: Demi orang yang telah memuliakan kami Ahl al-Bait dengan "kenabian". Dia telah menjadikan di kalangan kami Muhammad.Dia memuliakan kami selepasnya di mana Dia menjadikan pada kami para imam bagi

120 *Ibid*, hlm.151.
121 Al-Qunduzi al-Hanafi, Yanabi' *al-Mawaddah*, hlm. 403.
122 Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim* , hlm.151.

mukminin, orang lain selain daripada kami tidak boleh mencapainya. *Imamah* dan *Khilafah* tidak layak melainkan pada kami[123].

Kesimpulan

Amir al-Mukminin`Ali b. Abu Talib yakin bahawa *imamah/khilafah* adalah haknya dan hak sebelas anak cucunya daripada Fatimah a.s berdasarkan kepada hadis al-Ghadir dan lain-lain.Oleh itu bai`ah beliau terhadap Abu Bakr selepas kewafatan Fatimah al-Zahra adalah secara terpaksa,tanpa pembantu-pembantu.Jika tidak beliau akan menghadapi musibat sebagaimana dihadapi oleh Nabi Harun a.s. Justeru itu janji Rasulullah (s.`a.w.) dengan beliau dipeliharanya demi perpaduan umat Islam sejagat.

[123] *Ibid*,hlm.120.

BAHAGIAN KETIGA

DIALOG AMIR AL-MUKMININ ALI BIN ABI TALIB DENGAN AHLI SYURA

Pengenalan

Tujuan rencana ini adalah untuk mendedahkan secara langsung dialog atau *munasyadah* Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib dengan lima orang Ahli majlis Syura mengenai haknya menduduki jawatan khilafah terutamanya selepas kewafatan khalifah yang kedua `Umar b. al-Khattab. Justeru itu ia bersifat akademik semata-mata. Semoga ia dapat meluaskan wawasan berfikir di kalangan intelek muslim khususnya para mahasiswa dan mahasiswi jurusan Pemikiran Islam di Nusantara.

Kebiasaannya, orang ramai menerima keputusan majlis syura tersebut kerana ia, menurut mereka, merupakan majlis permesyuaratan yang berasaskan keikhlasan dan muafakat. Walaubagaimanapun kajian mendalam mendapati ianya telah dirancang begitu rapi supaya jawatan khalifah itu kelak dipegang oleh `Uthman.Justeru itu ia merupakan saudara kembar Saqifah di mana Khalifah `Umar menjadi perencana utama.

Ahli majlis Syura yang dilantik mengandungi `Uthman b. `Affan, al-Zubair b. `Awwam, Talhah b. `Ubaidillah, `Abd al-Rahman b. `Auf, Sa`d b. Abi Waqqas dan `Ali b. Abi Talib A.S di mana pengerusinya ialah `Abd Allah b. `Umar . Mereka dikenali sebagai *Ahl al-Hill wa al-'Aqd.*

Terjemahan Teks

Di sini akan dikemukakan dialog atau *munasyadah* Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib khususnya mengenai *Imamah* atau *Khilafah* terhadap lima orang Ahli Majlis Syura tersebut berdasarkan teks al-`Allamah al-Tabarsi dalam bukunya *al-Ihtijaj*[124], Riwayat ini telah diambil daripada Muhammad al-Baqir daripada bapanya, `Ali Zain al-`Abidin. seorang ulama Mazhab Ja`fari abad keenam hijrah. Untuk mengukuhkan kesahihan hadis-hadis di dalam *munasyadah* tersebut, penulis membuat rujukan kepada buku-buku karangan para ulama Ahl al-Sunnah kita yang muktabar untuk kajian bersama.Dengan ini perasaan iri hati dan prejudis dapat dikurangkan, Insya' Allah.

"Manakala Amir al-Mukminin `Ali A.S melihat keghairahan "mereka" untuk memberi bai`ah kepada `Uthman, beliau terus berdiri di hadapan mereka bagi memberi hujah-hujah penentangan beliau

---

[124] Abu `Ali al-Fadil b. al-Hasan, *al-Ihtijaj,* Beirut 1403 H, I, hlm. 132-145.

terhadap mereka. Beliau berkata: Dengarlah ucapanku, jikalaulah apa yang aku ucapkan itu benar, maka kalian terimalah dan jikalau ia adalah batil, maka kalian ingkarilah. Kemudian beliau berkata:

1. Aku menyeru kalian dengan nama Allah yang mengetahui kebenaran kalian jika kalian orang yang benar. Dan Dia mengetahui pembohongan kalian jika kalian berbohong. Adakah di kalangan kalian seorang yang telah mengerjakan solat menghadapi dua Qiblat selain daripadaku?
Mereka (berlima) menjawab: Tidak.[125]
2. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah melakukan dua bai`ah; Bai`ah al-Fath dan Bai`ah al-Ridwan selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[126]
3. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana saudaranya dihiasi dengan dua sayap di syurga selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[127]
4. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah di kalangan kalian bapa saudaranya (di sebelah bapa) menjadi penghulu para syahid selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[128]
5. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah di kalangan kalian seorang di mana isterinya penghulu wanita alam sejagat selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[129]
6. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana kedua-dua anak lelakinya adalah anak-anak Rasulullah (s.`a.w.) dan kedua-duanya penghulu pemuda syurga selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[130]

---

[125] Lihat umpamanya al-Suyuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman b. Abu Bakr, *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur,* Beirut,1960 M., II, hlm. 304.

[126] Lihat umpamanya al-Ya`qubi, Ahmad b. `Ali Ya`qub b. Ja`far b. Wahb b. al-Wadih, *Tarikh al-Ya`qubi,* Beirut 1362 H., II, hlm. 204.

[127] Al-Qunduzi al-Hanafi, Sulayman b. Ibrahim, *Yanabi` al-Mawaddah fi Syama'il al-Nabi wa Fada'il Amir al-Mu'minin `Ali,* Iran, 1385 H., hlm. 519.

[128] Al-Tabari, Abu Ja`far Muhammad b. Jarir, *Tarikh al-Umam wa al-Muluk,* Cairo 1956 M., II, hlm. 84.

[129] Ibn Hajr al-Makki, Syihab al-Din Ahmad b. Muhammad b. Muhammad b. `Ali b. Muhammad, *Kitab al-Sawa'iq al-Muhriqah fi al-Radd `Ala Ahl al-Bida` wa al-Zindiqah,* Cairo 1971 M., hlm. 85; Muhibb al-Din al-Syafi`i al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba,* Baghdad 1348 H., hlm. 29.

[130] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah,* hlm. 164-165.

7. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah mengetahui nasikh dan mansukh selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[131]
8. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Allah menghilangkan kekotoran dosa daripadanya dan mensucikannya dengan sebenar-benarnya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[132]
9. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah melihat Jibra'il di dalam bentuk seorang lelaki yang tempang selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[133]
10. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang menunaikan zakat di dalam keadaan rukuk selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[134]
11. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) telah menyapu kedua-dua matanya dan memberikan bendera di hari peperangan Khaibar selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[135]
12. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah dilantik oleh Rasulullah (s.`a.w.) di hari Ghadir Khum dengan perintah Allah S.W.T. dan berkata: "*Siapa yang aku maulanya, maka `Ali adalah maulanya. Wahai Tuhanku,*

---

[131] Al-Hakim al-Nisaburi, Muhammad b. `Abdullah, *al-Mustadrak `ala al-Sahihain fi al-Hadis,* Cairo 1969 M., III, hlm. 166; al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad,* Baghdad 1950 M., IV, hlm. 348; Ibn al-Athir, `Izz al-Din Abi Hasan `Ali b. Muhammad b. `Abd al-Qasim al-Jazari, *Usd al-Ghabah fi Ma`rifah al-Sahabah,* Baghdad 1349 H., IV, hlm. 22; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal,* Baghdad 1958 M., VI, hlm. 152.

[132] Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur,* V, hlm. 198; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad,* Cairo 1352 H., III, hlm. 259; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul,* Cairo 1957 M., hlm. 251.

[133] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah,* hlm. 91-92.

[134] Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur,* II, hlm. 293; al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud b. `Umar, *al-Kasysyaf `an_Haqa`iq Ghawamid al-Tanzil wa `Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta`wil,* Cairo t.t., I, hlm. 422; al-Syablanji, Mu`min b. Hasan Mu`min, *Nur al-Absar fi Manaqib al-Bayt al-Nabi al-Mukhtar (s.`a.w.),* Cairo, 1960 M., hlm. 105; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul,* I, hlm. 422; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib,* Tehran 1404 H., hlm.106.

[135] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah,* hlm. 132; `Abd al-Rauf al-Munawi, *Kunuz al-Haqa'iq,* Baghdad 1368 H,hlm. 98; al-Khawarizmi, *al-Manaqib,* Cairo 1340 H., hlm. 65.

hormatilah orang yang mewalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[136]
13. Beliau berkata: aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang menjadi saudara Rasulullah di masa bermukim dan temannya semasa musafir selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak. [137]
14. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah bertarung dengan `Amru bin `Abd Wuddin di peperangan Khandaq dan membunuhnya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[138]
15. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Kedudukan anda di sisiku sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa hanya tidak ada nabi selepasku*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[139]
16. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah dinamakan mukmin di dalam sepuluh ayat al-Qur'an selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[140]
17. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) telah memberi segenggam tanah kepadanya kemudian dia melemparkannya ke atas muka orang-orang kafir, selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[141]
18. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana para malaikat berdiri bersamanya di

---

[136] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad,* Iv, hlm. 370; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul,* hlm. 150; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi`_al-Mawaddah,* hlm. 120; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur,* II, hlm. 298; al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud b. `Abdullah, *Ruh al-Ma`ani fi Tafsir al-Qur'an al-`Azim wa al-Sab` al-Masani,* Cairo 1958 M., VI, hlm. 172.

[137] Al-Dhahabi, Abu `Abdullah Muhammad b. Ahmad b. `Uthman, *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal,* Cairo 1348 H., I, hlm. 257; Ibn `Abd al-Barr, Abu `Umar Yusuf b. `Abdullah b. Muhammad, *Kitab al-Isti`ab fi Ma'rifah al-Sahabah,* Cairo 1365 H., II, hlm. 460.

[138] Lihat umpamanya, Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba,* hlm. 74; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib,* hlm. 277.

[139] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad,* I, hlm. 175; al-Nasa'i, *al-Khasa'is `Ali A.S,* Baghdad 1956 M., hlm. 78; al-Turmudhi, Abu `Isa Muhammad b. `Isa b. Sawrah, *al-Jami` al-Sahih,* Tunis 1958 M., II, hlm. 301; Ibn Majah, *al-Sunan,* Baghdad 1367 H., I, hlm.30.

[140] Al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib,* hlm. 238-258.

[141] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib,* hlm. 158.

dalam peperangan Uhud sehingga orang lain meninggalkan tempat itu selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[142]
19. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah menjelaskan hutang Rasulullah (s.`a.w.) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[143]
20. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah menyaksikan kewafatan Rasulullah (s.`a.w.) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[144]
21. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah memandikan jenazah Rasulullah (s.`a.w.), mengkafan dan meletakkannya di liang lahad selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[145]
22. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah mewarisi senjata Rasulullah (s.`a.w.), benderanya dan cincinnya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[146]
23. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) telah menjadikan *talaq* isteri-isterinya di tangannya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[147]
24. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) menanggungnya di atas belakangnya sehingga dia memecahkan berhala di pintu Ka`bah selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[148]
25. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana namanya diseru di langit di hari peperangan Badr: "*Tidak ada pedang melainkan Dhu al-Fiqar dan tidak ada pemuda melainkan `Ali*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[149]

---

142 *Ibid.*, hlm. 169.
143 Al-Dhahabi, *Mizan al-I`tidal*, I, hlm. 306.
144 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 43.
145 *Ibid*
146 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 81.
147 Lihat umpamanya, al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 78.
148 Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 5.
149 Al-Muhibb al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba*, hlm. 78; al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad b. al-Husayn, *al-Sunan al-Kubra*, Baghdad 1959 M., III, hlm. 276; al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 385; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 277.

26. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah makan bersama Rasulullah (s.'a.w.) seekor burung panggang yang dihadiahkan kepadanya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[150]
27. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah disabdakan oleh Rasulullah (s.'a.w.): *"Andalah pemilik benderaku di dunia dan akhirat"* selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[151]
28. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah mengadakan perbincangan khusus dengan Rasulullah s.'a.w, kemudian mengeluarkan sedekah (kepada orang-orang miskin) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[152]
29. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah memperbaiki kasut Rasulullah (s.'a.w.) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[153]
30. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: *"Aku adalah saudara anda dan anda adalah saudaraku"* selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[154]
31. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.)bersabda kepadanya: *"Anda adalah sebaik-baik makhluk kepadaku dan orang yang paling benar percakapannya"* selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[155]
32. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang mendapati Rasulullah (s.'a.w.) sedang lapar lalu dia meminta seratus baldi dengan seratus tamar, kemudian

---

[150] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 130; al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 299; Abu Nu'aim al-Asfahani, *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*, Cairo 1956 M., VI, hlm. 339; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 30.
[151] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 398.
[152] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 100.
[153] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 59.
[154] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 199; Ibn Hajr, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 73; al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo 1963 M., hlm. 144; Ibn Hajr al-Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad b. 'Ali b. Muhammad b. Muhammad, *Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad 1327H., I, hlm. 337.
[155] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 253; al-Turmudhi al-Hanafi, *al-Kaukab al-Durriy*, Damascus 1958 M. hlm. 133.

dia membawa tamar, lalu Rasulullah (s.`a.w.) memberikannya makan, selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[156]
33. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana malaikat Jibra'il, Mika'il dan Israfil memberi salam kepadanya dengan tiga ribu para malaikat yang lain di peperangan Badr selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[157]
34. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah menutup mata Rasulullah (s.`a.w.) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[158]
35. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah mentauhidkan Allah sebelumku selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[159]
36. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang pertama memasuki bilik Rasulullah (s.`a.w.)dan orang yang terakhir keluar dari sisinya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[160]
37. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah berjalan-jalan bersama Rasullullah (s.`a.w.) kemudian dia melalui sebuah taman, maka dia pun berkata: Alangkah cantiknya taman ini. Maka beliau bersabda: " *Taman anda di syurga lebih cantik daripada taman ini*". Sehingga dia melalui tiga taman pada setiap taman Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Taman anda di syurga lebih cantik daripada taman ini*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[161]
38. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.)bersabda kepadanya: "*Anda adalah orang pertama yang beriman denganku, membenarkanku dan orang pertama akan dikembalikan Haud kepadaku di hari kiamat*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[162]

---

156 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 99.
157 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 93.
158 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 98.
159 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 82.
160 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 102.
161 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, V, hlm. 40; Ibn Hajr, *Tahdhib al-Tahdhib*, VII, hlm. 109; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 272-273.
162 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 152; Ibn Hajr, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, hlm. 72; al-Muhibb al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba*, hlm. 58.

39. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Orang pertama yang datang kepada kalian dari pintu ini wahai Anas, maka dialah Amir al-Mukminin, penghulu Muslimin dan orang yang paling utama di kalangan manusia*".Lalu Anas berkata: Wahai Tuhanku jadikan "nya" seorang lelaki dari kalangan Ansar. Maka dia pun datang, lalu Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepada Anas: "*Anda bukanlah orang pertama yang mencintai kaumnya*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[163]
40. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah diturunkan mengenainya firman-Nya: "*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan RasulNya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat, memberi zakat dalam keadaan rukuk*" (Surah al-Maidah 5: 55) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[164]
41. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Allah telah menurunkan padanya dan anak-anaknya, firmanNya: "*Sesungguhnya orang-orang yang baik akan minum daripada gelas di mana campurannya mengandungi kafur*" (Surah al-Insan 76: 5) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[165]
42. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Allah telah menurunkan ayat mengenai "*Apakah (orang-orang) yang memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjid al-Haram, kamu samakan dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidaklah sama di sisi Allah*" (Surah al-Taubah 9: 19) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[166]
43. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah diajar oleh Rasulullah (s.`a.w.) seribu kalimah dan setiap kalimah berpecah kepada seribu kalimah

---

[163] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 103.

[164] Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, I, hlm. 422, al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 422; al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, VI, hlm. 149; al-Qurtubi al-Andalusi, Abu `Abdullah Muhammad b. Ahmad al-Andasari, *al-Jami` li Ahkam al-Qur'an*, Baghdad 1959 M., VI, hlm. 221; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 106.

[165] Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 530; al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 331; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 102; al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, X, hlm. 268; Ibn Hajr al-`Asqalani, *al-Isabah fi_Ma`rifah al-Sahabah*, Baghdad 1345 H., VIII, hlm. 167

[166] Al-Tabari, *Tafsir*, X, hlm. 59; Fakhr al-Din al-Razi, Abu `Abdullah Muhammad b. `Umar, *Mafatih al-Ghaib*, Baghdad 1963 M., IV, hlm. 422; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, III, hlm. 218; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 93.

selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[167]
44. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah dimunajat oleh Rasulullah (s.`a.w.) di hari Taif, lalu Abu Bakr dan `Umar berkata: Wahai Rasulullah! Anda telah melakukan munajat kepada `Ali dan bukan kepada kami. Nabi (s.`a.w.) bersabda: "*Aku bukanlah ingin bermunajat untuknya tetapi Allah telah memerintahkan aku supaya melakukannya*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[168]
45. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah disuapkan oleh Rasulullah (s.`a.w.) dengan tepung manis selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[169]
46. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda adalah makhluk yang paling akrab kepadaku di hari kiamat akan memasuki syurga dengan syafa`at anda, lebih ramai dari bilangan Rabi`ah dan Mudar*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[170]
47. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Wahai Ali! Sesungguhnya anda dikenakan pakaian ketika aku dikenakan pakaian*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[171]
48. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Anda dan Syi`ah anda akan mendapat kemenangan di hari kiamat?*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[172]

---

167 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 72-73 Al-Tabari, *Tafsir*, X, hlm. 59; Fakhr al-Din al-Razi, Abu `Abdullah Muhammad b. `Umar, *Mafatih al-Ghaib*, Baghdad 1963 M., IV, hlm. 422; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, III, hlm. 218; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 93.

167 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 72.

168 Al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 300; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 159; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 27; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 328-329.

169 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 112.

170 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 393; al-Muhibb al-Tabari, *Riyadh al-Nadhirah*, t.t., II, hlm. 103.

171 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 80.

172 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 423; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, VI, hlm. 93.

49. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Berbohonglah orang yang mengatakan bahawa dia mencintaiku sedangkan dia membenci `Ali*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[173]
50. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "*Siapa yang mencintai bahagian-bahagianku (syatrati) ini, maka sesungguhnya dia telah mencintaiku dan siapa yang mencintaiku, maka sesungguhnya dia mencintai Allah* - Ditanya kepadanya: Apakah *syatratu-ka*? Beliau (s.`a.w.) menjawab: *`Ali, Hasan, Husain dan Fatimah*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[174]
51. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah(s.`a.w.)bersabda kepadanya: "*Anda adalah sebaik-baik manusia selepas para nabi*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[175]
52. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Andalah al-Faruq yang membezakan di antara kebenaran dan kebatilan*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[176]
53. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.)bersabda kepadanya: "*Amalan anda adalah sebaik-baik amalan makhluk selepas para nabi*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[177]
54. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) menutup dengan pakaiannya ke atasnya, isterinya dan dua anak lelakinya kemudian beliau bersabda: "*Wahai Tuhanku aku dan Ahlu l-Baitku kepada anda dan bukan kepada neraka*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[178]
55. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda

---

[173] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 399; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 319-320.
[174] Lihat umpamanya, al-Kanji al-Syafi`i, *Ibid.*, hlm. 80-83.
[175] Lihat umpamanya, al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 247.
[176] Al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 58.
[177] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 159.
[178] Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, hlm. 251; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 198; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, III, hlm.259.

kepadanya: "*Andalah saudaraku, wazirku, sahabatku daripada keluargaku*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[179]
56. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda adalah orang yang paling awal memeluk Islam, paling alim dan paling perihatin*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[180]
57. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana dia telah membunuh seorang panglima perang Yahudi secara berdepan selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[181]
58. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Nabi (s.'a.w.) membentangkan Islam kepadanya lalu beliau menjawab: Tunggulah sehingga aku berjumpa bapaku. Lantas Nabi (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Ini adalah satu amanah di sisi anda*". Maka dia menjawab: Sekiranya ia adalah satu amanah di sisiku, maka aku menerima Islam sekarang juga selain" daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak. [182]
59. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana dia telah mengangkat pintu kota Khaibar di masa pembukaannya dan membawanya sejauh seratus hasta kemudian empat puluh lelaki cuba mengangkatnya tetapi mereka tidak mampu selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[183]
60. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana ayat ini diturunkan kepadanya " *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu mengadakan perbicaraan khusus dengan Rasul hendaklah kamu mengeluarkan sedekah (kepada orang miskin)*" (Surah al-Mujadalah 50: 12). Maka akulah yang mengeluarkan sedekah dan adakah di kalangan kalian seorang yang melakukannya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak. [184]
61. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda

---

179 Al-Turmudhi al-Hanafi, *al-Kaukab al-Durriy*, Damascus 1958 M., hlm. 143; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 251.
180 Al-Qunduzi al-Hanafi, *ibid.*, hlm. 60.
181 *Ibid.*, hlm. 95.
182 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 60-61.
183 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 60.
184 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 100.

kepadanya: "*Siapa yang mencaci `Ali, maka sesungguhnya dia mencaciku dan siapa yang mencaciku maka sesungguhnya dia mencaci Allah*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[185]

62. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Rumahku menghadapi rumah anda di syurga*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[186]

63. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah(s.`a.w.)bersabda kepadanya: "*Allah memerangi orang yang memerangi anda dan Allah memusuhi orang yang memusuhi anda*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[187]

64. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang yang telah tidur di atas tempat tidur Rasulullah (s.`a.w.) ketika beliau ingin berjalan ke Madinah dan mempertahankannya dengan dirinya ketika mereka hendak membunuhnya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[188]

65. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda adalah orang yang utama dalam umatku*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[189]

66. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda di hari kiamat di kanan `Arasy dan Allah akan memakaikan anda dua helai kain; satu berwarna biru dan satu berwarna merah*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[190]

67. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana dia telah mengerjakan solat sebelum orang ramai tujuh tahun dan beberapa bulan selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[191]

---

[185] Al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 337-338.
[186] Ibn Hajr, *al-Sawa`iq al-Muhriqah*, hlm. 96; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 227-228.
[187] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 69.
[188] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 60.
[189] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 253.
[190] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 70.
[191] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 62-63.

68. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Aku di hari kiamat akan mengambil hajzah (kedudukan istimewa) kurniaan Tuhanku daripada cahaya sedangkan anda akan mengambil hajzahku dan keluargaku akan mengambil hajzah anda*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[192]
69. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda sepertilah diriku, cinta anda adalah cintaku dan kemarahan anda adalah kemarahanku*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[193]
70. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Wilayah anda sepertilah wilayahku, satu janji yang telah dijanjikan oleh Allah kepadaku dan Dia memerintahkanku supaya menyampaikannya kepada anda*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[194]
71. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Wahai Tuhanku jadikanlah beliau (`Ali) pembantu dan penolongku*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[195]
72. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Harta adalah madu(tumpuan) orang-orang yang zalim dan anda adalah madu (tumpuan) orang-orang mukmin*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[196]
73. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Aku* akan *mengutus kepada kalian seorang lelaki di mana Allah telah menguji hatinya untuk keimanan*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[197]
74. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) memberi

---

192 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 485-486.
193 Lihat umpamanya, al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm.114.
194 Al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 422; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 105-106.
195 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 117.
196 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 62; al-Muhibb al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba*, hlm. 56.
197 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 407; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 96-97.

kepadanya sebiji buah delima dan bersabda: "*Ini adalah buah delima daripada syurga. Hanya seorang nabi atau wasinya sahaja yang memakannya*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[198]
75. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang lelaki di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Aku tidak memohon sesuatu dari Tuhanku melainkan Dia memberikannya kepadaku dan aku tidak memohon sesuatu daripada Tuhanku melainkan aku memohon untuk anda*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[199]
76. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Anda adalah orang yang paling cekal di kalangan mereka bagi menjalankan perintah Allah, paling setia di kalangan mereka bagi menunaikan janji Allah, paling arif di kalangan mereka tentang segala permasalahan, orang yang paling adil di dalam pembahagian hak dan orang yang paling mulia di sisi Allah S.W.T.*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[200]
77. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Kelebihan anda ke atas umat ini sepertilah kelebihan matahari ke atas bulan dan sepertilah kelebihan bulan ke atas bintang-bintang*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[201]
78. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Allah akan memasukkan wali anda ke syurga dan musuh anda ke neraka*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[202]
79. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Manusia dari pokok yang bermacam-macam (berlainan asal usulnya), tetapi aku dan anda adalah dari satu pokok*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[203]
80. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda

---

[198] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 69.
[199] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 80.
[200] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 130; al-Munawi al-Syafi'i, *Kunuz al-Haqa'iq*, hlm. 19.
[201] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 121-122.
[202] Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 113.
[203] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 24; al-Khawarizmi, *al-Manaqib* hlm. 86.

kepadanya: "*Aku adalah penghulu anak Adam dan anda adalah penghulu Arab dan bukan Arab tanpa kemegahan*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[204]
81. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Allah telah meridainya di dalam dua ayat al-Qur'an selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[205]
82. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Janji anda adalah janjiku dan janji Syi'ah anda di Haud; apabila semua umat merasa takut dan neraca-neraca mula menjalankan tugasnya*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[206]
83. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Wahai Tuhanku sesungguhnya aku mencintainya maka cintailah beliau. Wahai Tuhanku sesungguhnya aku ucapkan selamat tinggal kepada Engkau untuknya*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[207]
84. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Andalah yang berhujah dengan orang ramai supaya mereka mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh perkara yang baik dan melarang perkara yang mungkar, melaksanakan hudud dan membahagikan hak yang sama*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[208]
85. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) memegang tangannya di hari Badr, lalu mengangkatnya sehingga orang ramai melihat keputihan kedua ketiaknya sambil bersabda: "*Sesungguhnya ini adalah sepupuku, wazirku. Oleh itu jadikanlah beliau wazir, mintalah nasihatnya dan percayailah beliau kerana beliau adalah wali kalian*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[209]

---

204 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 157; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 124.
205 Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 232-265.
206 Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 72.
207 *Ibid.*, hlm. 74.
208 Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 217-219.
209 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 25; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 218.

86. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana ayat ini turun mengenainya: "*Mereka mengutamakan orang lain atas diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam kesusahan*" (Surah al-Hasyr 59: 9) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[210]
87. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Jibrail seorang daripada para tetamunya selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[211]
88. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) telah memberi kepadanya kapur barus dari syurga kemudian dia membahagikannya tiga bahagian, " *Satu bahagian untukku, satu bahagian untuk anak perempuanku dan satu bahagian untuk anda* " selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[212]
89. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: " *Di mana apabila dia berdepan dengan Rasulullah (s.`a.w.) dia menghormatinya, mendekatinya, mengalu-alukannya dan berseri-seri mukanya*"selaindaripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[213]
90. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) telah melepaskannya dengan Surah al-Bara'ah kepada Musyrikin Makkah selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[214]
91. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Aku bermegah dengan anda di hari kiamat apabila para nabi bermegah dengan para wasi mereka*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak[215]
92. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "*Sesungguhnya aku akan memberi rahmat kepada anda dari hasad dengki orang ramai di dada-dada mereka, tetapi mereka tidak*

---

[210] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 82.
[211] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 94-95.
[212] Lihat umpamanya, al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 83.
[213] *Ibid.*
[214] Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 156; al-Muhibb al-Tabari, *Dhakha'ir al-`Uqba*, hlm. 69; al-Hakim , *al-Mustadrak*, II, hlm. 51; al-Suyuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman b. Abu Bakr, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo 1963 M., hlm. 66.
[215] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 75.

menzahirkannya sehinggalah ketiadaanku. Dan apabila mereka kehilanganku, mereka akan melakukan khilaf" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[216]
93. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Apabila Allah melaksanakan amanah anda, Allah akan menyempurnakan dhimmah anda*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[217]
94. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.) bersabda kepadanya: "*Andalah pembahagi neraka, andalah yang mengeluarkan daripadanya orang yang telah bersih dan meninggalkan di dalamnya setiap kafir*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[218]
95. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana dia telah membuka benteng Khaibar dan menawan anak perempuan Rahib kemudian dia membawanya kepada Rasulullah (s.'a.w.) selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[219]
96. Beliau berkata: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah di kalangan kalian seorang di mana Rasulullah (s.'a.w.)bersabda kepadanya: "*Haud akan dibentangkan kepadaku di kala itu anda dan Syi'ah anda berseri muka-muka mereka. Dan dibentang ke atasku musuh anda dalam keadaan dahaga dan terbelenggu dalam keadaan muka mereka kehitaman*" selain daripadaku?
Mereka menjawab: Tidak.[220]

Kemudian Amir al-Mukminin A.S berkata kepada mereka: Adapun apabila kalian telah memperakui kebenarannya, dan telah jelas sabda-sabda Nabi kalian, maka hendaklah kalian bertakwa kepada Allah sahaja, tidak ada sekutu bagi-Nya. Sekarang aku melarang kalian dari kemaraha-Nya dan janganlah kalian mendurhakai-Nya. Kembalikanlah kebenaran itu kepada ahlinya, ikutilah Sunnah Nabi kalian, kerana sesungguhnya sekiranya kalian menyalahinya, maka sesungguhnya kalian telah menyalahi Allah. Oleh itu kembalikanlah hak itu kepada ahlinya dan sememangnyalah ia adalah untuknya.

---

216 Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 408; al-Khatib, *Tarikh Baghdad*, XII, hlm. 397; al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 273.
217 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 280.
218 Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 83-84.
219 *Ibid.*, hlm. 95-96.
220 *Ibid.*, hlm. 304.

Beliau berkata: Mereka pun mengelipkan mata di kalangan mereka dan bermesyuarat kemudian berkata: "Sesungguhnya kami telah mengetahui kelebihannya, dan kami telah mengetahui sesungguhnya beliau adalah orang yang paling berhak dengannya, tetapi beliau adalah seorang yang tidak melebihkan seorang ke atas seorang. Oleh itu sekiranya kalian melantiknya untuk jawatan Khalifah, nescaya beliau akan menjadikan kalian dan orang ramai dari segi hak sama sahaja. Tetapi sekiranya kalian melantik `Uthman beliau akan menurut apa yang kalian hajati". Lantaran itu mereka melantik Uthman sebagai Khalifah.

Ulasan

Amir al-Mukminin `Ali b. Abu Talib A.S telah mengemukakan hujah-hujahnya terhadap lima orang Ahli majlis Syura yang dilantik oleh Khalifah `Umar.Beliau telah mengajukan beberapa soalan *munasyadah* yang berasaskan hadis-hadis Rasulullah (s.`a.w.). Kesemua soalan-soalan tersebut diperakui oleh kelima-lima Ahli Syura tersebut. Beliau yakin bahawa jawatan *Imamah* atau *Khilafah* adalah untuk beliau dan sebelas anak cucunya daripada Fatimah bt. Muhammad A.S. Hadis-hadis tersebut telah dicatat oleh para ulama Ahl al-Sunnah di dalam buku-buku mereka.Tetapi sayangnya berlakulah apa yang berlaku sehingga hari ini.

Walau bagaimanapun, Majlis Syura yang dibentuk oleh Khalifah `Umar kelihatan aneh dan menakutkan kerana ia mesti diselesaikan dalam masa tiga hari dan dikawal oleh 50 orang tentera yang lengkap dengan senjata. Khalifah `Umar melantik enam orang; `Uthman b. `Affan, `Ali b. Abi Talib, Sa`d b. Abi Waqqas, Talhah b. `Ubaidillah dan al-Zubair b. al-`Awwam. Kemudian dia mencaci mereka dengan cacian yang tidak melayakkan mereka menjadi Khalifah.

`Umar berkata: Demi Allah, tidak ada halangan bagiku untuk melantik anda menjadi khalifah wahai Sa`d, hanya anda adalah seorang yang kasar *(ghalazah)* kerana anda adalah ahli peperangan, `Abd al-Rahman hanya anda adalah Fir`aun umat ini *(fir`aun hadhi-hi al-ummah)*, al-Zubair, hanya anda adalah seorang mukmin pada waktu redha dan kafir pada waktu marah (kafir `and al-ghadab), Talhah, hanya seorang yang angkuh dan Rasulullah memarahi anda kerana kata-kata anda ketika turun ayat hijab (Surah al-Ahzab 33: 53) (kata-kata Talhah:Muhammad tidak boleh membuat apa-apa sekalipun mengenakan hijab ke atas isteri-isterinya. Apabila beliau wafat, kami akan mengahwini isteri-isteri beliau).

Justeru itu jika anda dilantik, anda akan menyarungkan cincin mohornya ke jari isteri anda. Begitu juga `Uthman, andalah seorang yang asabiyah kepada kaum keluarga anda.Justeru itu

sekumpulan serigala Arab akan menyembelihkan anda dan jika ia berlaku ingatlah kata-kataku ini. Dan anda wahai `Ali, sekiranya anda bukan orang yang sukakan kelakar, `Ali A.S telah menafikan dirinya sebagai seorang kelakar.[221] nescaya aku melantik anda dan anda akan membawa kaum muslimin kepada kebenaran yang jelas dan hujah yang bersih.[222] Kemudian dia berkata kepada panglima tentera Abu Talhah al-Ansari: Jika seorang daripada mereka menentang dan lima bersetuju, maka bunuhlah dia. Jika dua menentang dan empat bersetuju, maka bunuhlah kedua-duanya. Dan jika tiga menentang dan tiga bersetuju, maka pilihlah pihak yang ada `Abd al-Rahman b. `Auf.[223]

Oleh itu, tidak hairanlah jika sistem syura sedemikian rupa dilihat sebagai suatu perencanaan halus bagi menjauhkan `Ali A.S daripada menjadi khalifah dan sekaligus menolak konsep keadilan semua sahabat seperti berikut:

1. Syura ini telah melahirkan permusuhan terhadap `Ali A.S. Talhah al-Tamimi adalah dari keluarga Abu Bakr yang telah memindahkan khalifah dari `Ali A.S. `Abd al-Rahman bin `Auf adalah ipar `Uthman dan dia adalah di antara orang yang menentang `Ali A.S. Dan dia di antara orang yang cuba untuk membakar rumah `Ali A.S kerana keengganannya memberi bai`ah kepada Abu Bakr . Sa`d b. Abi Waqqas adalah di antara orang yang dendam terhadap `Ali A.S kerana ramai daripada bapa-bapa saudaranya telah dibunuh oleh `Ali kerana penyebaran Islam. Lantaran itu dia lewat memberi bai`ah kepada `Ali A.S.Dan`Uthman ketua Bani Umayyah yang dikenali dengan permusuhan dan penentangan terhadap Bani Hasyim. Justeru itu syura telah diciptakan dengan begitu rupa adalah semata-mata untuk menjauhkan `Ali daripada jawatan khalifah.
2. Syura ini juga menjauhkan `Ali dari anasir-anasir yang membantunya di dalam pemilihan, kerana tidak seorang pun orang Ansar dipilih di dalam majlis syura tersebut.
3. Syura menjadikan `Abd al-Rahman b. `Auf sebagai penentu apabila tiga bersetuju dan tiga lagi menentang. Apakah kelebihan `Abd al-Rahman b. `Auf sehingga dia menjadi penentu? Tidakkah dia (`Umar) berkata kepadanya: "Anda adalah Fir`aun umat ini?"[224]

---

221 Lihat, Syarif al-Radhi, Abu Hasan Muhammad b. al-Hasan al-Musawi, *Nahj al-Balaghah*, Baghdad 1364

222 Lihat umpamanya, Ibn Qutaibah, Abu Muhammad `Abdullah b. Muslim, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm 24; al-Tabari, *Tarikh*, V,hlm. 2778.

223 Ibn Qutaibah, *ibid.*, hlm. 24.

224 Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 24.

4. Syura melahirkan perebutan dan penentangan di kalangan anggota-anggotanya. Sa'd bin Abi Waqqas dan `Abd al-Rahman patuh kepada `Uthman . Dan berlakulah sebagaimana ianya berlaku.[225]
Amir al-Mukminin `Ali b. Abi Talib nampaknya tidak berpuas hati dengan ketiga-tiga khalifah yang terdahulu. Beliau telah melahirkan dukacitanya di dalam khutbah *al-Syiqsyiqiyyah*. Seramai dua puluh lapan orang ulama Ahl al-Sunnah memperakui kesahihan khutbah *al-Syiqsyiqiyyah*,[226] seperti berikut:
"Demi Allah, si anu (Abu Bakr Ibn Abi Quhafah) telah memakai baju (kekhalifahan) itu, padahal ia mengetahui dengan yakin bahawa kedudukanku sehubungan (kekhalifahan) itu samalah seperti kedudukan sumbu dengan roda. Air mengalir menjauhiku dan burung tidak dapat terbang kepadaku. Aku memasang tirai (terhadap kekhalifahan itu) dan melepaskan diri daripadanya.
Aku pun mulai berfikir, apakah aku akan menyerangnya atau aku harus menanggung kesengsaraan kegelapan yang membutakan itu sehingga orang dewasa menjadi daif, orang muda menjadi tua, dan mukmin yang salih hidup dalam kongkongan sampai ia menemui Allah (di saat kematiannya). Aku berpendapat adalah lebih bijaksana untuk menanggungnya dengan tabah. Lalu aku menempuh jalan kesabaran, meskipun mata rasa tertusuk-tusuk dan kerongkongan rasa tercekik. Aku menyaksikan perampasan terhadap warisanku hingga yang pertama (Abu Bakr) menemui ajalnya; namun ia memberikan kekhalifahan itu kepada Ibn Khattab. (Lalu `Ali A.S mengutip syair `A'sya):

Hari-hariku kini berlalu di punggung unta, Dan berlalu sudah hariku bersama Jabir, saudara Hayyan'. Aneh, semasa hidupnya ia ingin terbebas dari jabatan khalifah, tapi ia mengukuhkannya kepada `Umar setelah kematiannya.Tidak syak kedua orang ini hanya membahagi-bahagikan tetek susu di antara keduanya sahaja. Yang satu ini (`Umar) mengongkong kekhalifahan itu rapat-rapat, dengan ucapannya congkak dan sentuhannya kasar. Kekeliruan sangat banyak dan kerana itu maka dalihnya pun sangat banyak.Orang yang berhubung dengan kekhalifahan itu ibarat penunggang unta liar. Apabila ia menarik kekangnya maka muncungnya akan koyak; dan apabila ia membiarkannya maka ia akan jatuh terlempar.Sebagai akibatnya, demi Allah, rakyat terjerumus ke dalam kebingungan, penipuan dan penyelewengan. Sekalipun demikian, aku tetap bersabar

---

[225] Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lihat: Sulaim b. Qais al-Hilali, *Kitab Sulaim*, Beirut, 1980, hlm.212, 222.
[226] Lihat al-Amini, `Abd al-Husayn b. Ahmad al-Najafi, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab*, Beirut 1977 M., I, hlm. 82-85.

dalam waktu yang lama dengan cubaan yang keras, sampai ketika ia ('Umar)menemui ajal-nya ia menyerah urusan (kekhalifahan) itu kepada satu kelompok dan menganggap aku sebagai salah seorang daripadanya.
Tetapi, ya Allah! Apa urusanku dengan mesyuarat ini! Di manakah keraguan tentang diriku dibandingkan dengan yang pertama mereka (Abu Bakr) sehingga sekarang aku harus dipandang sama dengan orang-orang ini? Namun aku terus merendah sementara mereka merendah, dan membumbung tinggi ketika mereka terbang tinggi. Seorang dari mereka berpaling menentangku kerana hubungan kekeluargaannya, manakala yang lainnya cenderung memihak ke jalan lain kerana hubungan iparnya, dan ini, dan itu, sampai yang ketiga dari orang-orang ini berdiri dengan dada membusung di antara kotoran dan makanannya. Bersama dia anak-anak dari Bani Umayyah bangkit menelan harta Allah, bagaikan unta melalap dedaunan musim bunga sampai talinya putus, tindak tanduknya mengakhirinya dan keserakahannya menyebabkan ia terguling.

(Pada saat itu) orang ramai datang membanjiri ke arahku dari segala penjuru seperti serbuan kumpulan rubah sehingga Hasanain (Hasan dan Husain) terhinjak dan kedua tepi bahagian bahu kemejaku koyak.Mereka berkumpul di sekelilingku seperti kumpulan domba dan kambing. Tatkala aku memegang teraju pemerintahan sebahagian memutuskan bai'ahnya (*nakatha*) dan sebahagian lagi mengingkari (*maraqa*) dan yang lainnya bertindak salah, kerana mereka tidak mendengar firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

"*(Kebahagiaan) di negeri akhirat Kami sediakan bagi mereka yang tiada suka menyombongkan diri dan melakukan kerosakan di bumi.* Dan *kesudahannya (adalah baik) bagi mereka yang takwa.*" (Surah al-Qasas 28: 83).

Tidak, demi Allah, mereka mendengarnya dan memahaminya tetapi dunia terlihat kemilau di mata mereka dan hiasan dunia menggoda mereka. Lihat, demi Dia yang mengembangkan biji-bijian dan menciptakan makhluk hidup, bila orang-orang tidak datang kepadaku dan pendukung-pendukung tidak menegakkan hujah dalam bentuk penolong, dan tidak ada perjanjian Allah dengan ulama bahawa mereka tidak boleh menyerah terhadap kerakusan seorang yang zalim dan kelaparan orang yang dizalimi maka aku akan melemparkan tali kekang (kekhalifahan) itu dan akan aku beri minum kepada yang terakhir dengan piala yang aku gunakan untuk orang yang pertama. Maka akan kamu lihat bahawa dalam pandanganku duniamu tidak lebih dari bersinnya seekor kambing".[227] Beliau telah memilih " bersabar

---

[227] Syarif al-Radhi, *Nahj al-Balaghah*, hlm. 48-50.

" daripada menentang kerana ini adalah lebih baik dan sesuai dengan keadaan pada masa itu.

Kesimpulan

Amir al-Mukminin `Ali A.S telah mengemukakan hujah-hujah beliau di majlis Syura mengenai haknya menjadi khalifah bukan sahaja selepas khalifah`Umar malah selepas Rasulullah s.`a.w secara langsung berdasarkan kepada keistimewaannya yang disokong oleh hadis-hadis Rasulullah s.`a.w di mana ia dicatat oleh kedua-dua sumber Ahl al-Sunnah dan Ahl al-Bait.Meskipun begitu, disebabkan kepentingan dan alasan tertentu, lima orang Ahli Majlis Syura tidak dapat menerimanya sebagai khalifah, tetapi beliau tetap bersabar demi perpaduan umat Islam.

BAHAGIAN KEEMPAT

DIALOG DI ANTARA HASAN B. `ALI A.S DAN MU`AWIYAH B. ABI SUFYAN SERTA RAKAN-RAKANNYA

Pengenalan

Tuntutan Hasan b. `Ali terhadap jawatan khalifah selepas bapanya amatlah ketara meskipun pada akhirnya beliau terpaksa melepaskan jawatan tersebut demi menjaga dirinya, keluarganya serta Syi`ahnya dari ancaman Mu`awiyah b. Abi Sufyan.Di dalam perbincangan mereka mengenai *Imamah* atau *Khilafah*, caci mencaci telah berlaku.Sekali pandang ia tidak harus berlaku kerana mereka tergolong di kalangan para sahabat Rasulullah s.`a.w.Apatah lagi cacian mereka terhadap Hasan b. `Ali di mana beliau dan bapanya merupakan Ahl al-Bait Rasulullah s.`a.w.

Mungkin kilauan dunia telah membuat manusia melupai Ahl al-Bait Rasulullah s.`a.w. Semuanya telah berlaku di dalam dunia Islam dan dicatat oleh para ulama dari golongan Ahl al-Sunnah dan Syi`ah. Persoalan yang timbul sekiranya para sahabat boleh mencaci sesama mereka, sementara orang lain yang bukan bertaraf sahabat tidak boleh menyebut dan menulis perbuatan mereka yang menyalahi nas, apakah keistimewaan mereka sehingga mereka diberi laluan yang istimewa sehingga mereka boleh menyalahi Allah dan Rasul-Nya?

Di sini dikemukakan hujah-hujah Hasan b. `Ali khususnya mengenai *Imamah* atau *Khilafah* terhadap Mu`awiyah dan rakan-rakannya berdasarkan catatan al-`Allamah al-Tabarsi di dalam bukunya *al-Ihtijaj*.[228] Untuk menguatkan hujah, penulis membuat rujukan kepada buku-buku para ulama Ahl al-Sunnah.

Terjemahan Teks

Diriwayatkan daripada al-Sya`bi, Abi Mikhnaf dan Yazid b. Habib al-Misri sesungguhnya mereka berkata: Tidak terdapat pertengkaran di dalam Islam pada suatu hari di mana orang ramai berkumpul di satu majlis yang lebih menggemparkan dari majlis yang dihadiri oleh Mu`awiyah b. Abi Sufyan, `Amru b. `Uthman b. `Affan, `Amru b. al-`As, `Atbah b. Abi Sufyan, al-Walid b. `Uqbah b. Abi Mu`it, al-Mughirah b. Syu`bah, semua mempunyai nada yang sama.

---

[228] Al-Tabarsi, Abu `Ali al-Fadil b. al-Hasan, *al-Ihtijaj*, Beirut 1403 H., I, hlm. 269-279.

'Amru b. al-'As berkata kepada Mu'awiyah: Kenapa anda tidak mengutus kepada Hasan b. 'Ali supaya tampil ke mari, kerana beliau telah menghidupkan sunnah bapanya.Sepatu digerakkan di belakangnya, jika diperintahkan maka ia akan dipatuhi. Dia berkata: Percayalah, dua perkara ini akan membawa kepada perkara yang lebih besar daripada itu. Sekiranya anda mengutus kepadanya, nescaya kami boleh menghinanya dan bapanya.Kami akan mencacinya dan bapanya. Kami akan memperkecil-kecilkannya dan bapanya. Kami boleh terus melakukannya sehingga beliau membenarkan anda mengenainya.

Mu'awiyah berkata kepada mereka: Aku khuatir kalian akan dibelenggu kehinaan sehingga kalian memasuki kubur. Demi Tuhan, aku melihatnya dengan penuh kebencian.Lantaran itu aku akan memalukannya.Sesungguhnya jika aku mengutuskan kepadanya hanyalah semata-mata bagi mengajarnya di hadapan kalian.[229]

Amru b. al-'As berkata: Adakah anda khuatir kebatilannya mengatasi kebenaran kita, kesakitannya mengatasi kesihatan kita? Dia menjawab: Tidak. Dia berkata: Jikalaulah begitu keadaannya, maka jemputlah beliau kemari.

Utbah berkata:Aku kurang pasti dengan pendapat ini. Demi Tuhan, kalian tidak akan mampu untuk menghadapinya tetapi beliau mampu untuk menghadapi kalian kerana beliau Ahl al-Bait yang handal berdebat.Lalu mereka mengutus seorang lelaki kepada Hasan.

Apabila utusan itu sampai kepadanya, lantas dia berkata kepada Hasan:Mu'awiyah menjemput anda.Hasan bertanya:Siapa bersamanya? Utusan itu menjawab: Di sisinya si polan dan si polan. Dia menyebut nama-nama mereka semua.

Hasan berkata: Malang untuk mereka dan azab akan mendatangi mereka dalam keadaan mereka tidak menyedarinya. Kemudian beliau berkata: Wahai jariah (hamba perempuan) hulurkan kain kepadaku. Kemudian beliau berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya dengan Engkau aku menolak ancaman mereka, aku pohon perlindungan dengan Engkau daripada kejahatan mereka, aku pohon pertolongan dengan Engkau ke atas mereka.Lantaran itu pertahankan aku daripada mereka menurut kehendak Engkau, bilamana Engkau kehendaki dengan segala kekuatan Engkau *ya arhama al-Rahimin*.

Beliau berkata kepada utusan itu: Ini adalah doa bagi memohon kejayaan.Manakala mendatangi Mu'awiyah, beliau dialu-alukan oleh Mu'awiyah dan beliau berjabat tangan dengan Mu'awiyah.

Hasan A.S berkata: Sesungguhnya orang yang anda mengalu-alukan kedatangannya adalah satu keselamatan untuknya dan "berjabat tangan" merupakan satu perdamaian. Mu'awiyah berkata: Ya! Mereka

---

229 Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas* , Tunis 1972 M., hlm. 200.

mengutus anda ke mari supaya anda memperakui bahawa sesungguhnya `Uthman telah dibunuh secara kejam dan sesungguhnya bapa andalah yang membunuhnya.Oleh itu dengarlah kata-kata mereka kemudian berilah jawapannya kepada mereka sebagaimana mereka berkata kepada anda. Walau bagaimanapun kedudukanku tidak menghalang anda dari memberi jawapan kepada mereka.

Hasan berkata: Subhanallah, rumah adalah rumah anda dan keizinan adalah terserah kepada anda! Demi Allah jika aku memberi jawapan kepada mereka menurut apa yang mereka kehendaki sesungguhnya aku terasa malu kepada anda untuk menerangkan kejahatan anda. Dan jika mereka mengalahkan anda menurut apa yang anda kehendaki, sesungguhnya aku terasa malu kepada anda untuk menerangkan kelemahan anda.Justeru itu yang mana satu anda memperakuinya dan yang mana satu anda memohon maaf. Sesungguhnya jika aku mengetahui kedudukan dan pertemuan mereka, nescaya aku datang bersama Bani Hasyim seramai bilangan mereka. Disebabkan aku berkeseorangan, mereka akan lebih bertindak liar terhadapku.Sesungguhnya Allah `Azza Wajalla waliku pada hari ini dan selepasnya.Lantaran itu perintahlah mereka dan biarlah mereka bercakap sesuatu, aku akan mendengarnya.Tidak ada kekuatan melainkan dengan Allah S.W.T.

`Amru b. `Uthman b. `Affan berkata: Kalau boleh aku tidak ingin mendengar seperti hari ini seorang pun daripada Bani `Abdu l-Muttalib selepas pembunuhan `Uthman. Sedangkan dia adalah sepupu mereka, mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam terutamanya di sisi Rasulullah (s.`a.w).Justeru itu sejahat-jahat penghormatan Allah terhadap mereka kerana mereka telah mengalirkan darahnya secara permusuhan dan menabur fitnah, kerana hasad dengki mereka bagi menuntut apa yang bukan menjadi milik mereka. Apatah lagi dia di kalangan orang-orang yang terdahulu memeluk Islam dan kedudukannya yang tinggi di sisi Allah dan Rasul-Nya.Alangkah hinanya jika Hasan dan seluruh Bani `Abdu l-Muttalib menjadi pembunuh `Uthman! Mereka masih hidup berjalan ke mana mana sedangkan `Uthman mati berlumuran darahnya. Di samping itu kami mempunyai hak bagi menuntut bela di atas sembilan belas darah Bani Umaiyyah yang dibunuh di Badr.

Kemudian `Amru b. al-`As berkata: Dia memuji Allah kemudian berkata: Di mana satu anak lelaki Abu Turab yang kami utus kepada anda bagi kami meminta pengakuan dari anda bahawa sesungguhnya bapa andalah yang telah meracuni Abu Bakr al-Siddiq, bersubahat di dalam pembunuhan `Umar al-Faruq dan pembunuhan `Uthman dhi al-Nuraini secara zalim. Beliau menuntut (khalifah) bukan daripada haknya. Dan menabur fitnah mengenainya.

Kemudian dia berkata: Sesungguhnya kalian wahai Bani Abdu l-Muttalib, Allah tidak mengurniakan *al-Mulk* (pemerintahan) kepada kalian.Lantas kalian menguasai apa yang tidak halal bagi kalian. Anda wahai Hasan, anda mengatakan bahawa anda adalah Amir al-Mukminin, sedangkan anda tidak mempunyai daya fikir mengenai-nya. Justeru itu tidak hairanlah jika aku meninggalkan si bodoh berada di kalangan Quraisy. Ini disebabkan perbuatan bapa anda yang jahat. Sesungguhnya kami menjemput anda adalah semata-mata untuk mencaci anda dan bapa anda. Justeru itu anda tidak mampu mencela kami apatah lagi membohongi kami mengenainya, tetapi sekiranya anda dapati kami membohongi kalian di dalam sesuatu perkara atau kami mengatakan sesuatu tentang anda dan sesuatu terhadap anda menyalahi kebenaran, maka cakaplah jika tidak, ketahuilah bahawa sesungguhnya anda dan bapa anda adalah sejahat-jahat makhluk Allah.Adapun mengenai bapa anda memadailah Allah telah membunuhnya dan mengasingkannya. Adapun anda berada di dalam kekuasaan kami, kami boleh membuat pilihan. Demi Allah sekiranya kami membunuh kalian tidaklah (kami) berdosa di sisi Allah dan tidak mendatangkan keaiban di sisi orang ramai.

Kemudian 'Atbah bin Abu Sufyan berkata: Wahai Hasan, sesungguhnya bapa anda adalah sejahat-jahat Quraisy bagi Quraisy. Dia telah memutuskan *silat al-Rahim* di kalangan Quraisy dan mengalirkan darahnya.Sesungguhnya anda adalah di kalangan pembunuh-pembunuh 'Uthman.Justeru itu kami berhak membunuh anda kerananya.Sesungguhnya anda wajib membayar ganti rugi sebagaimana disebutkan di dalam kitab Allah Azza Wajalla dan kamilah orang yang memerangi anda mengenainya. Adapun bapa anda, Allah telah membunuhnya dan ia sudah selesai. Adapun harapan anda bagi mendapatkan *khilafah,* maka anda bukanlah orang yang layak mengenainya di dalam semua segi.

Kemudian al-Walid bin 'Uqbah bin Abi Mu'it bercakap lebih kurang kepada para sahabatnya dan dia berkata: Wahai Bani Hasyim! Kalianlah orang pertama yang telah mendedahkan keaiban 'Uthman dan mengumpulkan orang ramai bagi menentangnya. Sehingga kalian membunuhnya kerana inginkan *al-Mulk* (pemerintahan), memutuskan *Silat al-Rahim,* membinasakan umat, mengalirkan darah mereka kerana mengejar pemerintahan, mengejar dunia yang buruk dan mencintainya, sedangkan 'Uthman adalah bapa saudara kalian. Dia adalah ipar kalian dan sebaik-baik ipar. Sesungguhnya kalianlah orang pertama yang hasad kepadanya dan mencacinya. Kemudian kalian merencanakan pembunuhannya. Bagaimana pula kalian fikir tentang azab Allah terhadap kalian.

Kemudian Mughirah bin Syu'bah pula berkata: Wahai Hasan! Sesungguhnya 'Uthman telah dibunuh secara zalim. Justeru itu bapa

anda tidak dapat mengelakkan dirinya dari pembunuhan tersebut. Tetapi kami mengatakan bahawa bapa anda telah melindungi pembunuh-pembunuh `Uthman dengan berbagai cara. Sesungguhnya dia meredhai pembunuhan itu. Demi Allah dia mempunyai pedang dan lidah yang panjang. Dia membunuh orang yang hidup dan mencela orang yang mati.

Bani Umayyah lebih baik daripada Bani Hasyim daripada Bani Hasyim terhadap Umayyah. Mu`awiyah adalah lebih baik untuk anda wahai Hasan daripada anda untuk Mu`awiyah.Bapa anda telah menentang (*nasaba*) Rasulullah s.`a.w. pada masa hidupnya dan telah menutupinya sebelum kewafatannya dan ingin membunuhnya. Perkara tersebut diketahui oleh Rasulullah s.`a.w.kemudian dia benci memberi bai`ah kepada Abu Bakr sehingga dia bertindak balas, kemudian meracuninya sehingga mati. Selepas itu dia menentang `Umar sehingga dia berhasrat memotong tengkoknya. Kemudian dia menyokong pembunuhannya. Selepas itu dia mencaci `Uthman sehingga dia membunuhnya pula.Lantaran itu dia terlibat di dalam pembunuhan mereka. Manakah kedudukannya di sisi Allah wahai Hasan!

Sesungguhnya Allah telah menjadikan sultan (pemerintah) sebagai wali kepada orang yang dibunuh di dalam kitab-Nya. Justeru itu Mu`awiyah adalah wali orang yang dibunuh tanpa hak. Justeru itu adalah wajar jika kami membunuh anda dan saudara lelaki anda. Demi Allah darah `Ali tidaklah lebih berbahaya dari darah `Uthman. Lantaran itu Allah tidak akan menghimpunkan pada kalian dua perkara wahai Bani `Abdu l-Muttalib, pemerintahan *(al-Mulk)* dan kenabian (*al-Nubuwwah)*. Kemudian dia berdiam diri.

Lalu Hasan bin `Ali berkata: Segala puji bagi Allah yang telah memberi hidayat kepada orang yang awal kalian dengan orang yang awal kami dan orang yang akhir kalian dengan orang yang akhir kami. Selawat dan salam ke atas datukku Muhammad nabi dan keluarganya. Kalian dengarlah jawapanku dan kalian fahamilah baik-baik. Dengan andalah aku mulai wahai Mu`awiyah.Demi Tuhan,wahai Azraq (Mu`awiyah)tidak seorangpun mencaciku selain daripada anda. Mereka itu tidak mencaciku, tidak mencelaku selain daripada anda dan mereka itu tidak mencelaku tetapi anda telah mencela dan mencaciku. Itu adalah petanda kejahatan anda dan pendapat anda kerana memusuhi kami dan hasad dengki anda kepada kami serta permusuhan anda terhadap Muhammad s.`a.w. dahulu dan sekarang.

Demi Allah sekiranya aku dan mereka itu wahai Azraq bermesyuarat di Masjid Rasulullah s.`a.w. dan sekitar kami orang-orang Muhajirin dan Ansar, nescaya mereka tidak mampu bercakap sedemikian rupa dan mereka tidak mengalu-alukan kedatanganku sebegini. Justeru itu dengarlah daripadaku wahai kumpulan yang menentangku.

Janganlah kalian menyembunyikan kebenaran yang kalian mengetahuinya. Dan janganlah kalian membenarkan kebatilan sekiranya aku berkata mengenainya.Aku akan mulai percakapanku dengan anda wahai Mu`awiyah dan aku tidak akan berkata sesuatu pun melainkan ia bertepatan dengan anda.

1.Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah kalian mengetahui bahawa lelaki yang kalian telah mencacinya itu adalah orang yang telah mengerjakan solat di hadapan dua kiblat, sementara anda masih menyembah al-Lata dan al-`Uzza?[230] Dia juga telah melakukan dua bai`ah, bai`ah al-Ridwan dan bai`ah al-Fath sedangkan anda wahai Mu`awiyah, di bai`ah pertama kafir sementara di bai`ah kedua anda menarik balik bai`ah anda (*nakithin*).[231]

2. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.`a.w.) telah mengepung Bani Quraidah dan Bani Nadhir kemudian beliau (s.`a.w.) mengutus `Umar b. al-Khattab bersama bendera Muhajirin dan Sa`d b. Mu`adh bersama bendera Ansar. Adapun Sa`d b. Mu`adh pergi ke medan perang dan tercedera. Adapun `Umar telah lari dari medan peperangan. Dia mengatakan bahawa para sahabatnya pengecut tetapi para sahabatnya pula mengatakan dia adalah seorang yang pengecut.[232]

Lantas Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "Besok aku akan memberi bendera kepada seorang lelaki di mana dia mencintai Allah dan Rasul-Nya, Allah dan RasulNya mencintainya terus mara tanpa lari kemudian terus berjuang sehingga Allah memberi kemenangan melaluinya".[233]

Abu Bakr, `Umar serta orang-orang Muhajirin dan Ansar kurang senang mengenainya. `Ali pada masa itu mengidap penyakit mata. Rasul (s.`a.w.) menjemputnya lalu meniupkan di matanya lalu dia pun sembuh.[234] Kemudian beliau memberikan kepadanya satu bendera.[235]

---

[230] Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 200; al-Turmudhi, Abu `Isa Muhammad b. `Isa b. Sawrah, *Sunan al-Turmudhi*, V, hlm. 642; al-Tabari, Abu Ja`far Muhammad b. Jarir, *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, Cairo 1956 M., II, hlm. 310.

[231] *Ibid.*

[232] Al-Bukhari, Abu `Abdullah Muhammad b. Ismail, *Sahih Bukhari*, Cairo 1348 H., III, hlm. 46; Al-Hakim al-Nisaburi, Muhammad b. `Abdullah, *al-Mustadrak `ala al-Sahihain fi al-Hadis*, Cairo, 1969 M., III, hlm. 37; al-Dhahabi, Abu `Abdullah Muhammad b. Ahmad b. `Uthman, *al-Talkhis*, Hyderabad, 1958 M., III, hlm. 37 dan lain-lain.

[233] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, Cairo 1340 H., hlm. 232; Ibn Hajr al-`Asqalani, *Lisan al-Mizan*, VI, hlm. 237; al-Qunduzi al-Hanafi, Sulayman b. Ibrahim, *Yanabi` al-Mawaddah fi Syama`il al-Nabi wa Fada`il Amir al-Mu'minin `Ali*, Iran 1385 H., hlm. 132.

[234] Al-Khawarizmi, *ibid.*, hlm. 148.

[235] Al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi` al-Mawaddah*, hlm. 81

Dia pun pergi berjuang sehingga mendapat kemenangan dengan pertolongan Allah S.W.T Sedangkan anda pada masa itu di Makkah adalah seorang musuh Allah dan Rasul-Nya. Adakah sama di antara lelaki yang mencintai sesuatu kerana Allah dan Rasul-Nya dengan lelaki yang memusuhi Allah dan RasulNya?[236] Aku bersumpah dengan nama Allah bahawa hati anda tidak pernah menerima Islam, tetapi lidah anda takut. Oleh itu anda bercakap apa yang tidak ada di hati anda. Lihat umpamanya hadis Nabi s.`a.w. kepada `Ali A.S: " *Tidak akan mencintai anda melainkan dia seorang mukmin, dan tidak membencikan anda melainkan dia seorang munafik*".[237]

3. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa Rasulullah(s.`a.w.) telah melantiknya (`Ali) di Madinah sebelum peperangan Tabuk tanpa memarahi dan membencinya. Lalu orang-orang munafik bercakap mengenainya.Maka beliau (`Ali) berkata: Janganlah anda meninggalkan aku wahai Rasulullah kerana aku tidak pernah meninggalkan anda di dalam mana-mana peperangan.Lantas Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: Anda adalah wasiku, khalifahku pada keluargaku samalah kedudukan Harun di sisi Musa". Kemudian beliau memegang tangan `Ali A.S seraya bersabda: "Wahai manusia! Siapa yang menjadikan aku wali, maka sesungguhnya dia telah menjadikan Allah wali.Dan siapa yang telah menjadikan `Ali wali maka dia telah menjadikan aku wali.Siapa yang telah mentaati aku,maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah.Dan siapa yang mentaati `Ali maka dia mentaati aku.Dan siapa yang mencintaiku, maka dia mencintai Allah.Dan siapa yang mencintai `Ali, maka dia telah mencintaiku".[238]

4. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.`a.w.) bersabda pada Haji Wida`: " Wahai manusia sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kalian dan kalian tidak akan sesat selepasnya; Kitab Allah dan itrah Ahl l-Baitku. Justeru itu halalkanlah halalnya dan haramkanlah haramnya. Beramallah menurut *muhkam*nya dan berimanlah menurut mutasyabihahnya.

Dan katakanlah: Kami percaya apa yang telah diturunkan Allah (al-Kitab), cintailah Ahl l-Baitku dan itrahku. Hormatilah orang-orang yang mewalikan mereka.Tolonglah mereka bagi menentang musuh-

---

236 Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 200-201.

237 Al-Qunduri al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 112.

238 Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, Cairo 1957 M., I, hlm. 422; al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud b. `Umar, *al-Kasysyaf `an Haqa`iq Ghawamid al-Tanzil wa `Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta`wil*, Cairo t.t., I, hlm. 422; al-Syablanji, Mu`min b. Hasan Mu`min, *Nur al-Absar fi Manaqib al-Bayt al-Nabi al-Mukhtar (s.`a.w.)*, Cairo 1367 H., hlm. 105; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 117.

musuh mereka.Sesungguhnya kedua-duanya akan sentiasa berada pada kalian sehinggalah dikembalikan ke atasku di Haud pada hari kiamat.[239]

Kemudian beliau menjemput 'Ali ketika beliau berdiri di atas mimbar lalu menarik tangannya seraya bersabda: "*Wahai Tuhanku, hormatilah orang yang mewalikannya, musuhilah orang yang menentangnya. Wahai Tuhanku, jangan jadikan di bumi ini tempat duduk penentang-penentang 'Ali, dan di langit tidak ada tempat naik serta jadikanlah mereka di neraka yang terkebawah*".[240]

5. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.'a.w.) bersabda: Andalah orang yang boleh mencebok haudku di hari kiamat. Anda akan membekalkan air daripadanya sebagaimana seorang daripada kamu membekalkan " wanita asing " di tengah untanya".[241]

6. Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah kalian mengetahui bahawa 'Ali telah berjumpanya (s.'a.w.) ketika sakit yang membawa kepada kewafatannya, maka Rasulullah (s.'a.w.) menangis. Lalu 'Ali berkata: Apakah yang membuat anda menangis wahai Rasulullah? Beliau bersabda: "*Apa yang membuatkan aku menangis adalah kerana keilmuanku bahawa hasad dengki masih membara di hati umat ini, tetapi mereka tidak berani melahirkannya sehingga aku wafat*".[242]

7. Aku menyeru kalian dengan nama Allah, adakah kalian mengetahui bahawa Rasulullah (s.'a.w.) ketika hampir wafat, Ahl al-Baitnya berkumpul dan beliau bersabda: "Sesungguhnya Ahl al-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang meninggalkannya tenggelam".[243]

8. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa para sahabat Rasulullah (s.'a.w.) telah menerima wilayah 'Ali pada masa hidup Rasulullah ?[244]

---

[239] Muslim, Abu al-Husayn Muslim b. Hajjaj, *Sahih Muslim*, Cairo, 1311 H., II, hlm. 238; Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, III, hlm. 17, 26, 59; IV, hlm. 367; al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 308.

[240] Ibn Hajr al-'Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad b. 'Ali b. Muhammad b. Muhammad, *Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad 1327 H., XI, hlm.445; al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, Tehran 1404 H., hlm. 116-117.

[241] Al-Khawarizmi, *al-Manaqib*, hlm. 143.

[242] Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 408; al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, Baghdad 1950 M., XII, hlm. 397; al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 273.

[243] Al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 343; al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 27.

[244] Al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 422; al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 105.

9. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya `Ali adalah orang yang pertama mengharamkan segala keinginan duniawi ke atas dirinya, lantas Allah `Azza Wajalla menurunkan ayat Surah al-Maidah 5: 88-89 "*Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu kalian mengharamkan apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah makanan yang halal lagi baik daripada apa yang Allah telah rezekikan kepada kamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepadaNya*".

Di sisinya segala jenis ilmu; ilmu mengenai hukum, kefasihan bercakap, keilmuan yang utuh dan sebab-sebab turunnya al-Qur'an.[245] Beliau adalah di kalangan kumpulan di mana kami tidak mengetahui mereka melengkapi sepuluh orang yang telah diberitahukan Allah bahawa mereka adalah Mukminin.Sedangkan kalian di kalangan kumpulan yang hampir bilangan mereka dilaknati Allah di atas lidah Rasulullah (s.`a.w.).Lantaran itu aku menjadi saksi untuk kalian dan menjadi saksi bagi menentang kalian; sesungguhnya kalian adalah orang-orang yang dilaknati Allah di atas lidah nabi-Nya.[246]

10. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.`a.w.) mengutus kepada anda supaya anda menulis bagi pihaknya kepada Bani Khuzaimah ketika Khalid b. Walid melakukan angkara terhadap mereka, maka utusan itu berpaling kepadanya (Mu`awiyah) lalu berkata: Dia sedang makan. Maka utusan berpaling kepada anda sebanyak tiga kali. Dan setiap kali dia berpaling kepada anda dia berkata: Dia sedang makan.Maka Rasulululllah (s.`a.w.) bersabda: " *Wahai Tuhanku, janganlah Engkau membuat perutnya terasa kenyang.*" Justeru itu sabda itu adalah untuk anda dan makanan anda sehingga hari kiamat.

11. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui: Sesungguhnya apa yang aku perkatakan itu benar. Sesungguhnya wahai Mu`awiyah anda menarik dengan bapa anda di atas seekor unta merah diterajui oleh saudara anda yang duduk.Ini berlaku di hari al-Ahzab. Maka Rasulullah (s.`a.w.) melaknati pemandu, penunggang dan penarik. Bapa anda adalah penunggang, anda penarik dan saudara anda yang duduk adalah pemandu. [247]

---

[245] Abu Nu`aim al-Asfahani, *Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*, Cairo 1956 M., I, hlm. 67; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 208-9.

[246] Al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 89; al-Kanji al-Syafi`i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 172-174.

[247] Ibn al-Athir, `Izz al-Din Abu Hasan `Ali b. Muhammad b. `Abd al-Kasim al-Jazari, *Usd al-Ghabah fi Ma`rifah al-Sahabah*, Baghdad 1349 H., IV, hlm. 385; Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 201.

12. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.`a.w.) telah melaknati Abu Sufyan:
Pertama: Ketika beliau (s.`a.w.) keluar dari Makkah ke Madinah dan Abu Sufyan datang dari Syam.Lantas Abu Sufyan marah lalu mencacinya dan mengancamnya dan berhasrat untuk melakukan kekasaran terhadapnya tetapi Allah memalingkannya dari melaksanakan niat jahatnya.
Kedua: Hari *al-`Air* (keldai) di mana Abu Sufyan mengusirnya supaya ia tidak menjadi benteng kepada Rasulullah (s.`a.w.).
Ketiga: Hari Uhud di mana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: " Allah adalah *maula* kami sedangkan anda tidak mempunyai *maula*." Abu Sufyan berkata: Kami ada al-`Uzza sedangkan kalian tidak mempunyainya. Lantaran itu Allah, para Malaikat-Nya, para Rasul-Nya dan Mukminun melaknatinya.
Keempat: Hari Hunain di mana Abu Sufyan mulai mengumpulkan Quraisy dan Hawazin sementara `Uyainah mengumpulkan Ghatafan dan Yahudi. Lalu Allah menentang mereka dengan kemarahan mereka sendiri sehingga mereka tidak dapat mencapai kemenangan.

Ini adalah firman Allah `Azza Wajalla diturunkan di dalam dua surah kedua-duanya mengenai Abu Sufyan dan para sahabatnya sebagai kafir dan anda wahai Mu`awiyah di hari itu seorang musyrik menurut pendapat bapa anda di Makkah.[248] Sedangkan `Ali di hari itu bersama Rasulullah (s.`a.w.) mematuhi agamanya.Kelima: Firman-Nya Surah al-Fath 48:25"Dan merekalah orang-orang kafir yang menghalang kamu dari Masjid Haram"

Anda, bapa anda dan musyrikin Quraisy menghalang Rasulullah (s.`a.w.).Justeru itu Allah melaknatinya dengan laknat yang meliputinya dan zuriatnya sehingga hari kiamat.[249]
Keenam: Hari al-Ahzab di mana Abu Sufyan mengumpulkan Quraisy sementara `Uyainah b. Hasin b. Badr mengumpulkan Ghatafan. Lantas Rasulullah (s.`a.w.) melaknati pemandu, pengikut dan penarik.

Ditanya Rasulullah: Adakah di kalangan penunggang itu mukmin? Beliau bersabda: Laknat tidak akan mengenakan mukmin dari kalangan penunggang (*al-Atba`*).Tetapi di kalangan pemandu tidak ada seorang pun daripada mereka mukmin, tidak ada seorang pun yang menyahuti seruan dan tidak seorang pun berjaya.
Ketujuh: Hari Thaniyyah, di mana Rasulullah (s.`a.w.) hampir dibunuh oleh dua belas orang lelaki. Tujuh daripada mereka dari Bani Umayyah, lima daripada semua kabilah Quraisy. Justeru itu Allah dan Rasul-Nya

---

[248] Al-Tabari, *Tarikh*, XI, hlm. 357; Nasr b. Mazahim, *Kitab al-Siffin*, Baghdad 1950 M., hlm. 247.
[249] Lihat umpamanya, al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm.91.

melaknati orang-orang yang memasuki al-Thaniyyah selain daripada Nabi (s.'a.w.). [250]

13. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui sesungguhnya Abu Sufyan telah berjumpa dengan 'Uthman ketika dia dibai'ah di Masjid Rasulullah (s.'a.w.), dia berkata: Wahai anak saudaraku! Adakah pengintip ke atas kita sekarang? Dia menjawab: Tidak ada. Maka Abu Sufyan berkata: Pusingkanlah jawatan khalifah wahai pemuda-pemuda Bani Umayyah. Demi orang yang di mana diri Abu Sufyan di tangan-Nya, tidak ada syurga dan neraka?[251]

14. Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah kalian mengetahui bahawa sesungguhnya Abu Sufyan memegang tangan Husain ketika 'Uthman dibai'ah dan berkata:Wahai anak saudaraku, marilah keluar bersama-samaku ke kubur Baqi'.Lalu beliaupun keluar bersamanya sehinggalah sampai di pertengahan kubur, dia menendang kubur itu dan melaung dengan sekuat-kuatnya: Wahai penghuni kubur! Perkara di mana kalian memerangi kami keranangnya sekarang ia berada di tangan kami sedangkan kalian telah menjadi reput. Lantas Husain b. 'Ali A.S berkata: Allah menjadikan uban anda sehodoh-hodohnya dan Dia menjadikan muka anda sehodoh-hodohnya. Kemudian beliau melepaskan tangannya lalu meninggalkannya keseorangan. Sekiranya al-Nu'man b. Basyir tidak memimpin tangannya (Abu Sufyan) dan mengembalikannya ke Madinah, nescaya dia mati di situ.

Ini adalah untuk anda wahai Mu'awiyah. Adakah anda mampu menolak hujah kami dan hujah orang yang anda telah melaknatinya bahawa sesungguhnya bapa anda Abu Sufyan berhasrat untuk menjadi Muslim, tetapi anda telah mengutus kepadanya sebuah bait syair yang menonjolkan kelebihan Quraisy dan lain-lain.Justeru itu anda telah menghalangnya dari menerima Islam dan anda telah menghalangnya.[252]

Di antaranya 'Umar b. al-Khattab telah melantik anda menjadi wali (gabenor) di Syam, tetapi anda mengkhianatinya. Kemudian 'Uthman melantik anda menjadi wali, tetapi anda hanya menunggu saat kehancurannya.Kemudian lebih daripada itu anda beramai-ramai menentang Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya anda telah memerangi 'Ali A.S sedangkan anda telah mengenalinya sebagai orang yang pertama memeluk Islam, kelebihannya, keilmuannya di dalam segala urusan.[253]

---

[250] Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 201-202.

[251] Lihat umpamanya, al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm.91-93; al-Hakim, *al-Mustadrak*, IV, hlm. 480.

[252] Ibn Abi al-Hadid, 'Izz al-Din Abu Hamid 'Abd al-Hamid b. Abi al-Husayn Hibat Allah, *Syarh Nahj al-Balaghah*, Cairo 1959 M., II, hlm. 102.

[253] Al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, hlm. 172-173.

Malah beliau lebih layak daripada anda dan selain daripada anda di sisi Allah dan Rasul-Nya.Anda telah menegahnya dan membuat orang ramai di dalam kesamaran.Anda telah mengalirkan darah makhluk Allah dengan tipudaya dan kelicikan anda. Perbuatan orang yang tidak beriman dengan hari akhirat dan tidak takutkan pembalasan. Malah apabila sampai ajal, anda akan berpindah ke tempat yang paling celaka sedangkan `Ali ke tempat yang paling baik. Dan Allah pasti menunggu anda.[254] Ini adalah khusus untuk anda wahai Mu`awiyah. Adapun keaiban-keaiban anda yang lain aku tidak mahu menyebutkannya kerana aku tidak mahu memanjangkan perkara ini.

Adapun anda wahai `Amru b. `Uthman, jawapanku terhadap anda tidak akan mencapai maksudnya disebabkan kebodohan anda. Sekiranya anda mengikuti perkara-perkara tersebut, anda akan mengetahui bahawa anda sepertilah nyamuk manakala ia berkata kepada lebah: Berpeganglah sekuat-kuatnya kerana aku ingin turun di atas anda. Lalu lebah menjawab: Aku tidak pun menyedari kejatuhan anda di atasku. Bagaimana turunnya anda ke atasku akan menyulitkanku? Demi Allah sesungguhnya aku tidak merasai bahawa anda secara terang memusuhiku sehingga ia menyulitkanku. Dan aku akan memberi jawapan kepada kata-kata anda: Adakah cacian anda terhadap `Ali A.S. akan mengurangkan kemuliaannya atau menjauhkannya daripada Rasulullah (s.`a.w.)? Atau ujiannya itu mencacatkan Islam, atau tidak ada keadilan di dalam hukum? Atau cintakan dunia? Sekiranya anda menjawab salah satu daripada soalan-soalan tersebut, maka sesungguhnya anda telah berbohong.

Adapun kata-kata anda: Sesungguhnya bagi kalian pada kami sembilan belas hutang darah musyrikin Bani Umayyah di dalam peperangan Badr, jawapanku bahawa Allah dan Rasul-Nya telah membunuh mereka semua.

Mudah-mudahan kamu akan membunuh di kalangan Bani Hasyim sembilan belas, dan tiga selepas sembilan belas kemudian dibunuh di kalangan Bani Umayyah sembilan belas. Sembilan belas sekaligus selain apa yang telah dibunuh di kalangan Bani Umayyah di mana bilangan mereka sebenar tidak diketahui melainkan Allah. Sesungguhnya Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "Apabila sampai Bani Umayyah tiga puluh orang lelaki, mereka membahagi-bahagikan harta Allah di kalangan mereka.Mengambil hamba-hamba-Nya sebagai milik, kitab-Nya sebagai lambing semata-mata.Apabila mereka meningkat tiga ratus sepuluh orang, mereka berhak dilaknati.Dan apabila mereka meningkat kepada empat ratus tujuh puluh lima, kebinasaan mereka lebih cepat daripada mengunyah sebiji kurma". Begitu juga Hakam b. Abi al-`As termasuk di dalam firman dan hadis

[254] Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 200.

itu juga. Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: Rendahlah suara kalian kerana Bani Umayyah sedang mendengar.

Hal demikian itu berlaku manakala Rasulullah (s.`a.w.) melhat mereka di dalam mimpinya, begitu juga orang-orang yang memiliki urusan khalifah selepasnya. Ia meresahkan Rasulullah (s.`a.w.).Lalu Allah `Azza Wajalla berfirman maksudnya "*Dan Kami tidak menjadikan mimpi yang telah Kami perlihatkan kepadamu, melainkan sebagai ujian bagi manusia dan (begitu pula) pohon kayu yang terkutuk dalam al-Qur'an*" (Surah al-Isra' 17: 60) iaitu Bani Umayyah. Allah juga berfirman "*Malam al-Qadar (kemuliaan) itu lebih baik dari seribu bulan*" (Surah al-Qadar 97: 3).Aku menjadi saksi untuk kalian dan ke atas kalian bahawa kekuasaan kalian selepas pembunuhan `Ali hanya seribu bulan yang telah ditetapkan oleh Allah `Azza Wajalla di dalam kitab-Nya.

Adapun anda wahai `Amru b. al-`As yang dilaknati Allah, sesungguhnya anda adalah anjing (ganas). Ibu anda adalah perempuan jahat.Anda dilahirkan di atas "hamparan" yang dikongsikan oleh beberapa lelaki Quraisy seperti Abu Sufyan b. al-Harb, al-Walid b. Mughirah, `Uthman b. al-Harth, al-Nadar b. Kaldah dan al-`As b. Wa'il. Setiap mereka menyangka bahawa anda adalah anak lelakinya. Kemudian seorang yang paling jahat daripada mereka mendapat kemenangan di atas anda.[255]

Kemudian anda berkhutbah di dalam keadaan berdiri: Aku membenci Muhammad. Al-`As b. Wa'il berkata: Sesungguhnya Muhammad adalah seorang lelaki yang terputus keturunannya.Sekiranya beliau mati nescaya terputuslah keturunannya. Lantas Allah S.W.T. menurunkan ayat Surah al-Kauthar 108: 3 "*Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus*".

Ibu anda pernah datang menawarkan dirinya kepada Bani `Abd Qais supaya menidurinya *(bughyah)*, dia mendatangi mereka menurut giliran mereka sama ada di dalam perjalanan ataupun di wadi-wadi mereka.Kemudian anda pada setiap tempat dipersaksikan oleh Rasulullah (s.`a.w.) sebagai musuh yang paling kuat menentangnya dan yang paling pembohong. Kemudian anda adalah di antara penumpang-penumpang bahtera; orang-orang yang mendatangi Raja Najjasyi bagi membunuh Ja`far b. Abu Talib dan orang-orang Muhajirin lain memohon perlindungan Raja Najjasyi.Tetapi tipudaya tersebut terserlah dan membuat datuk anda berada di bawah (gagal) dan menghancurkan niat jahatnya serta usaha anda yang sia-sia. Dia telah menjadikan kalimah orang-orang kafir di bawah dan kalimah Allah di atas.[256]

---

255 Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 204-205.

256 Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 186.

Adapun kata-kata anda tentang `Uthman, maka anda yang tidak mempunyai sifat malu dan keagamaan, anda telah menyalakan api ke atasnya.Kemudian anda telah melarikan diri ke Palestin semata-mata kerana menunggu giliran.Manakala berita pembunuhannya sampai, anda telah menawarkan diri anda kepada Mu`awiyah.Lantas anda menjual agama anda kepadanya dengan dunia orang lain wahai si jahat. Kami tidak mencela anda kerana memarahi kami dan kami tidak juga mengkritik anda kerana cintakan kami. Anda adalah musuh Bani Hasyim pada masa Jahiliyah dan Islam.

Sesungguhnya anda telah menghina Rasulullah (s.`a.w.) di dalam tujuh puluh bait syair. Justeru itu Rasulullah (s.`a.w.) bersabda: "Wahai Tuhanku sesungguhnya aku tidak pandai bersyair, lantaran itu aku tidak patut menjawabnya oleh itu wahai Tuhanku laknatilah `Amru b. al-`As pada setiap bait syair seribu laknat".[257]

Kemudian anda wahai `Amru, anda lebih mencintai dunia anda daripada agama anda. Anda telah mengadap Raja Najjasyi dan memberi hadiah kepadanya semasa lawatan anda pada kali pertama dan kedua. Tetapi kesemuanya menemui jalan buntu.Hasrat anda adalah supaya Ja`far dan para sahabatnya dibunuh. Manakala Raja Najjasyi menyalahkan anda mengenainya, lantas anda menghalalkan darah sahabat anda `Ammarah b. al-Walid.[258]

Adapun anda wahai Walid b. `Uqbah, demi Allah, aku tidak mencela anda memarahi `Ali kerana beliau telah menyebat anda lapan puluh kali sebat.[259]

Dan beliau telah membunuh bapa anda tanpa bertarung di hari Badr. Atau bagaimana anda mencacinya sedangkan Allah telah menamakannya mukmin di dalam sepuluh ayat al-Qur'an.Dan Dia telah menamakan anda fasiq sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Sajdah 32: 18 "*Maka apakah orang yang beriman seperti orang yang fasiq? Mereka tidak sama*". Dan firman-Nya dalam Surah al-Hujurat 49: 6 "*Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu*".

Adapun anda dan sebutan anda sebagai Quraisy pada hakikatnya anda bukanlah Quraisy, malah anda adalah anak lelaki kepada seorang yang tidak mengetahui budi bahasa dari keluarga Safuriyah bernama Zakwan.

---

[257] Al-Haithami, Nur al-Din `Ali b. Abi Bakr, *al-Majma` al-Zawa'id*, Tunis 1375 H., VII, hlm. 348-350.

[258] Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 186-187.

[259] Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 408.

Adapun sangkaan anda bahawa kami telah membunuh `Uthman, demi Allah, Talhah, Zubair dan `Aisyah sendiri tidak mampu untuk mengaitkannya dengan `Ali b. Abu Talib.[260]

Bagaimana anda sanggup berkata sedemikian rupa? Sekiranya anda bertanya ibu anda siapakah bapa anda ketika dia meninggalkan Zakwan, lalu dia mengaitkan anda dengan `Uqbah b. Abu Mu`it, nescaya dia merasa angkuh dan bermegah dengan apa yang dia lakukan. Sedangkan Allah telah menyediakan bagi anda, bapa anda dan ibu anda kehinaan dan menanggung malu di dunia dan di akhirat. Allah tidak akan menzalimi hamba-hamba-Nya.[261]

Kemudian anda wahai Walid! Allah lebih besar dari orang yang anda kaitkan namanya. Bagaimana anda mencaci `Ali kerana sekiranya anda bekerja keras nescaya anda dapat mempastikan nasab anda kepada bapa anda yang sebenar dan bukan kepada orang yang dikaitkan namanya dengan anda.Kerana ibu anda sendiri telah mengatakan: Wahai anakku, bapa anda adalah lebih celaka dan jahat daripada `Uqbah.

Adapun anda `Utbah b. Abu Sufyan; Demi Allah anda bukanlah cekap sehingga aku memberi jawapan kepada anda, tidak pula berakal sehingga aku mendera anda, kerana tidak ada di sisi anda kebaikan yang diharapkan sekiranya anda mencaci `Ali, tidak ada keaiban baginya terhadap anda, kerana anda di sisiku tidaklah setanding dengan seorang hamba `Ali b. Abu Talib sehingga aku memberi jawapan kepada anda dan mencela anda, tetapi Allah `Azza Wajalla sedang menunggu anda, bapa anda, ibu anda dan saudara anda. Anda adalah dari zuriat datuk-datuk anda yang disebutkan di dalam al-Qur'an, maka Dia berfirman di dalam Surah al-Ghasyiah 88: 3-5 *"Bekerja keras lagi kepayahan (nasibah), memasuki api yang sangat panas, diberi minum (dengan air) dari sumber yang sangat panas".*

Adapun ancaman anda untuk membunuhku, kenapa anda tidak membunuh orang yang anda mendapatinya di atas hamparan anda bersama isteri anda.Dia telah mengalahkan anda bagi menguasai kemaluannya (farajnya) dan dia berkongsi dengan anda pula bagi mendapatkan anaknya sehingga dia mengaitkan anak lelaki tersebut dengan anda sedangkan ia bukanlah anak lelaki anda. Celakalah anda! Jikalaulah anda bekerja keras bagi membalas dendam terhadapnya adalah lebih wajar kerana ia merupakan suatu kebebasan, kerana anda mengancam untuk membunuhku, tetapi aku tidak mencela anda mencaci `Ali kerana beliau telah membunuh saudara anda secara

260 Ibn Qutaibah, Abu Muhammad `Abdullah b. Muslim, *al-Imamah wa al-Siyasah*, Cairo 1332 H., I, hlm. 84.

261 Al-Haithami, *al-Majma`*, VII, hlm. 247-250.

bertarung. Beliau dan Hamzah b. `Abdu l-Muttalib telah berkongsi di dalam pembunuhan datuk anda, sehingga Allah membakar mereka berdua dengan api neraka dan merasakan mereka berdua dengan azab yang pedih.Dan beliaulah yang mengusir bapa saudara anda sebelah ibu dengan perintah Rasulullah (s.`a.w.).

Adapun harapanku untuk menjadi khalifah, demi Allah sekira-nya aku mengharapkannya adalah kerana aku berhak menuntutnya. Sedangkan anda tidak setanding dengan saudara anda dan tingkah laku bapa anda. Kerana saudara anda lebih kuat menentang Allah S.W.T. dan paling kuat tuntutannya bagi mengalirkan darah Muslimin. Dia juga menuntut apa yang dia tidak layak untuknya dengan menipu orang ramai. Justeru itu Allah memusnahkan.tipu dayanya, dan Allah sebaik-baik orang yang mendedahkan tipu daya mereka.

Adapun kata-kata anda: Sesungguhnya `Ali adalah sejahat jahat Quraisy untuk Quraisy.Demi Allah, beliau tidak hina sehingga memerlukan kasihan belas, dan beliau tidak dibunuh secara zalim.

Adapun anda wahai Mughirah b. Syu`bah! Sesungguhnya anda adalah musuh Allah, meninggalkan kitab-Nya, pembohong terhadap nabi-Nya.[262]

Anda adalah penzina dan wajib dilaksanakan hukum rejam ke atas anda, kerana orang-orang yang adil dan baik menjadi saksi terhadap anda. Tetapi rejam anda ditangguhkan lantas kebenaran ditolak dengan kebatilan dan kebenaran dengan kekerasan.[263]

Justeru itu Allah menyediakan untuk anda azab yang pedih. Kehinaan di dalam kehidupan dunia dan azab di akhirat adalah lebih hina. Andalah orang yang telah memukul Fatimah binti Rasulullah (s.`a.w.) sehingga terkeluar darahnya dan "tergugur" kandungannya kerana anda menghina Rasulullah (s.`a.w.) dan menyalahi perintahnya "mencabuli" kemuliaan anak perempuannya kerana Rasulullah (s.`a.w.) bersabda kepadanya: "Wahai Fatimah! Andalah penghulu wanita syurga".[264]

Dan Allah akan memasukkan anda ke neraka dan anda akan menerima akibat dari kata-kata anda sendiri.Mana satukah di kalangan tiga perkara anda telah mencaci `Ali, adakah kekurangannya pada keturunannya? Atau jauhnya daripada Rasulullah (s.`a.w.)? Atau ia membawa bencana pada Islam atau kezaliman di dalam hukuman,

---

262 Al-Haithami, *al-Majma`*, VII, hlm. 247-250.

263 Ibn Hajr al-`Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad b. `Ali b. Muhammad b. Muhammad, *al-Isabah fi Ma`rifah al-Sahabah*, Baghdad 1345, H., III, hlm. 452; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 407; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal*, III, hlm. 88.

264 Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 293; al-Turmudhi, *Sahih*, VI, hlm. 301.

atau cinta kerana dunia? Sekiranya anda berpendapat sedemikian maka sesungguhnya anda berbohong dan orang ramai akan membohongi anda pula.

Adakah anda menyangka bahawa `Ali A.S. telah membunuh `Uthman secara zalim?! `Ali, demi Allah orang yang paling bertakwa dan orang yang paling bersih daripada orang yang mencelanya mengenai perkara tersebut.Sekiranya `Ali telah membunuh `Uthman secara zalim, demi Allah anda bukanlah ada kaitan dengannya.Di masa hidupnya anda tidak pernah membantunya dan pada masa matinya anda tidak menerima pusaka daripadanya. Anda masih mengelilingi rumah anda mengejar wanita-wanita jahat, anda menghidupkan amalan jahiliyah, anda mematikan Islam sepertilah di masa lalu.

Adapun penentangan anda terhadap Bani Hasyim dan Bani Umayyah adalah dakyah anda untuk Mu`awiyah.Adapun pendapat anda mengenai pemerintahan dan pendapat para sahabat anda tentang kerajaan (*al-Mulk*) yang anda miliki, ia adalah seperti Fir`aun yang telah memerintah Mesir selama empat ratus tahun sedangkan Musa dan Harun adalah nabi yang diutus menghadapi penderitaan. Ia adalah milik Allah. Dia memberikannya kepada orang yang baik dan jahat. Allah berfirman dalam Surah al-Anbiya' 21: 111 "*Dan aku tidak mengetahui boleh jadi hal itu cubaan bagi kamu dan kesenangan sampai kepada suatu waktu sahaja*". Dan firman-Nya dalam Surah al-Isra' 17: 16 "*Dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya*".

Kemudian Hasan pun berdiri dan menyingkatkan kainnya sambil membaca Surah al-Nur 24: 26: " *Wanita-wanita yang keji bagi lelaki yang keji dan lelaki yang keji bagi wanita-wanita yang keji.*" Mereka wahai Mu`awiyah, demi Allah, adalah anda para sahabat anda dan pengikut-pengikut anda (Syi`ah anda).

Dan lelaki yang baik adalah bagi wanita-wanita yang baik. Mereka itulah bersih daripada tuduhan yang dilemparkan ke atas mereka. Bagi mereka pengampunan dan rezeki yang mulia. Mereka adalah `Ali b. Abi Talib A.S, para sahabatnya dan pengikut-pengikutnya (Syi`ahnya).

Kemudian beliau keluar sambil berkata kepada Mu`awiyah: Rasailah akibat apa yang telah dilakukan oleh tangan anda. Sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi anda dan mereka kehinaan di dalam kehidupan dunia dan azab yang pedih di akhirat.

Mu`awiyah berkata kepada para sahabatnya:Rasailah kalian akibat apa yang anda telah lakukannya. Al-Walid b. `Uqbah berkata:Demi Allah, kami tidak merasai melainkan sebagaimana anda merasainya dan kami tidak berani melainkan menentang anda.

Mu'awiyah berkata: Tidakkah aku telah berkata kepada kalian sesungguhnya kalian tidak akan dapat menghina lelaki itu (Hasan). Sekiranya kalian mentaatiku semenjak awal lagi, nescaya kalian beroleh kemenangan menentang lelaki ini apabila beliau mendedahkan keburukan kalian. Demi Allah, beliau tidak berdiri sehingga beliau menyeksaku seisi rumah. Dan aku bercita-cita untuk menyerangnya. Lantaran itu tidak ada kebaikan di hari ini dan selepasnya.[265]

Dia berkata: Marwan b. Hakam mendengar tentang perjumpaan Mu'awiyah dan para sahabatnya dengan Hasan b. 'Ali A.S.Lalu dia datang berjumpa dengan mereka di sisi Mu'awiyah dan bertanya mereka. Apakah (benar) apa yang telah sampai kepadaku tentang Hasan dan kemarahannya?

Dia menjawab: Beliau (Hassan) memanglah begitu. Marwan berkata kepada mereka: Kenapa kalian tidak menjemputku bersama? Demi Allah, aku akan mencacinya, aku akan mencaci bapanya, Ahl al-Baitnya dengan cacian sehingga hamba-hamba lelaki dan perempuan aku berpesta dengan penuh kegembiraan.

Hasan berkata: Adapun anda wahai Marwan[266], bukan aku yang mencaci anda dan bapa anda, tetapi Allah 'Azza mWajalla telah melaknati anda, bapa anda, keluarga anda, zuriat anda dan zuriat yang keluar dari keturunan bapa anda sehingga hari kiamat di atas lidah Nabi-Nya Muhammad.Demi Allah, wahai Marwan, anda tidak akan mengingkarinya, begitu juga orang yang datang di dalam majlis ini kerana laknat ini adalah daripada Rasulullah (s.'a.w.) untuk anda dan bapa anda sebelum anda.[267] Allah tidak akan menambahkan kepada anda apa yang menakutkan anda melainkan kezaliman yang besar. Memang benar Allah dan rasul-Nya dan Dia berfirman dalam Surah al-Isra' 17: 60 "*Dan pohon kayu yang terkutuk dalam al-Qur'an, dan Kami menakuti mereka tetapi yang demikian itu hanyalah menambah besar kedurhakaan mereka*".

Anda Wahai Marwan dan zuriat anda merupakan pohon yang dilaknati Allah di dalam al-Qur'an.Demikian itu adalah daripada Rasulullah (s.'a.w.) daripada Jibra'il daripada Allah 'Azza Wajalla.[268] Mu'awiyah melompat, lalu meletakkan tangannya di mulut Hasan seraya berkata:Wahai Abu Muhammad! Aku bukanlah jahat dan ganas.Lalu Hasan A.S membersihkan kainnya, kemudian beliau berdiri

---

[265] Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 200.

[266] Kedatangan Marwan di rumah Mu'awiyah agak terlewat

[267] Al-Tabari, *Tafsir*, Cairo 1952 M., XXX, hlm. 167; al-Hakim, *al-Mustadrak*, III, hlm. 170; Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 209.

[268] Al-Turmudhi, *Sahih*, II, hlm. 120; al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, I, hlm. 252; Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 209.

dan keluar. Mereka juga keluar dari majlis itu dengan kemarahan dan dukacita serta dengan muka hitam di dunia dan akhirat.

Sebenarnya tuntutan Hasan b. `Ali A.S terhadap *Imamah* atau *Khilafah* adalah berdasarkan nas daripada datuknya Rasulullah (s.`a.w.) Beliau begitu yakin bahawa hak *Imamah* atau *Khilafah* selepas Rasulullah (s.`a.w.) adalah hak `Ali dan kemudian haknya dan seterusnya. Apatah lagi Mu`awiyah b. Abu Sufyan telah menentang bapanya `Ali A.S sebagai imam atau khalifah di masa itu secara kekerasan.

Beberapa bulan selepas kewafatan bapanya, beliau telah mengambil alih jawatan khalifah, kemudian beliau pula terpaksa berdamai dengan Mu`awiyah.Perdamaian beliau dengan Mu`awiyah telah ditentang oleh kebanyakan Syi`ahnya sendiri.Namun begitu beliau terpaksa melakukannya demi menjaga dirinya, Ahl al-Baitnya dan Syi`ahnya. Beliau berkata: Demi Allah sekiranya perdamaianku dengan Mu`awiyah berlaku, nescaya aku dapat menjaga darahku dan menyelamatkan keluargaku, maka ia adalah lebih baik daripada mereka membunuhku. Lantaran itu keluargaku akan dibunuh.Demi Allah sekiranya aku memerangi Mu`awiyah, nescaya mereka memotong tengkukku dan membawanya kepada Mu`awiyah. Demi Allah sekiranya aku berdamai dengannya dalam keadaan aku mulia lebih baik dari dia membunuhku dalam keadaan aku menjadi tawanan.[269]

Kemudian Hasan terus mempertahankan tindakannya, beliau berkata: Demi Allah, aku tidak menyerahkan jawatan khalifah kepadanya melainkan selepas aku dapati tiada pembantu untukku. Sekiranya aku mendapati pembantu-pembantu,nescaya aku memeranginya malam dan siang sehingga Allah menghukum di antara aku dan dia, tetapi aku mengetahui sikap penduduk-penduduk Kufah dan ujian mereka. Orang yang fasiq tidak sesuai untukku kerana mereka tidak mempunyai kesetiaan, tidak ada tanggungjawab sama ada dari segi kata-kata dan perbuatan.Mereka berselisih di kalangan mereka dan berkata: Sesungguhnya hati kami bersama anda, tetapi pedang-pedang mereka ditujukan kepada kami.[270]

Ulasan

Oleh itu perdamaian yang dilakukan oleh Hasan adalah kerana terpaksa, tanpa pembantu-pembantu.Walau bagaimanapun beliau tidak berpuas hati terhadap sikap penduduk Kufah yang pengecut untuk berjuang bersamanya menentang Mu`awiyah.

---

269 Al-`Allamah al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, II, hlm. 290.

270 *Ibid.*, hlm. 291.

Walau bagaimanapun caci mencaci secara serius telah berlaku di antara Hasan dan Mu`awiyah serta rakan-rakannya tentang *Imamah* atau *Khilafah*. Mu`awiyah bukan sahaja mencaci Hasan malah dia mencaci `Ali b. Abi Talib dengan cacian yang melulu dan penuh dengan fitnah. Hasan menjawabnya dengan hujah yang mantap sehingga dapat menundukkan mereka semua, kerana jawapan Hasan kepada mereka bukanlah merupakan cacian atau cercaan kerana ia adalah suatu hakikat yang sukar ditolak di mana mereka sendiri mengakuinya.Lantaran itu ia patut dibezakan di antara mencaci, mencerca, mencela dan menerangkan hakikat sesuatu. Apatah lagi jika ia berdasarkan kepada nas.`Ali berkata: Jika seseorang itu memberitahu hal atau keadaan seseorang tertentu menyalahi nas al-Qur'an dan Sunnah Nabi (s.`a.w.) adalah lebih wajar dan tidak boleh dikatakan pencaci.[271]

Walau bagaimanapun Mu`awiyah dan pemerintah Bani Umayyah selepasnya terus mencaci `Ali di atas mimbar masjid selama 70 tahun. Hanya semasa pemerintahan `Umar b. `Abd al-`Aziz ia dihentikan.[272] Kemudian ia diteruskan kembali oleh pemerintah Bani Umayyah yang lain.

Kesimpulan

Hasan b. `Ali percaya bahawa hak *Imamah* atau *Khilafah* selepas datuknya Rasulullah (s.`a.w.) adalah hak Ahl al-Bait Rasulullah (s.`a.w.).Orang lain adalah tidak layak untuk memegang jawatan tersebut berdasarkan nas dan akal. Walau bagaimanapun beliau akhirnya terpaksa menyerahkan jawatan khalifah kepada Mu`awiyah dengan syarat-syarat tertentu demi untuk menjaga dirinya, keluarganya dan Syi`ahnya.

---

271 Syarif al-Radhi, Abu Hasan Muhammad b. al-Hasan al-Musawi, *Nahj al-Balaghah*, Baghdad 1364 H., hlm. 323.

272 Al-Suyuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman b. Abu Bakr, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo 1963 M., hlm. 243.

LAMPIRAN A

KEKAFIRAN MAJORITI PARA SAHABAT MENURUT CATATAN AL-BUKHARI DAN MUSLIM

Pengenalan.

I

Perkataan "kekafiran" adalah pecahan daripada perkataan "kafir". Menurut Kamus Dewan, perkataan "kekafiran" memberi pengertian sifat-sifat kafir.Dan kafir adalah orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya Sementara perkataan "mengkafir atau mengafir" bererti menganggap kafir atau mengatakan kafir (*Kamus Dewan*, Kuala Lumpur,1991, hlm.514).Perkataan "murtad" bererti seorang keluar daripada agamanya ,tidak setia kepada agamanya (*Kamus Dewan*, Kuala Lumpur,1991, hlm.846) Justeru itu orang Muslim yang menjadi kafir atau murtad adalah orang yang keluar agama Islam.

Kajian mengenai para sahabat yang telah menjadi kafir-murtad selepas kewafatan Nabi (Saw.) amat mencemaskan,tetapi ianya suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapapun kerana ia telah dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih-Sahih* mereka di mana kedua dua kitab tersebut dinilai sebagai kitab yang paling Sahih selepas al-Qur'an oleh Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah sendiri. Di samping itu ia juga telah dicatat oleh pengumpul-pengumpul Hadis daripada mazhab Ahlu l-Bait (a.s) di dalam buku-buku mereka.

Amatlah dikesali bahawa kaum Wahabi yang menyamar sebagai Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah sentiasa menyamarakkan sentiment anti Syi'ah dengan slogan"Syi'ah mengafirkan para sahabat" bagi mendapatkan sokongan orang ramai kepada gerakan mereka.Walau bagaimanapun rencana rengkas ini sekadar mendedahkan hakikat sebenar bagi menjawab tuduhan tersebut,dan tidak sekali-kali bertujuan meresahkan kaum Muslimin di rantau ini.

Sekiranya al-Bukhari dan Muslim telah mencatat kekafiran majoriti para sahabat selepas kewafatan Nabi (Saw.) di dalam Sahih-Sahih mereka,kenapa kita menolaknya dan melimparkan kemarahan kepada orang lain pula?Dan jika mereka berdua berbohong, merekalah yang berdosa dan dipertanggongjawabkan di hadapan Allah (swt)Dan jika kita Ahlu s-Sunnah Nabi(Saw.), nescaya kita menerimanya.Jika tidak,kitalah Ahli anti Sunnah atau Hadis Nabi (Saw.)

Definisi sahabat

Berbagai pendapat mengenai definisi sahabat telah dikemukakan. Ada pendapat yang mengatakan: "Sesiapa yang bersahabat dengan Nabi (Saw.) atau melihatnya daripada orang-orang Islam, maka ia adalah daripada para sahabatnya." Definisi inilah yang dipegang oleh al-

Bukhari di dalam *Sahih*nya(al-Bukhari, *Sahih*, v , hlm.1). Sementara gurunya Ali bin al-Madini berpendapat: Sesiapa yang bersahabat dengan Nabi (Saw.) atau melihatnya, sekalipun satu jam di siang hari, adalah sahabatnya(Ibid). Manakala al-Zain al-Iraqi berkata: "Sahabat adalah sesiapa yang berjumpa dengan Nabi sebagai seorang Muslim, kemudian mati di dalam Islam." Said bin Musayyab berpendapat: "Sesiapa yang tinggal bersama Nabi selama satu tahun atau berperang bersamanya satu peperangan." Pendapat ini tidak boleh dilaksanakan kerana ianya mengeluarkan sahabat-sahabat yang tinggal kurang daripada satu tahun bersama Nabi (Saw.) dan sahabat-sahabat yang tidak ikut berperang bersamanya.Ibn Hajar berkata:"Definisi tersebut tidak boleh diterima(Ibn Hajr, *Fath al-Bari*, viii, hlm.1)Ibn al-Hajib menceritakan pendapat 'Umru bin Yahya yang mensyaratkan seorang itu tinggal bersama Nabi (Saw.)dalam masa yang lama dan "mengambil (hadis) daripadanya(*Syarh al-Fiqh al-*'Iraqi,hlm.4-3) Ada juga pendapat yang mengatakan:"Sahabat adalah orang Muslim yang melihat Nabi (Saw.) dalam masa yang pendek(Ibid).

Kedudukan para sahabat

Kedudukan para sahabat di bahagikan kepada tiga:

1.Sahabat semuanya adil dan mereka adalah para mujtahid.Ini adalah pendapat Ahlu s- Sunnah wa l-Jama'ah.2.Sahabat seperti orang lain, ada yang adil dan ada yang *fasiq* kerana mereka dinilai berdasarkan perbuatan mereka.Justeru itu yang baik diberi ganjaran kerana kebaikannya.Sebaliknya yang jahat dibalas dengan kejahatannya. Ini adalah pendapat mazhab Ahlu l-Bait Rasulullah(Saw.)/Syi'ah/Imam Dua belas.3.Semua sahabat adalah kafir-semuga dijauhi Allah-Ini adalah pendapat Khawarij yang terkeluar daripada Islam.

II

Dikemukan dibawah ini lima hadis daripada Sahih al-Bukhari (Al-Bukhari, Sahih, (Arabic-English), by Dr.Muhammad Muhammad Muhsin Khan, Islamic University, Medina al-Munawwara, Kazi Publications, Chicago, USA1987, jilid viii, hlm.378-384(Kitab ar-Riqaq,bab fi l-Haudh)dan enam hadis dari Sahih Muslim (Muslim,Sahih,diedit oleh Muhammad Fuad 'Abdu l-Baqi, Cairo,1339H, jilid iv, hlm.1793-1800 (Kitab al-Fadha'il bab Ithbat Haudhi n-Nabi (Saw.) yang berkaitan dengan topik kajian:

Terjemahan hadis-hadis dari *Sahih al-Bukhari*

1.Hadis no.578.Daripada Abdullah bahawa Nabi(Saw.) bersabda:Aku akan mendahului kamu di Haudh dan sebahagian daripada kamu akan

dibawa di hadapanku.Kemudian mereka akan dipisahkan jauh daripadaku.Aku akan bersabda: wahai Tuhanku! Mereka itu adalah para sahabatku(ashabi).Maka dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka)

2.Hadis no.584.Daripada Anas daripada Nabi (Saw.) bersabda: *Sebahagian daripada sahabatku akan datang kepadaku di Haudh (Sungai/Kolam Susu) sehingga aku mengenali mereka,lantas mereka dibawa jauh daripadaku.Kemudian aku akan bersabda:Para sahabatku(ashabi)! Maka dia(Malaikat) berkata: Anda tidak mengetahui apa yang lakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la adri ma ahdathu ba'da-ka)*

3.Hadis no.585.Abu Hazim daripada Sahl bin Sa'd daripada Nabi (Saw.) Nabi (Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh.Dan siapa yang akan melaluinya akan miminumnya.Dan siapa yang meminumnya tidak akan dahaga selama-lamanya.Akan datang kepadaku beberapa orang yang aku kenali,dan mereka juga mengenaliku.Kemudian dihalang di antaraku dan mereka.*Abu Hazim berkata : Nu'man bin Abi 'iyasy berkata selepas mendengarku: Adakah anda telah mendengar sedemikian daripada Sahl? Aku menjawab:Ya.Aku naik saksi bahawa aku telah mendengar Abu Sa 'id al-Khudri berkata perkara yang sama,malah dia menambah:Nabi (Saw.) bersabda:*Aku akan bersabda: mereka itu adalah daripadaku(ashabi).Maka dijawab: "Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka Aku akan bersabda:Terjauh!Terjauh! (daripada rahmat Allah) mereka yang telah mengubah (hukum Allah dan Sunnahku)selepasku (suhqan suhqan li-man gayyara ba'di)"*

Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah (Saw.) bersabda: *Sekumpulan daripada para sahabatku akan datang kepadaku di Hari Kiamat.kemudian mereka akan diusir jauh dari Haudh.Maka aku akan bersabda:Wahai Tuhanku! mereka itu adalah para sahabatku (ashabi).Dijawab:Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang mereka lakukan selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la 'ilma la-ka bima ahdathu ba'da-ka)Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad kebelakang (irtaddu 'ala a'qabi-bi-himu l-Qahqariyy)*

4.Hadis no.586.Daripada Ibn Musayyab bahawa Nabi (Saw.) bersabda: *Sebahagian daripada para sahabatku akan mendatangiku di Haudh, dan mereka akan dipisahkan dari Haudh.Maka aku berkata:Wahai Tuhanku! Mereka adalah para sahabatku(ashabi),maka akan dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka.Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad ke belakang selepas anda meninggalkan mereka (inna-hum irtaddu ba 'da-ka 'ala Adbari-ka l-Qahqariyy)*

5.Hadis no.587. Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi (Saw.)bersabda: *Manakala aku sedang tidur,tiba-tiba sekumpulan (para sahabatku) datang kepadaku.Apabila aku mengenali mereka,tiba-tiba seorang lelaki(Malaikat) keluar di antara aku dan mereka. Dia berkata kepada mereka :Datang kemari.Aku bertanya kepadanya:Ke mana? Dia menjawab:Ke Neraka,demi Allah.Aku pun bertanya lagi:Apakah kesalahan mereka?Dia menjawab:Mereka telah menjadi kafir-murtad selepas kamu meninggalkan mereka(inna-hum irtaddu ba'da-ka 'ala Adbari-himi l-Qahqariyy).Justeru itu aku tidak melihat mereka terselamat melainkan (beberapa orang sahaja) sepertilah unta yang tersesat/terbiar daripada pengembalanya(fala ara-hu yakhlusu min-hum illa mithlu hamali n-Na' am).*

Terjemahan hadis-hadis dari *Sahih Muslim*

1.Hadis no.26.(2290)Daripada Abi Hazim berkata: Aku telah mendengar Sahlan berkata:Aku telah mendengar Nabi (Saw.) bersabda:*Aku akan mendahului kamu di Haudh.Siapa yang melaluinya, dia akan* meminumnya.*Dan siapa yang meminumnya,dia tidak akan dahaga selama-lamanya.Akan datang kepadaku beberapa orang yang aku mengenali mereka dan mereka mengenaliku(para sahabatku).Kemudian dipisahkan di antaraku dan mereka.*Abu Hazim berkata:Nu'man bin Abi 'Iyasy telah mendengarnya dan aku telah memberitahukan mereka tentang Hadis ini.Maka dia berkata:Adakah anda telah mendengar Sahlan berkata sedemikian?Dia berkata:Ya.
(2291)Dia berkata:Aku naik saksi bahawa aku telah mendengar Abu Sa'id al-Khudri menambah:Dia berkata:*Sesungguhnya mereka itu adalah daripadaku (inna-hum min-ni).Dan dijawab:Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka).Maka aku(Nabi (Saw.) bersabda:Terjauh!Terjauh(daripada rahmat) mereka yang telah mengubah(hukum Tuhanku dan Sunnahku)selepasku (Suhqan suhqan li-man baddala ba'di)*
2.Hadis no.27(2293)Dia berkata:Asma' binti Abu Bakr berkata:Rasulullah (Saw.) bersabda:*Sesungguhnya aku akan berada di Haudh sehingga aku melihat mereka yang datang kepadaku dikalangan kamu (man yaridu 'alayya min-kum).Dan mereka akan ditarik dengan pantas (daripadaku), maka aku akan bersabda:Wahai Tuhanku!Mereka itu daripada(para sahabat)ku dan daripada umatku. Dijawab:Tidakkah anda merasai atau menyedari apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (amma sya'arta ma 'amilu ba'da-ka)?Demi Allah, mereka sentiasa mengundur ke belakang (kembali kepada kekafiran) selepas anda meninggalkan mereka(Wa Llahi!Ma barihu ba'da-ka yarji'un 'ala a'qabi-him)* Dia berkata: Ibn Abi Mulaikah berkata"

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kami memohon perlindungan daripadaMu supaya kami tidak mengundur ke belakang (kembali kepada kekafiran) atau kami difitnahkan tentang agama kami"

3.Hadis no.28.(2294) Daripada 'Aisyah berkata:Aku telah mendengar Nabi (Saw.) bersabda ketika beliau berada di kalangan para sahabatnya(*ashabi-hi*):*Aku akan menunggu mereka di kalangan kamu yang akan datang kepadaku. Demi Allah! Mereka akan ditarik dengan pantas dariku.Maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku! Mereka adalah daripada(para sahabat)ku dan daripada umatku Dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma 'amilu ba'da-ka).Mereka sentiasa mengundur ke belakang(kembali kepada kekafiran)(Ma zalu yarji'un 'ala a'qabi-him)*

4.Hadis no.29(2295)Daripada Abdullah bin Rafi'; Maula Ummi Salmah;isteri Nabi (Saw.)Rasulullah (Saw.) bersabda:*Sesungguhnya aku akan mendahului kamu di Haudh. Tidak seorang daripada kamu(para sahabatku) akan datang kepadaku sehingga dia akan dihalau/diusir daripadaku(fa-yudhabbu 'anni) sebagaimana dihalau/diusir unta yang tersesat (ka-ma yudhabbu l-Ba'iru dh-Dhallu).Aku akan bersabda:apakah salahnya? Dijawab:Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka (inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka)Maka aku bersabda:Terjauhdaripada daripada rahmat (suhqan).*

5.Hadis no.32(2297)Daripada Abdillah, Rasulullah (Saw.) bersabda: *Aku akan mendahului kamu di Haudh.Dan akau akan bertelagah dengan mereka(aqwaman).Kemudian aku akan menguasai mereka.Maka aku bersabda:Wahai Tuhanku! Mereka itu adalah para sahabatku.Mereka itu adalah para sahabatku (Ya Rabb! Ashabi,ashabi).Lantas dijawab: Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka)*

6.Hadis no.40.(2304)Daripada Anas bin Malik bahawa Nabi (Saw.) bersabda:*Akan datang kepadaku di Haudh beberapa lelaki (rijalun) daripada mereka yang telah bersahabat denganku (mimman sahabani) sehingga aku melihat mereka diangkat kepadaku.Kemudian mereka dipisahkan daripadaku.Maka aku akan bersabda: Wahai Tuhanku!Mereka adalah para sahabatku.Mereka adalah para sahabatku(Usaihabi)Akan dijawab kepadaku:Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka(inna-ka la tadri ma ahdathu ba'da-ka).*

Perkataan-perkataan yang penting di dalam hadis-hadis tersebut.

Daripada hadis-hadis di atas kita dapati al-Bukhari telah menyebut perkataan:

a. *Ashabi* (para sahabatku) secara literal sebanyak empat kali
b.*Inna-ka la tadri/la 'ilma la-ka ma ahdathu ba'da-ka* (Sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan(ahdathu) oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) sebanyak tiga kali.Perkataan ahdathu bererti mereka telah melakukan bid'ah-bid'ah atau innovasi yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah nabi (Saw.).
c.*Inna-hum Irtaddu*(Sesungguhnya mereka telah menjadi kafir-murtad) sebanyak empat kali.
d.*Suhqan suhqan li-man gyayara ba'di* (Terjauh terjauhlah (daripada rahmat)mereka yang telah mengubah/menukar-hukum Tuhanku dan Sunnahku- selepasku) satu kali.perkataan "Ghayyara" bererti mengubah atau menukar hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya.
e. *Fala arahu yakhlusu minhum mithlu hamalu n-Na'am*(Aku tidak fikir mereka terselamat melainkan(beberapa orang sahaja) sepertilah unta yang tersesat atau terbiar daripada pengembalanya) satu kali, Sementara Muslim telah menyebut perkataan:

a.*Ashabi*(para sahabatku) secara literal satu kali.
b.*Ashabi-hi* (para sahabatnya) satu kali,
c. *Sahaba-ni* (bersahabat denganku) satu kali
d.*Usaihabi* (para sahabatku) dua kali.
e.*Innaka la tadri ma ahdathu ba'da-ka* (sesungguhnya anda tidak mengetahui apa yang dilakukan(ahdathu) oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) tiga kali.
f.*Inna-ka la tadri/ sya'arta ma 'amilu ba'da-ka* (Sesungguhnya anda tidak mengetahui/menyedari apa yang dilakukan(ma 'amilu) oleh mereka selepas anda meninggalkan mereka) tiga kali .Perkataan "Ma 'amilu"(Apa yang dilakukan oleh mereka) adalah amalan-amalan yang menyalahi hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya..
g.*Ma barihu/Ma zalu Yarji'un 'ala a'qabi-him*((mereka sentiasa kembali kepada kekafiran) dua kali
h.*Suhqan suhqan li-man baddala ba'di* (Terjauh terjauhlah (daripada rahmat) mereka yang telah mengganti atau mengubah atau menukar-hukum Tuhanku dan Sunnahku-selepasku) satu kali.Perkataan "Baddala" bererti mengganti atau mengubah atau menukar hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya.
Justeru itu sebab-sebab mereka menjadi kafir-murtad menurut al-Bukhari dan Muslim adalah kerana mereka:
(1) *Ahdathu=Irtaddu atau yarji'un 'ala a'qabi-him*
(2) 'Amilu =Irtaddu atau yarji'un 'ala a'qabi-him
(3)Ghayyaru=Irtaddu atau yarji'un 'ala a'qabi-him
(4)Baddalu=Irtaddu atau yarji'un 'ala a'qabi-him

Ini bererti mereka yang telah mengubah hukum-Nya dan Sunnah Nabi-Nya dilaknati(*mal'unin*). Lantaran itu sebarang justifikasi (*tabrirat*)

seperti *Maslahah, Masalihu l-Mursalah, Saddu dh-Dhara'i',Maqasidu sy-Syari'ah'*, dan sebagainya bagi mengubah atau menukar atau menangguh atau membatalkan sebahagian hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya adalah bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi (Saw.).Jika mereka terus melakukan sedemikian, maka mereka bukanlah Ahlu s-Sunnah Nabi (Saw.), malah mereka adalah Ahli anti Sunnah nabi (Saw.)

Sebab utama yang membawa mereka menjadi kafir-murtad(*Irtaddu atau La yazalun yarji'un 'ala a'qabi-him*)di dalan hadis-hadis tersebut adalah kerana mereka telah mengubah hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya(*baddalu wa ghayyaru*) dengan melakukan berbagai bid'ah(ahdathu) dan amalan-amalan('amilu) yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Nabi (Saw.)Perkara yang sama akan berlaku kepada kita di abad ini jika kita melakukan perkara yang sama.Menurut al-Bukhari dan Muslim,hanya sebilangan kecil daripada mereka terselamat seperti bilangan unta yang tersesat atau terbiar (*mathalu hamali n-Na'am*)

Justeru itu konsep keadilan semua para sahabat yang diciptakan oleh Abu l-Hasan al-Asy 'ari(al-Asy'ari,*al-Ibanah*, cairo,1958, hlm.12) dan dijadikan akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah dalah bertentangan dengan hadis-hadis tersebut.Dan kekafiran majoriti para sahabat selepas kewafatan Nabi (Saw.) yang dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih-sahih* mereka-hanya sebilangan kecil terselamat-amatlah memilukan.

Walaubagaimanapun ianya bertepatan dengan firma-Nya di dalam Surah al-Saba'(34):131 *"Dan sedikit daripada hamba-hambaKu yang bersyukur"*, firman-Nya di dalam Surah Yusuf (12):103 *"Dan kebanyakan manusia bukanlah orang-orang yang beriman,meskipun engkau harapkan"*,dan firman-Nya di dalam Surah Sad (38):24 *"Melainkan orang-orang yang beriman,dan beramal salih,tetapi sedikit(bilangan) mereka"* Dia berfirman kepada Nuh di dalam Surah hud(11):40 *" Dan tiadalah beriman bersamanya melainkan sedikit sahaja."* Justeru itu Mukminun adalah sedikit.Justeru itu tidak hairanlah jika di kalangan Para sahabat ada yang telah mengubah Sunnah Nabi (Saw.), tidak meredhai keputusan yang dibuat oleh Nabi (Saw.) Malah mereka menuduh beliau melakukannya kerana kepentingan diri sendiri dan bukan kerana Allah (swt).

Al-Bukhari di dalam *Sahih*nya, Jilid IV, hlm. 47 bab al-Sabr 'Ala al-Adha meriwayatkan bahawa al-A'masy telah memberitahukan kami bahawa dia berkata:"Aku mendengar Syaqiq berkata: "Abdullah berkata:Suatu hari Nabi (Saw.) telah membahagikan-bahagikan sesuatu kepada para sahabatnya sebagaimana biasa dilakukannya. Tiba-tiba seorang Ansar mengkritiknya seraya berkata: "Sesungguhnya pembahagian ini bukanlah kerana Allah (swt). Akupun berkata kepadanya bahawa aku akan memberitahukan Nabi (Saw.) mengenai

kata-katanya. Akupun mendatangi beliau ketika itu beliau berada bersama para sahabatnya. Lalu aku memberitahukan beliau apa yang berlaku. Tiba-tiba mukanya berubah dan menjadi marah sehingga aku menyesal memberitahukannya. Kemudian beliau bersabda:"*Musa disakiti lebih dari itu tetapi beliau bersabar.*"

Perhatikanlah bagaimana perlakuan(ma 'amilu) sahabat terhadap Nabi (Saw.)! Tidakkah apa yang diucapkan oleh Nabi (Saw.) itu adalah wahyu? Tidakkah keputusan Nabi (Saw.) itu harus ditaati?Tetapi mereka tidak mentaatinya kerana mereka tidak mempercayai kemaksuman Nabi (Saw.).

Al-Bukhari di dalam *Sahihnya,* Jilid IV, *Kitab al-Adab bab Man lam yuwajih al-Nas bi l-'Itab* berkata:"Aisyah berkata:Nabi (Saw.) pernah melakukan sesuatu kemudian membenarkan para sahabat untuk melakukannya. Tetapi sebahagian para sahabat tidak melakukannya. Kemudian berita ini sampai kepáda Nabi (Saw.), maka beliau memberi khutbah memuji Allah kemudian bersabda:"Kenapa mereka menjauhi dari melakukannya perkara yang aku melakukannnya. Demi Allah, sesungguhnya aku lebih mengetahui dari mereka tentang Allah dan lebih takut kepadaNya dari mereka."

Al-Bukhari juga di dalam *Sahihnya* Jilid IV, hlm. 49 *bab al-Tabassum wa al-Dhahak* (senyum dan ketawa) meriwayatkan bahawa Anas bin Malik telah memberitahukan kami bahawa dia berkata:"Aku berjalan bersama Rāsulullah (Saw.) di waktu itu beliau memakai burdah (pakaian) Najrani yang tebal. Tiba-tiba datang seorang Badwi lalu menarik pakaian Nabi (Saw.) dengan kuat." Anas berkata:"Aku melihat kulit leher Nabi (Saw.) menjadi lebam akibat tarikan kuat yang dilakukan oleh Badwi tersebut. Kemudian dia (Badwi) berkata:Wahai Muhammad! Berikan kepadaku sebahagian dari harta Allah yang berada di sisi anda. Maka Nabi (Saw.) berpaling kepadanya dan ketawa lalu menyuruh sahabatnya supaya memberikan kepadanya."

Di kalangan mereka ada yang telah menghina Nabi (Saw.)dan mempersendakan Nabi (Saw.) dengan mengatakan bahawa Nabi (Saw.) "Sedang meracau" di hadapan Nabi (Saw.)" Kitab Allah adalah cukup dan kami tidak perlu kepada Sunnah Nabi (Saw.)" .(al-Bukhari, *Sahih,* I, hlm. 36; Muslim, *Sahih,* III, hlm. 69) "Sunnah Nabi (Saw.) mendatangkan perselisihan dan pertengkaran kepada Umat [Al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz,* I , hlm.3]" " Mereka telah mengepung dan membakar rumah anak perempuan Nabi (Saw.)Fatimah (a.s) dan berkata: "Aku akan membakar kalian sehingga kalian keluar untuk memberi bai'ah kepada Abu Bakar."[Al-Tabari, *Tarikh,* III, hlm. 198; Abu-l-Fida",*Tarikh,* I, hlm. 156] merampas Fadak daripada Fatimah (a.s) yang telah diberikan kepadanya oleh Nabi (Saw.) semasa hidupnya(Lihat Ahmad bin Tahir al-Baghdadi, *Balaghah al-Nisa',* II ,hlm.14;Umar Ridha Kahalah, *A'lam al-Nisa',* III, hlm.208; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah,* IV,

hlm.79,92),menyakiti hati Fatimah, Ali, al-Hasan dan al-Husain,kerana Rasulullah (Saw.) bersabda "Siapa menyakiti Fatimah, dia menyakitiku, dan siapa menyakitiku ,dia menyakiti Allah" "Siapa menyakiti Ali, sesungguhnya dia menyakitiku,dan siapa yang menyakitiku, dia menyakiti Allah" "al-Hasan dan al-Husain kedua-dua mereka adalah pemuda Syurga" (al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.129-131 dan lain-lain).

Mereka telah membakar Sunnah Nabi (Saw.) (Ibn Sa'd, *Tabaqat*, V , hlm. 140), " menghalang orang ramai dari meriwayatkan Sunnah Nabi (Saw.) " [al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*,I,hlm. 7], mengesyaki Nabi (Saw.) sama ada berada di atas kebenaran. atau kebatilan [Muslim, *Sahih*,IV, hlm.12,14; al-Bukhari, *Sahih*, II, hlm. 111] , mengubah sebahagian hukum Allah dan sunnah Nabi (Saw.) (al-Suyuti,*Tarikh al-Khulafa'* hlm.136)

Al-Bukhari meriwayatkan bahawa al-Musayyab berkata: Aku berjumpa al-Barra' bin 'Azib (r.a), lalu aku berkata:Alangkah beruntungnya anda kerana anda telah bersahabat (Sahabta) dengan Nabi (Saw.) dan membaiahnya di bawah pokok. Lantas dia menjawab: Wahai anak saudaraku! Sebenarnya anda tidak mengetahui apa yang kami lakukan (*Ahdathna-hu*) selepasnya (al-Bukari, *Sahih*,v,hlm. 343(Hadis no.488)

Kesemua hadis-hadis tersebut adalah menepati ayat al-Inqilab firmanNya di dalam Surah Ali Imran (3): 144:"*Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Barang siapa yang berbalik ke belakang(murtad), maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun dan Allah akan memberi balasan kepada mereka yang bersyukur.*" Dan bilangan yang sedikit sahaja yang "terselamat" adalah menepati firman-Nya di dalam Surah Saba' (34): 13:"*Dan sedikit sekali dari hamba-hambaku yang berterima kasih.*"

Kesimpulan

Kekafiran majoriti para sahabat yang dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam Sahih-Sahih mereka amatlah memeranjatkan dan memilukan sekali. Sepatutnya perkara tersebut tidak berlaku sehingga Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim tidak boleh dikira Sahih lagi kerana catatan mereka menyalahi akidah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah yang menegaskan bahawa semua para sahabat adalah adil(kebal) atau catatan mereka merupakan suatu kebenaran, tetapi kita tidak boleh menerimanya sehingga kita memusuhi orang lain dengan melemparkan tuduhan terhadap mereka,malah menghukum mereka pula?

Lantaran itu mana-mana Muslim sama ada dia seorang yang bergelar sahabat, tabi'i, mufti, kadi dan kita sendiri, tidak boleh mengubah atau menukar atau menagguhkan atau melanggar atau membatalkan mana-mana hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya dengan alasan Maqasidu sy-Syari'ah, Maslahah, dan sebagainya.Kerana Allah dan Rasul-Nya tidak akan meridhai perbuatan tersebut.Firman-Nya" *Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah(hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya,maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*" (Al-Ahzab(33):35)

Firman-nya "*Tidak,demi Tuhan,mereka tidak juga beriman sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk mengurus perselisihan di kalangan mereka,kemudian mereka tiada keberatan di dalam hati mereka menerima keputusan engkau,dan mereka menerima dengan sebenar-benarnya*"(Al-Nisa'(4):65)Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir*"(al-Ma 'idah(5):44)

Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim*"(al-Ma 'idah(5):45) Firman-Nya "*Barang siapa yang tidak menghukum menurut hukum yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq*"(al-Ma'idah(5):47)

Dan firman-Nya "*Barang siapa yang menentang Rasul,sesudah nyata petunjuk baginya dan mengikut bukan jalan orang-orang Mukmin,maka kami biarkan dia memimpin dan kami memasukkan dia ke dalam nereka Jahannam.Itulah sejahat-jahat tempat kembali*"(Al-Nisa '(4);115)

Semoga semua Muslimun dahulu dan sekarang, sama ada sahabat atau tidak, akan diampun dosa mereka dan dimasukkan ke Syurga-Nya. Amin.

LAMPIRAN B

KONSEP LAKNAT DI DALAM AL-QUR'AN

Pengenalan

Perkataan *la'nat* (laknat) dan pecahannya disebut sekurang-kurangnya 32 kali di dalam al-Qur'an di dalam berbagai perkara yang melanggari perintah Allah dan Rasul-Nya. Mengikut Muhammad Abu Bakr 'Abd al-Qadir al-Razi perkataan *la'nat* (laknat) memberi erti " pengusiran dan berjauhan dari kebaikan" (*al-Tard wa al-Ib'ad mina l-khair*)(*Mukhtaral-Sihhah*, hlm.108, Cairo, 1950). J.MiltonCowan menyatakan *la'nat* adalah "*curse*". *La'natullahi 'Alaihi* bererti" *God's curse upon him* (*A Dictionary of Written Arabic*, London 1971.,hlm.870). Sementara *Kamus Dewan* pula menyatakan laknat adalah " kemurkaan Allah dan jauh dari petunjuk-Nya; setiap perbuatan jahat akan menerima kutukan (laknat) daripada Allah.(*Kamus Dewan*,hlm.694,Kuala Lumpur,1971)

Mereka yang dilaknati di dalam al-Qur'an

Di sini dikemukakan sebahagian daripada mereka yang dilaknati di dalam al- Qur'an seperti berikut:

1.Laknat Allah kepada mereka yang mengingkari perintah-Nya.

Firman-Nya "*Sesungguhnya Allah* ***melaknat*** *(mengutuk) orang-orang yang kafir(ingkar) dan menyediakan untuk mereka api yang menyala-nyala*" (Al- Ahzab(33):64) "*Sesungguhnya di atas engkau* ***laknat*** *sampai hari pembalasan*" (Al-Hijr(15):35) "*Sesungguhnya di atasmu* ***laknatku*** *sampai hari pembalasan*" (Sad(38):78)

Ini menunjukkan barang siapa yang mengingkari walaupun satu hukum daripada hukum-hukum-Nya adalah termasuk orang yang ingkar terhadap hukum-Nya.Apatahlagi jika seorang itu menukarkan hukum Allah dengan hukumnya sendiri.Kerana setiap individu Muslim sama ada Nabi (Saw.) atau bukan Nabi tidak boleh menyalahi al-Qur'an.Firman-Nya " *katakanlah: Sesungguhnya aku takut jika aku mendurhakai Tuhan-ku,akan azab hari yang besar*"(Al-An'am (96):15).Jika Nabi (Saw.)merasa takut kepada Allah jika dia menderhaka-Nya, maka orang lain sama ada yang bergelar khalifah atau sahabat atau mana-mana individu sepatutnya lebih takut lagi untuk menderhaka perintah-Nya.

2.Laknat Allah kepada mereka yang menyakiti-Nya dan Rasul-Nya.

Firman-Nya "*Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya, nescaya mereka* ***dilaknati*** *Allah di Dunia dan di Akhirat dan Dia menyediakan mereka seksa yang menghinakan(mereka)* (Al-Ahzab(33):57)

Ini bererti barang siapa yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya walau dengan apa cara sekalipun dilaknati Allah, Rasul-Nya,para Malaikat-Nya dan Mukminun.Sama ada dengan menentang hukum Allah dan Sunnah Nabi-nya atau menghina Allah dan Rasul-Nya dengan membatalkan hukum-Nya dan Sunnah Nabi-Nya di atas alasan *maslahah* umum atau sebagainya.

Justeru itu, orang yang menghina Nabi (Saw.)dan mempersendakan Nabi (Saw.) dengan mengatakan bahawa Nabi (Saw.) "Sedang meracau" di hadapan Nabi (Saw.)" Kitab Allah adalah cukup dan kami tidak perlu kepada Sunnah Nabi (Saw.)" .(al-Bukhari, *Sahih*, I, hlm. 36; Muslim, *Sahih*, III, hlm. 69) "Sunnah nabi (Saw.) mendatangkan perselisihan dan pertengkaran kepada Umat [Al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, I , hlm.3]" " Orang yang telah mengepung dan membakar rumah anak perempuan Nabi (Saw.)Fatimah (a.s) dan berkata: "Aku akan membakar kalian sehingga kalian keluar untuk memberi bai'ah kepada Abu Bakar."[Al-Tabari, *Tarikh*, III, hlm. 198; Abu-l-Fida" ,*Tarikh*, I, hlm. 156] merampas Fadak daripada Fatimah (a.s) yang telah diberikan kepadanya oleh Nabi (Saw.) semasa hidupnya(Lihat Ahmad bin Tahir al-Baghdadi, *Balaghah al-Nisa'*, II ,hlm.14;Umar Ridha Kahalah, *A'lam al-Nisa'*, III, hlm.208; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, IV, hlm.79,92),menyakiti hati Fatimah, Ali, al-Hasan dan al-Husain,kerana Rasulullah (Saw.) bersabda "*Siapa menyakiti Fatimah, dia menyakitiku, dan siapa menyakitiku ,dia menyakiti Allah*" "*Siapa menyakiti Ali, sesungguhnya dia menyakitiku,dan siapa yang menyakitiku, dia menyakiti Allah*" "al-Hasan dan al-Husain kedua-dua mereka adalah pemuda Syurga" (al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.129-131 dan lain-lain).

Mereka yang membakar Sunnah Nabi (Saw.) (Ibn Sa'd, *Tabaqat*, V , hlm. 140), " menghalang orang ramai dari meriwayatkan Sunnah Nabi (Saw.) " [al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*,I,hlm. 7], mengesyaki Nabi (Saw.) sama ada berada di atas kebenaran atau kebatilan [Muslim, *Sahih*,IV, hlm.12,14; al-Bukhari, *Sahih*, II, hlm. 111] , mengubah sebahagian hukum Allah dan sunnah Nabi (Saw.) (al-Suyuti,*Tarikh al-Khulafa"* hlm.136) adalah termasuk orang yang dilaknati Allah, Rasul-Nya,para Malaikat-Nya dan Mukminun.Dan jika seorang itu tidak melakukan laknat kepada mereka di atas perbuatan mereka yang *dilaknati* Allah dan Rasul-Nya, maka dia bukanlah Mukmin yang sebenar. Apatah lagi jika dia mempertahankan perbuatan mereka

tersebut sebagai sunnah atau agama bagi bertaqarrub kepada Allah (swt).

3.Laknat Allah kepada mereka yang menyembunyikan hukum-Nya di dalam kitab-Nya.

Firman-Nya "*Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan dan petunjuk setelah Kami menerangkannya kepada orang ramai,nescaya mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati oleh orang-orang yang mengutuknya*" (Al-Baqarah (2):159)

Ini bererti barang siapa yang menyembunyikan hukum Allah dan Sunnah Nabi-Nya yang sepatutnya didedahkan kepada masyarakat, tetapi dia tidak menerangkannya kepada mereka kerana kepentingan tertentu , maka dia dilaknati Allah dan orang-orang yang melaknatinya . Apatah lagi jika dia seorang yang mempunyai autoritatif di dalam agama.Kerana kosep hukum Allah tidak boleh disembunyikannya, kerana ia harus dilaksanakannya.Di samping itu,dia tidak boleh cenderung kepada orang-orang yang zalim,kerana Firman-Nya " *Janganlah kamu cenderung kepada orang yang melakukan kezaliman, lantas kamu akan disambar oleh api neraka.Dan tidak ada bagimu wali selain daripada Allah,kemudian kamu tiada mendapat pertolongan*" (Hud(11):113).

4.Laknat Allah kepada mereka yang membohongi-Nya dan Rasul-Nya.

Firman-Nya "*Barang siapa yang membantah engkau tentang kebenaran itu,setelah datang kepada engkau ilmu pengetahuan,maka katakanlah: Marilah kamu,kami panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu,perempuan kami dan perempuan kamu dan diri kami dan diri kamu,kemudian kita bermubahalah (bersungguh-sungguh berdoa),lalu kita jadikan* ***laknat*** *Allah atas orang yang berbohong*"(Ali 'Imran (3):61)

Ini bererti mereka yang membohongi Allah dan Rasul-nya selepas dikemukakan hukum al-Qur'an dan Sunnah Nabi-Nya,tetapi mereka masih membantahnya, maka mereka itulah **dilaknati** Allah dan Rasul-Nya. .Ayat ini dikenali dengan ayat al-Mubahalah.Ia berlaku di antara Nabi (Saw.) dan Ahlu l-Baitnya (a.s) di satu pihak dan Nasrani Najran di pihak yang lain.

Nabi (Saw.) telah mempertaruhkan kepada Nasrani Najran *abna'a-na* anak-anak kami (al-Hasan dan al-Husain a.s),*nisa'-ana* perempuan kami (Fatimah a.s) dan *anfusa-na* diri kami(Ali a.s).Imam Ali al-Ridha berkata: "Sesungguhnya ianya dimaksudkan dengan Ali bin Abi Talib (a.s). Buktinya sebuah hadis telah menerangkan maksud yang sama, seperti berikut:" ...*aku akan mengutuskan kepada mereka seorang lelaki*

seperti diriku [ka-nafsi]." Iaitu Ali bin Abi Talib. Ini adalah suatu keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain, kelebihan yang tidak boleh dikaitkan dengan orang lain dan kemuliaan yang tidak dapat didahului oleh sesiapa pun kerana diri Ali seperti dirinya sendiri." (Muhammad Babwaihal-Qummi, *Amali al-Saduq* Najaf,1970,hlm.468)

Akhirnya mereka enggan bermubahalah dengan Nabi)Saw.) dan Ahlu l-Baitnya, lalu mereka membayar jizyah kepada Nabi (Saw.). Jika Nasrani Najran tidak berani menyahuti *mubahalah* Nabi (Saw.) dengan pertaruhan Ahlu l-Baitnya, kerana kebenarannya, apakah gerangan mereka yang mengakui al-Qur'an dan Sunnah Nabi-Nya sebagai asas agama mereka pula berani menentang Ahlu l-Bait(a.s),kemudian menyembunyikan kebenaran al-Qur'an dan Sunnah Nabi-Nya,khususnys mengenai mereka? Jika mereka melakukan sedemikian,nescaya mereka **dilaknati oleh** Allah dan Rasul-Nya, para Malaikat-Nya dan Mukminun.

5.Laknat Allah kepada mereka yang menderhakai-Nya dan Rasul-Nya.

Firman-Nya "*Telah **dilaknati** orang-orang yang kafir dikalangan Bani Isra'il di atas lidah Daud dan Isa anak lelaki Maryam.Demikian itu disebabkan mereka telah mendurhaka dan melampaui batas.Mereka tidak melarang sesuatu yang mungkar yang mereka perbuat.Sungguh amat jahat apa yang mereka perbuat*"(Al-Ma'idah(5):78-79)

Firman-Nya " *Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah(hak) memilih di dalam urusan mereka apabila Allah dan Rasul-Nya memutuskan urusan itu.Barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya,maka ianya telah sesat dengan kesesatan yang nyata*" (Al-Ahzab(33):35)

Ini bererti barang siapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya;sama ada melakukan perkara-perkara yang menyalahi hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya serta tidak melakukan konsep "*Amru Ma'ruf Nahyu Munkar*", maka mereka dilaknati Allah dan Rasul-Nya.Dan siapa yang dilaknati Allah dan Rasul-Nya,maka para Malaikat dan Mukminun akan melaknati mereka.

6.Laknat Allah kepada mereka yang zalim.

Firman-Nya "*Ahli syurga menyeru ahli neraka: Kami telah memperolehi apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kami dengan sebenarnya.Adakah kamu memperolehi apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kami dengan sebenarnya? Mereka itu menjawab:Ya.Lalu menyeru orang yang menyeru(Malaikat) di kalanggan mereka: Sesungguhnya **laknat** Allah ke atas orang yang zalim.(iaitu) orang-orang yang*

menghalangi jalan Allah dan mereka mencari jalan bengkok,sedang mereka itu kafir terhadap Akhirat" (Al-A'raf(7):44-45)dan, "*Barang siapa yang tidak menghukum dengan hukum Allah,maka merekalah orang yang zalim*") Al-Ma'dah (5):45)

Ini bererti sebarang kecenderungan terhadap orang-orang yang zalim akan di sambar oleh api neraka.Apatah lagi jika seorang itu meredai atau menyokong mereka atau bekerja sama dengan mereka.Saidina Ali (a.s) berkata: "Mereka yang bersekutu di dalam kezaliman adalah tiga:Pelaku kezaliman,pembantunya dan orang yang menridhai kezaliman itu" (*Tuhafu l 'uqul 'n Ali r-Rasul*,hlm.23 dan lain-lain.Jueteru itu mereka dilaknati Allah dan Rasul-Nya serta Mukminun.

7.Laknat Allah kepada mereka yang mengingkari perjanjian Allah, melakukan kerosakan di Bumi dan memutuskan silaturahim.

Firman-Nya " *Mereka yang mengingkari janji Allah sesudah eratnya dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah supaya diperhubungkan dan mereka membuat kerosakan di muka bumi,untuk mereka* **laknat** dan *untuk mereka tempat yang jahat* "(Al-Ra'd(13):25) dan " *Apakah kiranya jika kamu menjadi wali (berkuasa) kamu melakukan kerosakan di muka bumi dan memutuskan silatu r-Rahim? Mereka itulah yang* ***dilaknati*** All*ah,lalu Dia memekakkan mere ka dan membutakan pemandangan mereka* " (Muhammad(47)22-23)

Ini bererti mereka yang mengingkari janji Allah dengan mendurhakai-Nya, kemudian melakukan kerosakkan di muka bumi dengan mengubah hukum-Nya dan Sunnah Nabi-Nya serta memutuskan *silatu r-Rahim*, maka bagi mereka **laknat** Allah dan Rasul-Nya.

Justeru itu tidak hairanlah jika Saidina Ali (a.s) telah melaknati mereka yang telah mengubah agama Allah dan Sunnah Nabi-Nya. Beliau berdoa:Wahai Tuhanku!Laknatilah mereka yang telah mengubah agamaMu, menukar ni'kmatMu (*khilafah*), menuduh perkara-perkara yang bukan-bukan terhadap Rasul-Mu (Saw.), menentang jalanMu, menyalahi agamaMu, mengingkari nikmatMu, menentang *kalam*Mu, mempersenda-sendakan Rasul-Mu...(al-Majlisi, *Biharu l-Anwar*, Bairut 1991, xxx ,hlm.393)Sementara Imam Ja'far al-Sadiq pula berdoa:Wahai Tuhanku!Pertingkatlah laknatMu dan azabMu ke atas mereka yang telah mengingkari ni'matMu, mengkhianati Rasul-Mu,menuduh NabiMu perkara yang bukan-bukan dan menentangnya...(*Ibid*,hlm.395)

Kesimpulan

Berdasarkan kepada ayat-ayat tersebut, maka **Laknat** boleh atau harus dilakukan kepada mereka yang mempersendakan Allah dan

Rasulullah (Saw.), menghina, mengingkari, membatal, mengubah, menangguh dan menggantikan sebahagian daripada hukum Allah (swt) dan Sunnah Rasul-Nya dengan pendapat atau sunnah mereka sendiri sama ada orang itu bergelar khalifah atau sahabat atau tabi'in dan sebagainya.

Justeru itu, ungkapan "melaknat khalifah atau sahabat tertentu atau polan dan polan" tidak menjadi perkara sensitif lagi jika kita meletakkan mereka sama ada khalifah, sahabat, individu , kita sendiri di bawah martabat Rasulullah (Saw.), dan Rasulullah (Saw.) pula di bawah martabat Allah (swt).Tetapi jika mereka meletakkan seorang khalifah, sahabat atau mana mana individu lebih tinggi daripada martabat Allah dan Rasul-Nya dari segi pengamalan hukum dan sebagainya, maka mereka tidak akan meredai Allah dan Rasul-Nya dengan sepenuhnya di dalam perkara tersebut. Kerana penilaian kebenaran bagi mereka bukanlah al-Qur'an dan Sunnah Nabi (Saw.) secara keseluruhannya, malah seorang khalifah atau sahabat menjadi penilaian kebenaran mereka.Lalu mereka menjadikan pendapat atau sunnah "mereka" yang menyalahi *Nas* sebagai agama bagi mendekatkan diri mereka kepada-Nya.

LAMPIRAN C

KONSEP PELAMPAU DI DALAM AL-QUR'AN

Pengenalan Dan Definisi

Perkataan "pelampau" bererti orang yang melakukan sesuatu dengan berlebih-lebihan, orang yang mempunyai faham (kepercayaan) yang berlebih-lebihan (*Kamus Dewan*, Kuala Lumpur,1991, hlm.701).Di dalam bahasa Arab di panggil *al-Ghali*, kata jamaknya *al-Ghulat* bererti " orang yang melampaui had" (Muhammad bin Abu Bakr bin Abdu l-Qadir ar-Razi, *Mukhtar as-Sihhah*,Mesir 1950, hlm.505).Di dalam bahasa Inggeris bererti "extremist" .J.Milton Cowan, *A Dictionary Of Modern Written Arabic*, London, 1971, hlm.683). Di dalam al-Qur'an ia disebut sebanyak dua kali dengan perkataan "*taghlu*".

Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan:

Pertama.Firman-Nya "*Hai Ahlu l-Kitab, janganlah kamu melampaui batas atau berlebih-lebihan di dalam agamamu (La taghlu fi dini-kum) dan janganlah kamu berkata terhadap Allah melainkan kebenaran) (wa la taqulu 'ala Llahi illa l-Haqqa).Sesungguhnya Isa anak Mariam Rasul Allah dan kalimah-Nya (Inan-ma l-Masihu 'Isa bna Maryam Rasulullah wa kalimatu-hu).Dia telah mencampakkan-Nya (kalimat) kepada Maryam berserta roh daripada-Nya (alqa-ha ila Maryama wa ruhun min-hu).Lantaran itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya (fa-aminu bi-Llahi wa rasuli-hi).Dan janganlah kamu berkatakan (Tuhan itu) bertiga (wa la taqulu thalathah). Berhentilah kamu,itu adalah lebih baik bagimu (Intahu khairun la-kum).Sesungguhnya Allah hanya Tuhan yang Esa (Inna-ma Llahu ilahun wahidun).Maha suci Dia bahawa ada bagi-Nya seorang anak (Subhanah an yakunu la-hu waladun).Bagi-Nya apa yang di langit dan apa di bumi (la-hu ma fi s-Samawati wa l-Ardh).Cukuplah Allah* menjadi wakil (*wa kafa bi Llahi wakila*).(al-Nisa'(4):171).

Kedua.Firman-Nya "*Katakanlah:Hai Ahlu l-Kitab,janganlah kamu melampaui batas atau berlebih-lebihan dalam agama selain dari kebenaran (La taghlu fi-dini-kum ghaira l-Haqqi) dan janganlah kamu menuruti hawa nafsu mereka yang telah sesat sebelum itu (wa la tattabi'u ahwa qaumin qad Dhallu min qablu)dan telah menyesatkan kebanyakan(manusia) dan mereka telah sesat dari jalan yang lurus (wa adhallu kathiran wa Dhallu 'an sawa as-sabili)*"(al-An'am(5):77).

Perkataan yang penting di dalam ayat pertama

1.*La taghlu fi dini-kum*(Janganlah kamu melampaui batas/berlebih-lebihan dalam agama kamu.
2.*Wa la taqulu 'ala Llahi illa l-Haqqa* (Janganlah kamu berkata terhadap Allah melainkan kebenaran).
3. *Inna-ma l-Masihu 'Isa bna Maryam Rasulu Llahi wa kalimatu-hu.* (Sesungguhnya Isa anak Mariam Rasul Allah dan kalimah-Nya).
4. *Alqa-ha ila Maryama wa ruhun min-hu.*(Dia telah mencampakkan-Nya (kalimat itu) kepada Maryam berserta roh daripada-Nya)
5.*Fa-aminu bi-Llahi wa rasuli-hi* (Lantaran itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya).
6. *Wa la taqulu thalathah* (Dan janganlah kamu berkatakan (Tuhan itu) bertiga)
7. *Intahu khairun la-kum* (Berhentilah kamu,itu adalah lebih baik bagimu).
8. *Inna-ma Llahu ilahun wahidun* (Sesungguhnya Allah hanya Tuhan yang Esa).
9. (*Subhanah an yakunu la-hu waladun*(Maha suci Dia bahawa ada bagi-Nya seorang anak).

Perkataan yang penting di Dalam ayat kedua

1.*La taghlu fi-dini-kum ghaira l-Haqqi* (janganlah kamu melampaui batas atau berlebih-lebihan dalam agama selain dari kebenaran)
2.*wa la tattabi'u ahwa qaumin qad dhallu min qablu* (dan anganlah kamu menuruti hawa nafsu mereka yang telah sesat sebelum itu)
3.*wa adhallu kathiran wa dhallu 'an sawa as-sabili* (dan telah menyesatkan kebanyakan(manusia) dan mereka telah sesat dari jalan yang lurus)

Ayat-ayat tersebut memberi implikasi:

1.Kebenaran (*al-Haqq*) adalah menepati hukum Allah.
2.Kebenaran adalah menepati Sunnah Rasul-Nya.
3.Kebenaran tidak boleh diubah oleh sesiapapun.Mereka tidak boleh mengubah atau mengangkat status al-Masih, dan ibunya Maryam kepada status Tuhan.
4.Memertabatkan Rasul-Nya setaraf dengan Allah, apatah lagi menjadikan tarafnya lebih tinggi daripada Allah dari segi pelaksanaan hukum dan sebagainya adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).
5.Melebih-lebihkan para sahabat Rasulullah (Saw.)daripada Rasulullah, apatah lagi menjadikan taraf mereka lebih tinggi daripada Rasulullah

(Saw.) dari segi pelaksanaan hukum dan sebagainya adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

6.Melebih-lebihkan sunnah sahabat sama ada sunnah Abu Bakr , Umar,Uthman atau sesiapa sahaja dari hukum Allah dari segi pelaksanaan hukum dan sebagainya adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

7.Melebih-lebihkan sunnah sahabat sama ada sunnah Abu Bakr,Umar,Uthman atau sesiapa sahaja daripada Sunnah Rasul-Nya adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

8.Menolak sebahagian daripada hukum Allah adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

9.Menolak sebahagian daripada Sunnah Rasul-Nya adalah termasuk golngan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

10.Membatal atau menggantikan hukum Allah dengan sunnah Abu Bakr,Umar,Uthman atau sesiapa sahaja adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

11.Membatal atau menggantikan Sunnah Rasul-Nya dengan sunnah Abu Bakr,Umar,Uthman atau sesiapa sahaja adalah termasuk golongan pelampau agama (*Ghulat fi d-Din*).

12.Pelampau agama (*Religious exterimist*) adalah sesat dan meyesatkan dari jalan yang lurus.

Kesimpulan

Tidak ada seorangpun yang setaraf dengan Allah dari semua segi. Dia Yang Maha Esa dan Perkasa. Hukum-Nya adalah wajib ditaati oleh para Rasul-Nya dan pengikut-pengikut mereka.Hukum-Nya mengatasi hukum makhluk-Nya.Barang siapa yang melebih-lebihkan (*yaghlun*) hukum makhluk dari hukum-Nya dengan alasan *Ijtihad, Masalih Mursalah, Maqasidu sy-Syari'ah, Ijmak, Qiyas,* dan lain-lain adalah termasuk golongan pelampau agama.Sepatutmya istilah-istilah tersebut digunakan untuk melaksanakan hukum-Nya, dan bukan untuk membatal atau menangguh atau menyalahinya.Akibatnya mereka menjadi sesat dan meyesatkan sebagaimana terserlah di dalam ayat-ayat tersebut.

LAMPIRAN D

AKIDAH SYI'AH TENTANG AL-QUR'AN

Sesungguhnya Syi'ah mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang adalah benar dan mereka beramal dengannya. Tetapi ianya tidak dinafikan bahawa terdapat kitab-kitab karangan ulama Syi'ah seperti al-Kulaini dan lain-lain yang telah mencatat tentang kurang atau lebihnya ayat-ayat al-Qur'an yang ada sekarang, tetapi ketahuilah anda bahawa bukanlah semua riwayat itu sahih malah ianya ada yang sahih dan ada yang dha'if. Contohnya al-Kulaini telah meriwayatkan di dalam al-Kafi bahawa Rasulullah (S.a.w telah dilahirkan pada 12 Rabi'ul Awwal tetapi ianya ditolak oleh majoriti ulama Syi'ah kerana mereka berpendapat bahawa Nabi SAW telah dilahirkan pada 17 Rabi'ul Awwal.

Begitu juga mereka menolak kitab al-Hassan bin al-'Abbas bin al-Harisy yang dicatat oleh al-Kulaini di dalam *al-Kafi*, malah mereka mencela kitab tersebut. Begitu juga mereka menolak riwayat al-Kulaini bahawa orang yang disembelihkan itu adalah Nabi Ishaq bukan Nabi Isma'il AS (*al-Kafi*, IV, hlm. 205). Justeru itu riwayat al-Kulaini umpamanya tentang kekurangan dan penambahan ayat-ayat al-Qur'an adalah riwayat yang lemah (*Majallah Turuthuna*, Bil. XI, hlm. 104). Kerana ulama Syi'ah sendiri telah menjelaskan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam *al-Kafi*, malah mereka menolak sebahagian besar riwayat al-Kulaini. Begitu juga dengan kitab al-*Istibsar fi al-Din*, *Tahdhib al-Ahkam* karangan al-Tusi dan *Man La Yahdhuruhu al-Faqih* karangan Ibn Babuwaih, sekalipun 4 buku tersebut dikira muktabar di dalam mazhab Syi'ah, umpamanya *al-Kafi* yang mempunyai 16,199 hadis telah dibahagikan kepada 5 bahagian (di antaranya):

i. *Sahih*, mengandungi 5,072 hadis.
ii. *Hasan*, 144 hadis.
iii. *al-Muwaththaq*, 1128 hadis (iaitu hadis-hadis yang diriwayatkan oleh orang yang bukan Syi'h tetapi mereka dipercayai oleh Syi'ah).
iv. *al-Qawiyy*, 302 hadis.
v. *Dhaif*, 9,480 hadis. (Lihat Sayyid Ali al-Milani, "al-Riwayat Li Ahadis al-Tahrif "di dalam *Turuthuna*, Bil. 2, Ramadhan 1407 Hijrah, hlm. 257).

Oleh itu riwayat-riwayat tentang penambahan dan kekurangan al-Qur'an telah ditolak oleh ulama Syi'ah Imamiyah mazhab Ja'fari dahulu dan sekarang. Syaikh al-Saduq (w. 381H) menyatakan "*i'tiqad* kami bahawa al-Qur'an yang telah diturunkan oleh Allah ke atas Nabi Muhammad SAW dan keluarganya ialah di antara dua kulit (buku) iaitu al-Qur'an yang ada pada orang ramai dan tidak lebih dari itu. Setiap orang yang mengatakan al-Qur'an lebih dari itu adalah suatu pembohongan." (*I'tiqad* Syaikh al-Saduq, hlm. 93). Syaikh al-Mufid (w. 413H) menegaskan bahawa al-Qur'an tidak kurang sekalipun satu

kalimah, satu ayat ataupun satu surah (*Awa'il al-Maqalat*, hlm. 55). Syarif al-Murtadha (w. 436H) menyatakan al-Qur'an telah dijaga dengan rapi kerana ia adalah mu'jizat dan sumber ilmu-ilmu Syarak, bagaimana ia boleh diubah dan dikurangkan? Selanjutnya beliau meyatakan orang yang mengatakan al-Qur'an itu kurang atau lebih tidak boleh dipegang pendapat mereka (al-Tabrasi, *Majma' al-Bayan*, I, hlm. 15). Syaikh al-Tusi (w. 460H) menegaskan bahawa pendapat mengenai kurang atau lebihnya al-Qur'an adalah tidak layak dengan mazhab kita (*al-Tibyan fi Tafsir al-Qur'an*, I, hlm.3). Begitu juga pendapat al-Allamah Tabataba'i dalam *Tafsir al-Mizan*, Jilid 7, hlm. 90 dan al-Khu'i dalam *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, I, hlm. 100, mereka menegaskan bahawa al-Qur'an yang ada sekarang itulah yang betul dan tidak ada penyelewengan.

Demikianlah sebahagian daripada pendapat-pendapat ulama Syi'ah dahulu dan sekarang yang mengaku kesahihan al-Qur'an yang ada pada hari ini. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata,"Apabila datang kepada kamu dua hadis yang bertentangan maka hendaklah kamu membentangkan kedua-duanya kepada Kitab Allah dan jika ianya tidak bertentangan dengan Kitab Allah, maka ambillah dan jika ianya bertentangan Kitab Allah, maka tinggalkanlah ia" (Syaikh, al-Ansari, *al-Rasa'il*, hlm. 446).

Kata-kata Imam Ja'far al-Sadiq itu menunjukkan al-Qur'an yang wujud sekarang ini adalah al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah ke atas Nabi SAW tanpa tambah dan kurang jika tidak, ianya tidak menjadi rujukan kepada Muslimin untuk membentangkan hadis-hadis Nabi (S.a.w) yang sampai kepada mereka. Oleh itu mazhab Syi'ah Ja'fari samalah dengan mazhab Ahlu s-Sunnah dari segi menjaga al-Qur'an dari penyelewengan, tetapi apa yang anehnya ialah terdapat banyak riwayat di dalam buku-buku Sahih Ahlu s-Sunnah sendiri yang mencatatkan bahawa al-Qur'an telah ditambah, dikurang dan ditukarkan, di antaranya seperti berikut:

1.Al-Bukhari di dalam *Sahihnya*, VI, hlm. 210 menyatakan (Surah al-Lail (92):3 telah ditambah perkataan "*Ma Khalaqa*" oleh itu ayat yang asal ialah "*Wa al-Dhakari wa al-Untha*" tanpa "*Ma Khalaqa*". Hadis ini diriwayatkan oleh Abu al-Darda', kemudian ianya dicatat pula oleh Muslim, *Sahih*,I,hlm. 565; al-Turmudhi, *Sahih*, V, hlm. 191.

2. Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 394; al-Turmudhi, *Sahih*, V, hlm. 191 menyatakan (Surah al-Dhariyat (51):58 telah diubah dari teks asalnya "*Inni Ana r-Razzaq*" kepada "*Innallah Huwa r-Razzaq*" iaitu teks sekarang.

3. Muslim, *Sahih*, I, hlm. 726; al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 224 meriwayatkan dari Abu Musa al-Asy'ari,"Kami membaca satu surah seperti Surah al-Bara'ah dari segi panjangnya, tetapi aku telah lupa, hanya aku mengingati sepotong dari ayatnya,"*Sekiranya anak Adam*

(manusia) mempunyai dua wadi dari harta, nescaya dia akan mencari wadi yang ketiga dan perutnya tidak akan dipenuhi melainkan dengan tanah."

4. Al-Suyuti, *al-Itqan*, II, hlm. 82, meriwayatkan bahawa 'Aisyah menyatakan Surah al-Ahzab (33):56 pada masa Nabi SAW adalah lebih panjang iaitu dibaca "*Wa'ala al-Ladhina Yusaluna al-Sufuf al-Uwal*" selepas "*Innalla ha wa Mala'ikatahu Yusalluna 'Ala al-Nabi...*" Aisyah berkata,"Iaitu sebelum Uthman mengubah mashaf-mashaf."

5. al-Muslim, *Sahih*, II, hlm. 726, meriwayatkan bahawa Abu Musa al-Asy'ari membaca selepas Surah al-Saf (61):2, "*Fatuktabu syahadatan fi A'naqikum...*"tetapi ianya tidak dimasukkan ke dalam al-Qur'an sekarang.

6. Al-Suyuti, *al-Itqan*, I, hlm. 226 menyatakan bahawa dua surah yang bernama "*al-Khal'*" dan "*al-Hafd*" telah ditulis dalam mashaf Ubayy bin Ka'b dan mashaf Ibn 'Abbas, sesungguhnya 'Ali AS mengajar kedua-dua surah tersebut kepada Abdullah al-Ghafiqi, 'Umar dan Abu Musa al-Asy'ari juga membacanya

7. Malik, *al-Muwatta'*, I, hlm. 138 meriwayatkan dari 'Umru bin Nafi' bahawa Hafsah telah meng'imla' "*Wa Salati al-Asr*" selepas Surah al-Baqarah (2): 238 dan ianya tidak ada dalam al-Qur'an sekarang. Penambahan itu telah diriwayatkan juga oleh Muslim, Ibn, Hanbal, al-Bukhari, dan lain-lain.

8. Al-Bukhari, *Sahih*, VIII, hlm. 208 mencatatkan bahawa ayat al-Raghbah adalah sebahagian daripada al-Qur'an iaitu "*La Targhabu 'an Aba'ikum*" tetapi ianya tidak wujud di dalam al-Qur'an yang ada sekarang.

9. Al-Suyuti, *al-Itqan*, III, hlm. 82; *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 180 meriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa dia berkata,"Surah al-Ahzab dibaca pada zaman Rasulullah SAW sebanyak 200 ayat, tetapi pada masa 'Uthman menulis mashaf ianya tinggal 173 ayat sahaja."

10. Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 192 mencatatkan bahawa di sana terdapat ayat yang tertinggal selepas Surah al-Ahzab (33):25 iaitu "*Bi 'Ali bin Abi Talib*". Jadi ayat yang dibaca, "*Kafa Llahul Mu'minin al-Qital bi 'Ali bin Abi Talib.*"

11. Ibn Majah, *al-Sunan*, I, hlm. 625 mencatat riwayat daripada 'Aisyah RD dia berkata: ayat al-Radha'ah sebanyak 10 kali telah diturunkan oleh Allah dan ianya ditulis dalam mashaf di bawah katilku, tetapi

manakala wafat Rasulullah SAW dan kami sibuk dengan kewafatannya, maka ianya hilang.

12. Al-Suyuti, *al-Itqan*, III, hlm. 41 mencatatkan riwayat daripada 'Abdullah bin 'Umar, daripada bapanya 'Umar bin al-Khattab, dia berkata,"Janganlah seorang itu berkata aku telah mengambil keseluruhan al-Qur'an, apakah dia tahu keseluruhan al-Qur'an itu? Sesungguhnya sebahagian al-Qur'an telah hilang dan katakan sahaja aku telah mengambil al-Qur'an mana yang ada." Ini bererti sebahagian al-Qur'an telah hilang. Demikianlah di antara catatan para ulama Ahlu s-Sunnah mengenai al-Qur'an sama ada lebih atau kurang di dalam buku-buku Sahih dan muktabar mereka.Bagi orang yang mempercayai bahawa semua yang tercatat di dalam sahih-sahih tersebut adalah betul dan wajib dipercayai, akan menghadapi dilema, kerana kepercayaan sedemikian akan membawa mereka kepada mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang tidak sempurna, sama ada berkurangan atau berlebihan. Jika mereka mempercayai al-Qur'an yang ada sekarang adalah sempurna -- memang ianya sempurna - ini bererti sahih-sahih mereka tidak sempurna dan tidak sahih lagi. Bagi Syi'ah mereka tidak menghadapi dilema ini kerana mereka berpendapat bahawa bukan semua riwayat di dalam buku-buku mereka seperti *al-Kafi*, *al-Istibsar fi al-Din* dan lain-lain adalah sahih, malah terdapat juga riwayat-riwayat yang lemah.Oleh itu untuk mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang ini sempurna sebagaimana yang dipercayai oleh Syi'ah mazhab Ja'fari, maka Ahlu s-Sunnah terpaksa menolak riwayat-riwayat yang terdapat di dalam sahih-sahih mereka demi mempertahankan kesempurnaan al-Qur'an. Dan mereka juga harus menolak riwayat-riwayat yang bertentangan dengan al-Qur'an dan akal seperti hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah,"Sesungguhnya Neraka Jahanam tidak akan penuh sehingga Allah meletakkan kaki Nya, maka Neraka Jahanam berkata: Cukup, cukup."(Al-Bukhari, *Sahih*, III, hlm. 127; Muslim, *Sahih*, II, hlm. 482).

Hadis yang bertentangan

Hadis ini adalah bertentangan dengan ayat al-Qur'an Surah al-Sajdah (32):13 yang bermaksud,...."*Sesungguhnya Aku akan penuhi Neraka Jahanam dengan jin dan manusia*." Juga bertentangan dengan Surah al-Syura (42):11 yang menafikan tajsim "*Tidak ada suatu perkarapun yang menyerupaiNya*." Lantaran aitu tidak hairanlah jika al-Suyuti di dalam *Tadrib al-Rawi*, hlm. 36 menyatakan bahawa al-Bukhari telah mengambil lebih 480 periwayat yang tidak disebut atau diambil oleh Muslim dan ia mengandungi para periwayat yang lemah, sama ada disebabkan oleh pembohongan dan sebagainya, sementara Muslim pula mengambil 620 periwayat yang tidak disebut atau diambil oleh al-

Bukhari dan terdapat di dalamnya 160 periwayat yang lemah. Murtadha al- Askari pula menulis buku berjudul *150 sahabat khayalan*, Beirut, 1968.,berkata: Hanya nama-nama mereka sahaja disebutkan oleh al-Bukhari dan Muslim tetapi mereka sebenarnya tidak pernah wujud.

Kesimpulan

Oleh itu *'sahih"* adalah nama buku yang diberikan oleh orang tertentu, misalnya al-Bukhari menamakannya *'Sahih"* iaitu sahih mengikut pandangannya, begitu juga Muslim menamakan bukunya *'Sahih"* iaitu sahih mengikut pandangannya. Justeru itu buku-buku *'sahih'* tersebut hendaklah dinilai dengan al-Qur'an, kerana *Sahih* yang sebenar adalah sahih di sisi Allah SWT. Dan kita naik saksi bahawa al-Qur'an yang ada di hadapan kita ini adalah sahih dan tidak boleh dipertikaikan lagi.Dengan itu anda tidak lagi menganggap Syi'ah mempunyai al-Qur'an 'lebih atau kurang' isi kandungannnya kerana mereka sendiri menolaknya. Dan ianya telah dicatat di dalam buku-buku *Sahih* dan muktabar Ahlu s-Sunnah tetapi mereka juga menolaknya. Dengan demikian Syi'ah dan Sunnah adalah bersaudara di dalam Islam dan mereka wajib mempertahankan al-Qur'an dan beramal dengan hukumnya tanpa menjadikan 'ijtihad' sebagai alasan untuk menolak (hukum)nya pula.

BIBLIOGRAFI

Abu al-Fida', *Tarikh*, Cairo, 1364

Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, Beirut, 1382 H.

al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Baghdad, 1959.

al-Baladhuri, *Ansab al-Asyraf*, Tunis, 1384 H.

al-Bukhari, *Sahih*, Beirut, 1348 H.

Al-Bukhari, *Sahih*, Chicago, 1987

al-Darimi, *al-Sunan*, Cairo, 1385 H.

al-Dhahabi, *al-Talkhis*, Cairo, 1958.

___________, *Mizan al-I'tidal*, Cairo, 1978.

al-Fadhl bin Syadhan al-Naisaburi, *al-Idhah*, Beirut, 1990.

Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Cairo, 1382H.

al-Haithami, *Majma'al-Zawa'id*, Baghdad, 1378 H.

al-Hakim, *al-Mustadrak Baina al-Sahihaini*, Cairo, 1969.

Al-Hasan bin 'Ali bin al-Husain bin Syu'bah , *Tuhaf al-'Uqul 'an Ali al-Rasul* , al-Najaf , 1380 H.

Al-Kasyi, *al-Rijal* , Baghdad, 1389 H.

Ibn 'Abd al-Birr, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Sahabah*, Cairo, 1365 H.

Ibn 'Abd Rabbih, *'Iqd al-Farid*, Tunis, 1378 H.

Ibn Abual-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, Baghdad, 1382 H.

Ibn al-Athir al-Jazari, *Usd al-Ghabah*, Baghdad, 1969.

Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Cairo, 1956.

al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib,* Teheran, 1378 H.

Al-Khawarizmi, *al-Manaqib,* Cairo,1340 H

al-Kulaini , *Usul al-Kafi* , Beirut 1413 H

________, *al-Raudhah min al-Kafi* , Beirut, 1412

al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad,* Baghdad, 1950.

Ibn al-Nadim , *al-Fihris* , Baghdad, 1391H.

Ibn 'Asakir, *Mukhtasar Tarikh Dimasyq,* 1386 H.

Ibn Hajr al-'Asqalani, *al-Isabah fi Ma'rifah al-Sahabah,* Beirut, 1345 H.

__________,*Fath al-Bari,* Cairo, 1965.

__________,*Tahdhib al-Tahdhib,* Hyderabad, 1328 H.

Ibn Hajr al-Makki, *al-S.a.wa'iq al-Muhriqah,* Baghdad, 1374 H.

al-Halabi, *al-Sirah al-Halabiyyah,* Beirut, 1987.

Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Muhalla,* Beirut, 1401 H.

Ibn Hisyam, *Sirah Ibn Hisyam,* Beirut, 1987.

Ibn Kathir, al-*Tafsir,* Cairo, 1958.

__________,*al-Bidayah wa al-Nihayah,* Cairo, 1365 H.

Ibn Majah, *al-Sunan,* Baghdad, 1367 H.

al-Majlisi, Muhammad al-Baqir, *Bihar al-Anwar* , Beirut 1412 H

Lutpi Ibrahim,*Konsep Imamah Dan Khilafah,* Shah Alam,1993

__________, *Anthologi pemikiran Islam,* Shah Alam, 1993

Malik bin Anas, *al-Muwatta',* Tunis, 1972.

Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha'ir al-'Uqba,* Tunis, 1376 H.

__________, *al-Riyad al-Nadirah,* Cairo, 1389 H.

Muhsin al-Amini, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab,* Beirut, 1967.

Muslim, *Sahih,* Cairo, 1339H.

al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal,* Baghdad,1958.

al-Nasa'i, *al-Khasa'is,* Beirut, 1959.

__________, al-Sunan, Cairo, 1958.

al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, Baghdad, 1395 H.

al-Saduq , *al-Amali* ,al-Najaf, 1389 H

________, Ma ani al-Akhbar ,al-Najaf , 1391 H

al-Salih al-Hanafi , *al-Kaukab al-Durriyy*, Tunis, 1367 H.

Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, Tunis,1972.

al-Syablanji al-Syafi'i, *Nur al-Absar*, Cairo, 1367 H.

al-Syarif al-Radhi, *Nahj al-Balaghagh*, Beirut, 1984.

al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, Cairo, 1963.

___________, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo, 1368

al-Tabari, *Tarikh*, Beirut, 1956

al-Turmudhi, *Sahih*, Cairo, 1382 H.

Al-Tabarsi,Ahmad bin Ali, *al-Ihtijaj* , Beirut 1403 H/1983 M

Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, Cairo, 1957

al-Ya'qubi, *Tarikh*, Beirut, 1379 H.

al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, Cairo, 1957.

INDEKS